



**PARLIMEN MALAYSIA**

**PERATURAN MAJLIS MESYUARAT  
DEWAN RAKYAT**

**Cetakan Ketujuh  
April, 1973**





PARLIMEN MALAYSIA

PERATURAN MAJLIS MESYUARAT  
DEWAN RAKYAT

Cetakan Ketujuh  
April, 1978

DICETAK OLEH  
IBRAHIM BIN JOHARI, P.I.S., KETUA PENGARAH PERCETAKAN  
SEMANANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR  
1978

## KANDUNGANNYA

### URUSAN MESYUARAT

| Bilangan                                                                                                      | MUKA SURAT |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 1. Peraturan Mesyuarat-mesyuarat Pertama selepas Pilihanraya ...                                              | 1          |
| 2. Menetapkan Kerusi Ahli-ahli ...                                                                            | 1          |
| 3. Memilih Tuan Yang di-Pertua ...                                                                            | 1          |
| 4. Aturan Memilih Tuan Yang di-Pertua ...                                                                     | 2          |
| 5. Mengangkat Sumpah ...                                                                                      | 3          |
| 6. Memilih Timbalan Yang di-Pertua ...                                                                        | 3          |
| 7. Tuan Yang di-Pertua ...                                                                                    | 3          |
| 8. Bahasa Rasmi ...                                                                                           | 4          |
| 9. Kewajipan-kewajipan Setiausaha ...                                                                         | 4          |
| 10. Penyata-penyata Rasmi Mesyuarat ...                                                                       | 5          |
| 11. Penggal Majlis dan Mesyuarat-mesyuarat ...                                                                | 5          |
| 12. Persidangan ...                                                                                           | 6          |
| 13. Cukupbilang... ...                                                                                        | 6          |
| 14. Aturan Urusan Mesyuarat ...                                                                               | 6          |
| 15. Susunan Urusan Mesyuarat ...                                                                              | 7          |
| 16. Menangguhkan Majlis ...                                                                                   | 7          |
| 17. Usul Menangguhkan Mesyuarat Akhir Persidangan ...                                                         | 8          |
| 18. Menangguhkan Mesyuarat—Perkara tertentu berkenaan kepentingan orangramai yang berkehendak disegerakan ... | 8          |
| 19. Rayuan-rayuan ...                                                                                         | 9          |
| 20. Risalat-risalat Mesyuarat ...                                                                             | 10         |
| 21. Pertanyaan-pertanyaan ...                                                                                 | 10         |
| 22. Pemberitahu berkenaan dengan pertanyaan-pertanyaan ...                                                    | 11         |
| 23. Isi-isi Pertanyaan ...                                                                                    | 11         |
| 24. Cara mengeluarkan pertanyaan dan menjawab pertanyaan ...                                                  | 13         |
| 25. Penerangan sendiri ...                                                                                    | 14         |
| 26. Pemberitahu Usul ...                                                                                      | 14         |
| 27. Cara-cara mengeluarkan pemberitahu ...                                                                    | 15         |
| 28. Mengubah isi-isi sesuatu usul ...                                                                         | 16         |
| 29. Menarikbalik pemberitahu usul ...                                                                         | 16         |
| 30. Meminda usul-usul ...                                                                                     | 16         |
| 31. Menyokong usul-usul dan pindaan-pindaan ...                                                               | 17         |
| 32. Pindaan-pindaan usul hendaklah dengan surat ...                                                           | 17         |
| 33. Cara membahaskan usul dan pindaan usul ...                                                                | 17         |
| 34. Menarikbalik usul-usul dan pindaan-pindaan ...                                                            | 19         |

Ca: 8994

SETIAUSANA  
DEWAN RAKYAT/PARLIMEN



m 328 - 5 95

## PERATURAN-PERATURAN BERBAHAS

| Bilangan                                                                                                                             | MUKA<br>SURAT |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| 35. Masa dan cara bercakap ... ..                                                                                                    | 19            |
| 36. Isi-isi ucapan ... ..                                                                                                            | 20            |
| 37. Mengganggu ... ..                                                                                                                | 21            |
| 38. Had Perbahasan ... ..                                                                                                            | 21            |
| 39. Mendahului perbahasan ... ..                                                                                                     | 22            |
| 40. Menutup perbahasan ... ..                                                                                                        | 22            |
| 41. Adab ahli-ahli yang tidak bercakap ... ..                                                                                        | 22            |
| 42. Mesyuarat hendaklah diam bila Pengerusi bercakap ... ..                                                                          | 23            |
| 43. Keputusan Pengerusi adalah muktamad ... ..                                                                                       | 23            |
| 44. Tertib dalam Mesyuarat ... ..                                                                                                    | 23            |
| 45. Memutuskan masaalah-masaalah ... ..                                                                                              | 24            |
| 46. Undi dengan suara ... ..                                                                                                         | 25            |
| 47. Belahbahagian ... ..                                                                                                             | 25            |
| 48. Peraturan berkenaan dengan Rang Undang-undang ... ..                                                                             | 26            |
| 49. Rang Undang-undang daripada ahli yang bukan ahli Kerajaan ... ..                                                                 | 26            |
| 50. Rang Undang-undang <i>Private</i> dan Rang Undang-undang Cam-<br>puran ... ..                                                    | 26            |
| 51. Susunan isi Rang Undang-undang ... ..                                                                                            | 28            |
| 52. Pihak-pihak yang dikenai oleh Rang Undang-undang ... ..                                                                          | 28            |
| 53. Bacaan kali yang kedua ... ..                                                                                                    | 28            |
| 54. Menyerahkan Rang Undang-undang kepada Jawatankuasa ... ..                                                                        | 29            |
| 55. Tugas-tugas Jawatankuasa yang menimbangkan Rang Undang-<br>undang ... ..                                                         | 29            |
| 56. Jawatankuasa sebuah-buah Majlis ... ..                                                                                           | 30            |
| 57. Aturan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis yang menim-<br>bangkan Rang Undang-undang ... ..                                    | 30            |
| 58. Aturan dalam Jawatankuasa Pilihan yang menimbangkan Rang<br>Undang-undang ... ..                                                 | 32            |
| 59. Menyerahkan sekali lagi Rang Undang-undang yang telah di-<br>maklumkan oleh Jawatankuasa sebuah-buah Majlis ... ..               | 32            |
| 60. Perbincangan atas Rang Undang-undang yang dimaklumkan<br>oleh Jawatankuasa-jawatankuasa-Pilihan ... ..                           | 33            |
| 61. Bacaan Kali yang Ketiga ... ..                                                                                                   | 33            |
| 62. Menarik balik dan menangguhkan Rang Undang-undang ... ..                                                                         | 33            |
| 63. Rang Undang-undang yang mengandungi syarat-syarat yang<br>hampir-hampir sama maksudnya ... ..                                    | 34            |
| 63A. Rang Undang-undang akan mati ... ..                                                                                             | 34            |
| 64. Melonggarkan syarat-syarat berkehendakkan Rang Undang-<br>undang itu dicap ... ..                                                | 34            |
| 65. Anggaran-anggaran Perbelanjaan Tahunan ... ..                                                                                    | 34            |
| 65A. Anggaran Pembangunan Tambahan ... ..                                                                                            | 34            |
| 66. Peraturan Membahas Rang Undang-undang Perbekalan dan<br>Menimbangkan Anggaran-anggaran Pembangunan Tahunan ... ..                | 34            |
| 67. Peraturan Membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tam-<br>bahan dan Menimbangkan Anggaran-anggaran Pembangunan<br>Tambahan ... .. | 37            |
| 67A. Setiausaha Parlimen boleh mewakili menteri ... ..                                                                               | 39            |

|      |                                                                                                              |    |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 68.  | Kumpulan Wang Luar—jangka ... ..                                                                             | 39 |
| 68A. | Mendahulukan Perbelanjaan ... ..                                                                             | 40 |
| 69.  | Menghantar Rang Undang-undang Wang kepada Dewan Negara                                                       | 40 |
| 70.  | Perutusan-perutusan kepada Dewan Negara ... ..                                                               | 40 |
| 71.  | Perutusan-perutusan daripada Dewan Negara ... ..                                                             | 41 |
| 72.  | Bacaan kali yang pertama Rang Undang-undang yang dibawa daripada Dewan Negara ... ..                         | 41 |
| 73.  | Menimbangkan Pindaan-pindaan yang dibuat oleh Dewan Negara ke atas Rang Undang-undang dan lain-lainnya ...   | 41 |
| 74.  | Aturan menimbangkan Pindaan Dewan Negara ke atas Rang Undang-undang, Pindaan-pindaan dan lain-lainnya ... .. | 41 |
| 75.  | Aturan menimbangkan Rang Undang-undang dalam peringkat-peringkatnya kemudian ... ..                          | 42 |

### JAWATANKUASA-JAWATANKUASA PILIHAN

|      |                                                                                                               |    |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 76.  | Jawatankuasa Pemilih ... ..                                                                                   | 43 |
| 77.  | Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ... ..                                                                     | 43 |
| 78.  | Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat ... ..                                                             | 44 |
| 79.  | Jawatankuasa Dewan ... ..                                                                                     | 44 |
| 80.  | Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ... ..                                                                         | 44 |
| 81.  | Jawatankuasa Pilihan Khas ... ..                                                                              | 45 |
| 82.  | Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan ... ..                                                                        | 45 |
| 83.  | Aturan dalam Jawatankuasa Pilihan ... ..                                                                      | 45 |
| 84.  | Belahbahagian dalam Jawatankuasa Pilihan ... ..                                                               | 47 |
| 85.  | Menyiarkan keterangan sebelum masanya ... ..                                                                  | 48 |
| 86.  | Penyata-penyata daripada Jawatankuasa Pilihan .. ..                                                           | 48 |
| 87.  | Rundingan bersama di antara Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat dengan Jawatankuasa Pilihan Dewan Negara ... .. | 49 |
| 88.  | Aturan Jawatankuasa Pilihan Bersama dan Penyata-penyatanya                                                    | 49 |
| 89.  | Rang Undang-undang dan Pindaan-pindaan yang mengenai cukai, perbelanjaan dan sebagainya ... ..                | 50 |
| 90.  | Merentikan Kuatkuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat ... ..                                                     | 50 |
| 91.  | Ahli-ahli yang tiada dapat hadir ... ..                                                                       | 51 |
| 92.  | Memakai ahli sebagai profesional ... ..                                                                       | 51 |
| 93.  | Orang-orang Luar ... ..                                                                                       | 51 |
| 94.  | Wakil-wakil akhbar ... ..                                                                                     | 51 |
| 95.  | Ayat mengundang-undangan Rang Undang-undang ... ..                                                            | 51 |
| 96.  | Mengeluarkan Rang Undang-undang ... ..                                                                        | 52 |
| 97.  | Belanja Saksi-saksi ... ..                                                                                    | 52 |
| 98.  | Tafsir ... ..                                                                                                 | 52 |
| 99.  | Petua-petua Tuan Yang di-Pertua ... ..                                                                        | 53 |
| 100. | Kuasa-kuasa dalam perkara-perkara lain ... ..                                                                 | 53 |

## DOA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**“Segala puji bagi Allah dibuka Majlis Dewan Rakyat, dengan menyebut nama Allah, Yang Maha Pemurah, Yang Maha Pengasih, kepadaNya terpujang segala puji-pujian, kepada Rasul-RasulNya salawat salam kehormatan, kepada sekalian orang yang taatkan Allah.**

**Ya Allah, yang bersifat maha hikmat, limpah keadilan, yang menanggungkan kewajiban ke atas Pemerintah dan Ahli Majlis Permesyuaratan, bagi mentadbir muslihat masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa aman, makmur limpah kebahagiaan, meliputi sekalian penduduk negara Malaysia.**

**Ya Allah, kami sekalian hambamu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Rakyat, menyempurnakan kewajiban yang diamanahkan, yang terutama bagi negara Malaysia, bagi rakyatnya sekalian.**

**Ya Allah, berkatmu ke atas kami berhimpun dipohon anugerahkan, taufikmu hidayatmu dipohon menyuluh memandukan, pada ketika kami berunding menimbang bertukar fikiran, pada segala perkara yang dibentangkan, dengan saksama serta berkeamanan, menjunjung perintah dan kebesaran Allah, mudah-mudahan berlebih-lebih keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan, bagi negara Malaysia, serta penduduknya sekalian.**

**Ya Allah, dipohonkan doa kami diperkenan, Amin, Ya Tuhan seru alam sekalian.”**



# PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT

## Majlis DEWAN RAKYAT MALAYSIA

### URUSAN MESYUARAT

1. Pada hari mula-mula diadakan mesyuarat Majlis selepas Pilihanraya dan setelah ahli-ahli berkumpul pada waktu dan di tempat yang ditetapkan dan setelah ahli-ahli duduk di kerusi masing-masing menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 2, maka Setiausaha hendaklah membacakan Pemasyhuran Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memanggil mesyuarat dan kemudian daripada itu urusan-urusan yang hendak dijalankan pada hari itu ialah—

Peraturan  
Mesyuarat  
pertama  
selepas  
Pilihanraya

- (a) Memilih Tuan Yang di-Pertua;
- (b) Tuan Yang di-Pertua mengangkat sumpah mengikut seperti yang dibentangkan dalam Jadual Keenam dalam Perlembagaan;
- (c) Ahli-ahli Mesyuarat mengangkat sumpah mengikut seperti yang dibentangkan dalam Jadual Keenam dalam Perlembagaan;

dan setelah selesai urusan-urusan ini, maka Majlis akan ditangguhkan kepada apa-apa tarikh dan waktu yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi memasyhurkan sebab-sebabnya Baginda bertitah memanggil Parlimen.

2. (1) Pada hari yang pertama diadakan mesyuarat selepas Pilihanraya dan kemudian daripada itu sehingga kerusi bagi tiap-tiap ahli ditetapkan, ahli-ahli hendaklah duduk di mana-mana jua tempat yang diaturkan oleh Setiausaha.

Menetapkan  
Kerusi  
Ahli-ahli.

(2) Tuan Yang di-Pertua, sebaik-baik difikirkannya menasabah sesudah ia dipilih jadi Tuan Yang di-Pertua, maka bolehlah ditetapkannya kerusi bagi tiap-tiap orang ahli dan bolehlah diubahnya ketetapan itu dari satu masa ke satu masa sebagaimana yang baik pada timbangannya.

(3) Kerusi-kerusi akan diuntukkan mengikut timbangan Tuan Yang di-Pertua dan keputusannya dalam perkara ini adalah muktamad.

3. Bila-bila jawatan Tuan Yang di-Pertua itu kosong, baik dengan sebab dibubarkan Parlimen atau dengan lain-lain sebab, maka Majlis, sebaik-baik cukupbilang ahlinya, hendaklah memilih Tuan Yang di-Pertua.

Memilih  
Tuan Yang  
di-Pertua.



4. Aturan memilih Tuan Yang di-Pertua hendaklah seperti yang tersebut di bawah ini:

(1) Tiap-tiap ahli yang hendak mencadangkan nama seorang ahli Dewan itu atau seorang yang layak dipilih menjadi ahli Dewan itu yang hendak dipilih jadi Tuan Yang di-Pertua, hendaklah memastikan terlebih dahulu iaitu ahli itu suka berkhidmat jika ia dipilih, dan juga hendaklah memberitahu kepada Setiausaha dengan bersurat sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum mesyuarat.

(2) Seseorang ahli dengan berucap kepada Setiausaha, hendaklah mencadangkan seorang ahli lain atau seorang lain yang hadir jadi Tuan Yang di-Pertua dan hendaklah dikeluarkannya usul "*Iaitu.....(sebutkan nama ahli itu) dipilih jadi Tuan Yang di-Pertua.*" Cadangan ini hendaklah disokong tetapi tidak dibenarkan dibahas.

(3) Jika hanya seorang ahli atau seorang lain sahaja yang dicadangkan dan disokong jadi Tuan Yang di-Pertua, maka Setiausaha hendaklah memasyhurkan ahli atau seorang lain itu telah kena pilih, dengan tidak dikemuka bagi diputuskan oleh mesyuarat. Jika lebih daripada seorang ahli atau seorang lain dicadangkan dan disokong jadi Tuan Yang di-Pertua, maka Majlis hendaklah menjalankan pilihan dengan undi bersurat.

(4) Bagi maksud menjalankan undi bersurat, Setiausaha hendaklah memberi kepada tiap-tiap orang ahli yang hadir sekeping kertas undi dan ahli ini bolehlah menuliskan pada kertas itu nama ahli atau seorang lain yang hendak diundinya. Kertas-kertas undi hendaklah dilipat supaya nama ahli atau seorang lain yang tertulis pada kertas itu tidak boleh nampak dan hendaklah ditandatangani oleh ahli yang mengundi itu.

(5) Kertas-kertas undi hendaklah dipungut oleh Setiausaha atau oleh siapa-siapa pegawai Majlis yang diwakilkan olehnya dan hendaklah dibilang oleh Setiausaha di Meja Mesyuarat. Keputusan undi itu hendaklah dimasyhurkan oleh Setiausaha.

(6) (a) Jika lebih daripada dua orang calon telah dicadangkan dan dalam undi yang pertama, tidak ada calon yang mendapat undi lebih daripada jumlah undi yang didapati oleh calon-calon yang lain, maka calon yang mendapat rendah sekali undinya hendaklah dikeluarkan daripada pilihan. Lepas itu hendaklah dijalankan undi sekali lagi, dan dikeluarkan calon yang dapat rendah sekali undi. Demikianlah hendak dijalankan berturut-turut sehingga satu orang calon mendapat undi lebih daripada undi calon atau jumlah undi calon-calon yang tinggal.

(b) Dalam undi bersurat di antara tiga atau lebih daripada tiga orang calon, jika dua orang atau lebih daripada dua orang calon dapat sama banyak undi dan seorang daripadanya dikehendaki ditinggalkan menurut fasal (a) yang tersebut di atas tadi, maka menetapkan siapa di antara calon-calon yang dapat sama banyak undi itu yang hendak ditinggalkan itu hendaklah dengan jalan membuang undi mengikut apa-apa jua cara yang ditetapkan oleh Setiausaha.

(c) Dalam undi bersurat antara dua orang calon, jika didapati sama banyak undi, hendaklah dijalankan undi bersurat sekali lagi, dan jika didapati sama banyak juga undi maka hendaklah diputuskan dengan membuang undi menurut apa-apa jua cara yang ditetapkan oleh Setiausaha.

(7) Kertas-kertas undi itu apabila telah dikira, hendaklah dimasukkan ke dalam sebuah peti dan seorang ahli atau seorang lain apabila telah dimasyhurkan dipilih jadi Tuan Yang di-Pertua, maka peti itu hendaklah lakrikan di hadapan ahli-ahli mesyuarat dan disimpan dalam jagaan Setiausaha selama satu bulan takwim orang putih dan lepas itu, dengan tertakluk kepada apa-apa perintah yang diterima daripada Majlis, maka Setiausaha hendaklah membakar kertas-kertas undi itu dan mengaku kepada Majlis mengatakan kertas-kertas itu telah dibakar.

5. (1) Sumpah yang hendak dilafadzkan mengikut seperti yang disebutkan dalam Jadual Keenam dalam Perlembagaan hendaklah dijalankan oleh Setiausaha dan tiap-tiap orang ahli yang mengangkat sumpah itu hendaklah menurunkan tandatangan dalam sebuah buku yang akan disimpan kerana itu oleh Setiausaha.

Mengangkat sumpah.

(2) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat dalam perenggan (3), pada bila-bila jua harinya Majlis bersidang, seseorang ahli yang belum mengangkat sumpah bolehlah hadir di Meja Majlis pada waktu yang ditetapkan menurut Peraturan Mesyuarat 14 dan hendaklah ia mengangkat sumpah dan menurunkan tandatangan dalam Buku Sumpah.

(3) Pada bila-bila masa Majlis Mesyuarat dalam tangguhan, ahli itu bolehlah mengangkat sumpah di hadapan Tuan Yang di-Pertua; jika demikian Tuan Yang di-Pertua hendaklah memberitahu Majlis Mesyuarat pada mesyuarat akan datang mengatakan ahli itu telah mengangkat sumpah di hadapannya.

(4) Bertepatan dengan fasal (4) dalam Perkara 160 dalam Perlembagaan, seseorang ahli, jika dikehendaknya, hendaklah dibenar menunaikan kehendak mengangkat sumpah itu dengan mengangkat ikrar.

6. (1) Majlis hendaklah memilih seorang Timbalan Yang di-Pertua dalam mesyuarat yang kelapangan yang mula-mula sekali diadakan selepas Pilihanraya; atau pada permulaan urusan mesyuarat dalam mesyuarat yang mula-mula sekali diadakan selepas daripada jawatan Timbalan Yang di-Pertua itu kosong.

Memilih Timbalan Yang di-Pertua.

(2) Aturan memilih Timbalan Yang di-Pertua itu hendaklah seberapa bolehnya sama seperti aturan memilih Tuan Yang di-Pertua melainkan memilihnya itu hendaklah dijalankan oleh Tuan Yang di-Pertua.

7. (1) Tuan Yang di-Pertua tetaplah jadi pengerusi bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis dan jika ia tiada hadir maka Timbalan Yang di-Pertua hendaklah menggantikan mesyuarat sebagai pengerusi, atau jika Timbalan Yang di-Pertua belum dipilih lagi atau jika jawatan Timbalan Yang di-Pertua itu kosong dengan apa-apa jua sebab, apabila diberitahu hal itu oleh Setiausaha maka Majlis bolehlah memanggil siapa-siapa ahli mempengerusikan mesyuarat setelah dikeluarkan usul kerana itu oleh seorang Menteri. Usul ini hendaklah disokong dan masaalah atas usul itu hendaklah dikemukakan oleh Setiausaha bagi diputuskan tetapi tidak dibenarkan dibahas.

Tuan Yang di-Pertua.

(2) Manakala Setiausaha memasyhurkan iaitu Tuan Yang di-Pertua tiada hadir, maka ahli yang mempengerusikan mesyuarat menurut perenggan (1), tetaplah terserah kepadanya segala kuasa Tuan Yang di-Pertua sehingga Tuan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua ada hadir semula.

(3) Pada bila-bila masa mesyuarat bersidang, Tuan Yang di-Pertua boleh meminta seseorang ahli mempengerusikan mesyuarat itu bagi sementara dengan tidak payah diberitahu Majlis Mesyuarat dengan secaranya dan ahli yang mempengerusikan ini tetaplah terserah kepadanya semua kuasa-kuasa Tuan Yang di-Pertua sehingga Tuan Yang di-Pertua balik semula mengetuakan mesyuarat.

(4) Bila-bila Majlis Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Mesyuarat, termasuk Jawatankuasa Perbekalan, maka Tuan Yang di-Pertua atau ahli yang jadi Pengerusi menurut perenggan (1) atau (3) hendaklah jadi Pengerusi Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Mesyuarat.

(5) Dalam Peraturan-peraturan ini, kalimah “Tuan Yang di-Pertua” itu termasuklah siapa-siapa ahli yang jadi Pengerusi menurut syarat-syarat dalam perenggan (1) sampai (3) kecuali jika disebutkan terang-terang iaitu tidak termasuk ahli lain; dan kalimah “Pengerusi” maksudnya ialah siapa-siapa ahli yang jadi Pengerusi menurut syarat-syarat perenggan (1) sampai (4) kecuali jika karinah ayatnya menunjukkan pengertian yang lain.

**Bahasa rasmi.**

**8.** Bahasa rasmi Majlis ialah Bahasa Malaysia, tetapi Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris.

**Kewajipan-kewajipan Setiausaha.**

**9.** (1) Sekurang-kurangnya 28 hari sebelum dimulakan mesyuarat tiap-tiap Penggal, Setiausaha hendaklah menulis kepada ahli-ahli memberitahu tarikh-tarikh mesyuarat Majlis bagi Penggal itu:

Tetapi disyaratkan iaitu dalam masa darurat, pemberitahu seperti yang tersebut itu tidak dikehendaki dan dalam keadaan yang demikian hendaklah dikeluarkan pemberitahu dengan seberapa segeranya.

(2) Setiausaha hendaklah menyediakan untuk tiap-tiap ahli dengan seberapa segera yang boleh sebelum tiap-tiap mesyuarat satu naskhah Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat itu.

(3) Setiausaha hendaklah menyimpan peringatan-peringatan perjalanan mesyuarat Majlis dan peringatan perjalanan mesyuarat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis; dan hendaklah menghantar satu salinan peringatan-peringatan itu kepada ahli-ahli mesyuarat, pada hari esoknya, atau dengan seberapa segeranya selepas itu. Peringatan-peringatan ini akan dinamakan Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat.

(4) Dalam Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat ini hendaklah dituliskan nama ahli-ahli yang hadir dan semua ketetapan-ketetapan Majlis dan, jika mesyuarat berbelahbahagi, samada dalam Majlis atau dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, hendaklah mengandungi bilangan ahli-ahli yang bersetuju dan ahli-ahli yang tidak bersetuju, nama ahli-ahli yang mengundi dan bilangan serta nama ahli-ahli yang hadir tetapi tidak mengundi. Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat hendaklah ditandatangani oleh Tuan Yang di-Pertua dan apa-apa kesilapan di dalamnya bolehlah dibetulkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

(5) Setiausaha hendaklah menyediakan dari sehari ke sehari dan menyimpan di Meja Mesyuarat atau dalam pejabatnya, sebuah Buku Mesyuarat menunjukkan semua urusan-urusan yang ditetapkan bagi hari yang akan datang dan apa-apa



pemberitahu berkenaan dengan Pertanyaan-pertanyaan atau Usul-usul yang telah ditetapkan bagi hari akan datang, samada ditentukan harinya atau tidak ditentukan. Buku Mesyuarat ini hendaklah terbuka boleh ditengok oleh ahli-ahli pada bila-bila masa yang menasabah.

(6) Setiausaha bertanggunglah ke atasnya menyimpan buku Undi-undi dan Perjalan Mesyuarat, rekod-rekod, Rang Undang-undang dan lain-lain surat yang telah dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat dan ini hendaklah terbuka boleh ditengok oleh ahli-ahli mesyuarat dan orang-orang lain mengikut apa-apa aturan yang dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

**10. (1)** Sebuah buku penyata rasmi mesyuarat mengandungi semua ucapan-ucapan yang dikeluarkan dalam Majlis Mesyuarat dan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Mesyuarat, hendaklah disediakan iaitu di bawah jagaan Setiausaha.

Penyata-  
penyata  
Rasmi  
Mesyuarat.

(2) Buku ini hendaklah dikeluarkan menurut apa-apa rupa cara yang diperintahkan oleh Tuan Yang di-Pertua, dan satu salinan buku ini hendaklah dihantar kepada tiap-tiap ahli dengan seberapa segeranya setelah tamat mesyuarat.

(3) Salinan ucapan seseorang ahli hendaklah dihantar kepada ahli itu sebelum dicap. Jika ahli itu tidak memulangkan ucapan itu dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh dihantar kepadanya, maka ucapan itu akan dicap dengan tidak bersemak.

(4) Jika seseorang ahli mengatakan iaitu salinan ucapannya itu tidak betul atau jika hendak diubahnya ucapan itu pada perkara-perkara yang besar, maka Tuan Yang di-Pertua hendaklah memberi keputusan dan ucapan itu hendaklah dicap mengikut sebagaimana yang diputuskannya. Keputusan Tuan Yang di-Pertua dalam perkara ini adalah muktamad dan akan diberitahu kepada ahli itu.

**11. (1)** Persidangan Majlis yang mula-mula bagi tiap-tiap Penggal hendaklah diadakan ditempat, pada hari dan waktu yang diisytiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Penggal  
Majlis dan  
Mesyuarat-  
mesyuarat.

(2) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat perenggan (1), Ketua atau Timbalan Ketua Majlis hendaklah menetapkan, sekurang-kurangnya 28 hari sebelum permulaan tiap-tiap Penggal, tarikh-tarikh Majlis akan bermesyuarat dalam Penggal itu:

Tetapi disyaratkan iaitu Ketua atau Timbalan Ketua Majlis boleh mengubah tarikh-tarikh yang ditetapkan itu dari semasa ke semasa.

(3) Pada masa Majlis dalam tangguhan jika Perdana Menteri memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua iaitu bagi faedah orangramai mustahak Majlis mengadakan mesyuarat dahulu daripada tarikh yang telah ditetapkan, maka Tuan Yang di-Pertua hendaklah dengan sertamerta mengeluarkan pemberitahu menyatakan berapa haribulan hendak diadakan mesyuarat itu dan Majlis hendaklah mengadakan mesyuarat pada masa yang disebutkan dalam pemberitahu itu. Urusan-urusan bagi hari itu hendaklah ditetapkan oleh Perdana Menteri dan pemberitahu berkenaan dengan urusan itu hendaklah dihantar kepada ahli-ahli tidak lewat daripada masa hendak diadakan mesyuarat itu.

**Persidangan.** 12. (1) Tiap-tiap persidangan Majlis hendaklah dimulakan pada pukul 2.30 petang dan diteruskan sehingga pukul 6.30 petang atau lebih awal lagi setelah selesai atau ditangguhkan urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat:

Dengan syarat bahawa sesuatu usul yang akan diputuskan tanpa pindaan atau bahasan boleh dikeluarkan oleh seseorang Menteri pada bila-bila masa tanpa pemberitahu untuk mengubah waktu persidangan Majlis.

(2) Dengan tertakluk kepada syarat-syaraat yang tersebut tadi, Tuan Yang di-Pertua, pada bila-bila masa jua, boleh menempohkan persidangan mesyuarat selama yang ditetapkan masanya.

**Cukupbilang.** 13. (1) Cukupbilang bagi Majlis Mesyuarat dan Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Mesyuarat hendaklah mengandungi dua puluh enam orang ahli dengan tidak termasuk Pengerusi.

(2) Jika siapa-siapa ahli menarik perhatian Pengerusi mengatakan tidak cukupbilang, maka hendaklah dipanggil ahli-ahli di luar Dewan Mesyuarat seolah-olah memanggil ahli kerana hendak diadakan belahbahagian.

(3) Setelah dipanggil ahli-ahli itu, maka Tuan Yang di-Pertua, selepas genap dua minit, hendaklah membilang berapa orang ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat; jika tidak cukupbilang juga maka hendaklah ditangguhkannya mesyuarat itu hingga hari mesyuarat yang kemudian dengan tidak dikemuka bagi diputuskan oleh mesyuarat.

(4) Setelah dipanggil ahli-ahli masa Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Mesyuarat bersidang, maka Pengerusi, selepas dua minit, hendaklah membilang berapa ahli Jawatankuasa itu yang hadir. Jika tidak juga cukupbilang, maka Pengerusi hendaklah meninggalkan kerusi dan Majlis Mesyuarat hendaklah beredar balik seperti asal dan Tuan Yang di-Pertua hendaklah membilang berapa orang yang hadir. Jika masa itu cukupbilang, maka Majlis Mesyuarat hendaklah sekali lagi bersidang sebagai Jawatankuasa; tetapi jika tidak cukupbilang juga maka Tuan Yang di-Pertua hendaklah menangguhkan mesyuarat hingga hari mesyuarat yang kemudian dengan tidak dikemuka bagi diputuskan oleh mesyuarat.

(5) Jika, mengikut bilangan ahli-ahli yang mengambil bahagian dalam sesuatu belahbahagian, termasuk ahli-ahli yang tidak mengundi, nampak pada Pengerusi tidak cukupbilang, maka belahbahagian itu adalah tidak sah dan urusan yang sedang dibincangkan itu hendaklah ditangguhkan kepada persidangan mesyuarat akan datang dan urusan satu lagi hendaklah dijalankan.

**Aturan Urusan Mesyuarat.** 14. (1) Urusan-urusan bagi tiap-tiap persidangan mesyuarat hendaklah mengikut aturan seperti di bawah ini kecuali jika Majlis Mesyuarat menetapkan aturan lain:

- (a) Tuan Yang di-Pertua masuk ke dalam Dewan Mesyuarat dengan secaranya.
- (b) Doa.
- (c) Ahli-ahli baharu, mengangkat sumpah.
- (d) Titah daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
- (e) Pemasyhuran daripada Tuan Yang di-Pertua.

- (o) **Urusan-urusan am.**
- (p) **Usul-usul hendak mengemukakan Rang Undang-undang bukan Kerajaan**





- (f) Rayuan-rayuan.
- (g) Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut oleh Menteri-menteri.
- (h) Permintaan hendak menangguhkan Majlis Mesyuarat kerana perkara ke-pentingan kepada orangramai yang berkehendak disegerakan.
- (i) Penerangan daripada Menteri-menteri.
- (j) Ucapan pujian.
- (k) Ucapan-ucapan takziah.
- (l) Memberi penerangan sendiri.
- (m) Membawa Rang Undang-undang (Bacaan Kali Yang Pertama) Kerajaan ke dalam mesyuarat.
- (n) Usul-usul berkenaan dengan Aturan Urusan Mesyuarat (hendaklah dikeluarkan oleh Menteri).
- ~~(o) Usul-usul hendak mengemukakan Rang Undang-undang bukan Kerajaan.~~
- ~~(p) Urusan-urusan am.~~
- (q) Lain-lain butir urusan yang dibentangkan mengikut susunan yang tertera dalam Aturan-aturan Mesyuarat hari itu.

(2) Majlis Mesyuarat dengan dikeluarkan usul (oleh seseorang Menteri) yang akan diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas, dan yang tidak berkehendak dikeluarkan pemberitahu terlebih dahulu boleh pada bila-bila masa memutuskan hendak menjalankan mana-mana urusan dengan tidak mengikut aturan yang telah ditetapkan. Usul ini hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain.

15. (1) Pada tiap-tiap hari persidangan mesyuarat, urusan Kerajaan hendaklah di-dahulukan daripada urusan-urusan lain.

Susunan  
Urusan  
Mesyuarat.

(2) Urusan Kerajaan hendaklah diatitkan mengikut sebagaimana yang baik pada timbangan Kerajaan dan diberitahu kepada Setiausaha.

(3) Pemberitahu berkenaan dengan usul-usul yang hendak dikeluarkan oleh ahli-ahli yang bukan ahli Kerajaan hendaklah didahulukan daripada Rang Undang-undang yang dibawa oleh ahli-ahli yang bukan ahli Kerajaan dan hendaklah diatitkan mengikut susunannya dalam Buku Mesyuarat.

(4) Rang Undang-undang yang dibawa oleh ahli-ahli yang bukan ahli Kerajaan hendaklah diambil mengikut susunannya dalam Buku Mesyuarat.

(5) Usul seseorang yang bukan ahli Kerajaan yang telah dicadangkan dalam sesuatu mesyuarat tetapi belum putus, apabila pencadangnya memberitahu hendak disambung dalam mesyuarat akan datang, hendaklah didahulukan daripada usul-usul lain yang hendak dibawa oleh ahli yang bukan ahli Kerajaan.

16. (1) Kecuali menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 18 usul hendak menangguhkan mesyuarat tidak boleh dikeluarkan sehingga pukul 6.30 petang atau sehingga selesai atau ditangguhkan semua sekali urusan-urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat bagi persidangan mesyuarat. Dan usul demikian ini tidak boleh dikeluarkan kecuali menurut syarat-syarat Peraturan ini dan Peraturan 17.

Menangguh-  
kan Majlis.

(2) Pada pukul 6.30 petang, Tuan Yang di-Pertua atau, jika Majlis dalam Jawatankuasa, maka Pengerusi, hendaklah merentikan perjalanan mesyuarat.

(3) Setelah tamat perjalanan mesyuarat menurut syarat-syarat perenggan (2), atau setelah selesai atau ditangguhkan urusan-urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat, maka Tuan Yang di-Pertua hendaklah menangguhkan Majlis, atau jika telah dikeluarkan usul hendak menangguhkan Majlis menurut syarat-syarat Peraturan 17, maka hendaklah Tuan Yang di-Pertua memanggil seorang ahli Kerajaan mencadangkan "*laitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang*".

Usul  
Menangguh-  
kan  
Mesyuarat—  
Akhir  
persidangan.

17. (1) Setelah dicadangkan "*laitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang*" menurut syarat-syarat perenggan (3) dalam Peraturan Mesyuarat 16, siapa-siapa ahli (selain daripada ahli Kerajaan) yang telah mendapat kebenaran hendak memberi ucapan, bolehlah mengeluarkan ucapan kepada Majlis Mesyuarat berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir yang dalam tanggungan Kerajaan dan Ahli Kerajaan yang bertanggungjawab berkenaan dengan perkara yang dikeluarkan itu bolehlah menjawabnya tetapi ucapan seperti itu tidaklah boleh dibuat dalam mesyuarat pertama satu-satu Penggal atau dalam mesyuarat di mana Rang Undang-undang Perbekalan ditimbangkan.

(2) Siapa-siapa ahli yang hendak mengeluarkan sesuatu perkara menurut syarat-syarat dalam perenggan (1) hendaklah memberitahu dengan surat kepada Tuan Yang di-Pertua, tidak kurang daripada tujuh hari sebelum persidangan mesyuarat yang hendak dikeluarkan perkara itu. Dengan syarat telah diberitahu seperti yang dikehendaki ini, maka Tuan Yang di-Pertua hendaklah membenarkan tidak lebih daripada dua orang ahli mengeluarkan perkara demikian ini pada satu hari persidangan mesyuarat, dengan diadakan undi bersurat jika mustahak. Dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua hendaklah mengutamakan siapa-siapa ahli atau ahli-ahli yang belum ada mengeluarkan sesuatu perkara di bawah Peraturan ini dalam penggal Majlis sekarang ini.

(3) Selepas dikeluarkan usul "*laitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang*" lama masanya yang dibenarkan bagi tiap-tiap seorang ahli mengeluarkan ucapan dan bagi tiap-tiap ahli Kerajaan menjawabnya adalah tujuh minit setengah kecuali jika Tuan Yang di-Pertua benarkan lebih daripada itu bila-bila patut.

(4) Setelah selesai perjalanan mesyuarat seperti yang demikian, maka Tuan Yang di-Pertua hendaklah mengemukakan masaalah bagi diputuskan oleh mesyuarat "*laitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang*":

Tetapi disyaratkan iaitu Tuan Yang di-Pertua hendaklah menangguhkan mesyuarat pada pukul 7 petang dengan tidak dikemuka bagi diputuskan oleh mesyuarat jika masaalah itu belum diputuskan lagi terlebih dahulu.

Menangguhkan  
Mesyuarat—  
Perkara  
tertentu  
berkenaan  
kepentingan  
orang ramai  
yang ber-  
kehendak  
disegerakan.

18. (1) Siapa-siapa ahli, selain daripada ahli Kerajaan, pada waktu yang ditetapkan menurut Peraturan Mesyuarat 14, bolehlah berdiri di tempatnya dan meminta kebenaran hendak mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan hendak merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang-ramai yang berkehendak disegerakan.

⁄ dan ia hendaklah mengemukakan bersama-sama pemberitahu itu  
usul yang dicadangkannya itu bersekali dengan penjelasan  
bertulis kepada Tuan Yang di-Pertua menyatakan mengapa  
perkara itu ialah perkara tertentu, berkehendak disegerakan  
dan berkenaan dengan kepentingan orang ramai.

(6) Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan semula perkara yang  
sama dalam mesyuarat yang sama-

- (a) jika perkara itu telah ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua  
di bawah perenggan (2); atau
- (b) jika perkara itu dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua  
tetapi ahli itu tidak mendapat sokongan dari sekurang-  
kurangnya lima belas orang ahli-ahli di bawah perenggan-  
kecil (b) kepada perenggan (3).



(2) Seseorang ahli yang hendak meminta izin mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan, hendaklah mengeluarkan pemberitahuan bersurat kepada Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan perkara yang hendak dirundingkannya itu iaitu sekurang-kurangnya empat jam sebelum mesyuarat mula bersidang. Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan itu kecuali jika dia puashati iaitu perkara itu ialah perkara tertentu, berkehendak disegerakan dan berkenaan kepentingan orang ramai.

(3) Jika Tuan Yang di-Pertua puashati yang demikian dan samada

(a) Majlis Mesyuarat memberi izin dengan tidak ada siapa-siapa ahli yang membangkang; atau

(b) jika Majlis Mesyuarat tidak memberi izin, tetapi sekurang-kurangnya limabelas orang ahli berdiri di tempatnya menyokong permintaan itu.

maka usul ini hendaklah dtempohkan sehingga pukul 5.30 petang hari itu juga dan pada pukul 5.30 itu, apa-apa perkara yang sedang dijalankan oleh Majlis Mesyuarat, hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 6.30 petang atau sehingga cadangan menangguhkan itu telah diputuskan iaitu yang mana dahulu di antara dua ini. Apabila sampai pukul 6.30 petang, maka cadangan menangguhkan mesyuarat itu, jika belum diselesaikan lagi, adalah lucut dan perjalanan-perjalanan yang ditangguhkan tadi hendaklah diteruskan dan diuruskan menurut perenggan (4).

(4) Apa-apa perjalanan yang telah ditangguhkan menurut Peraturan ini boleh diteruskan selepas pukul 6.30 petang selama masa cadangan menurut Peraturan ini dibincangkan; dan apabila semua perjalanan mesyuarat dalam perenggan (3) tadi telah selesai, maka mesyuarat hendaklah ditangguhkan dengan tidak di-kemuka bagi diputuskan oleh mesyuarat.

(5) Tidak lebih daripada satu usul menangguhkan mesyuarat menurut Peraturan ini, boleh dibawa pada satu hari persidangan mesyuarat.

(6)

**19. (1) (a)** Tiap-tiap permintaan kepada Majlis Mesyuarat hendaklah dengan cara rayuan dan tiap-tiap rayuan itu hendaklah dibawa oleh seorang ahli dan ahli yang membawanya itu bertanggungjawab ke atasnya menjaga iaitu rayuan itu dikarangkan dengan bahasa beradab.

Rayuan-  
rayuan

(b) Sesuatu rayuan yang bertujuan hendak mendapat pemberian, sanggupan atau perbelanjaan daripada wang negeri atau membatalkan hutang kepada Kerajaan atau membebaskan cukai-cukai yang kena dibayar oleh siapa-siapa atau membebaskan bayaran gantirugi kerana kehilangan wang hasil negeri, atau kerana membatalkan, mengubah atau memansuhkan apa-apa cukai, tidak boleh diterima oleh Majlis Mesyuarat, kecuali jika telah mendapat sokongan daripada Kerajaan melalui Menteri yang ditangguhkan ke atasnya berkenaan dengan hal ehwal kewangan.

(2) (a) Jika tandatangan-tandatangan dibubuh pada lebih daripada sehelai kertas, maka permohonan rayuan itu hendaklah dituliskan di kepala tiap-tiap helai kertas itu. Seseorang yang tidak boleh menulis bolehlah meletakkan cap jarinya di hadapan dua orang saksi.

(b) Dalam sesuatu rayuan tidak boleh disebutkan apa-apa perbahasan dalam Majlis Mesyuarat atau dalam mesyuarat Dewan Negara atau apa-apa usul yang dicadangkan hendak dibawa ke dalam mesyuarat kecuali jika pemberitahu usul yang tersebut itu telah dimasukkan dalam Buku Mesyuarat.

(c) Seseorang ahli itu tidak boleh membawa rayuan daripada dirinya sendiri atau rayuan yang disertainya tetapi rayuan demikian bolehlah dibawa oleh siapa-siapa ahli lain.

(d) Tiap-tiap rayuan, sebelum dibawa ke dalam mesyuarat, hendaklah ditandatangani pada permulaannya oleh ahli yang menjaga rayuan itu dan hendaklah diserahkan sekurang-kurangnya satu hari terlebih dahulu kepada Setiausaha. Setiausaha, setelah disemaknya surat rayuan itu, hendaklah menyerahkannya kepada Tuan Yang di-Pertua minta diperkenankan. Surat rayuan tidak boleh dibawa ke dalam mesyuarat sehingga telah disahkan dengan ditulis perkataan-perkataan, "*Telah diluluskan oleh Tuan Yang di-Pertua*".

(e) Tiap-tiap ahli, sebelum membawa sesuatu rayuan, hendaklah mempasti dan menuliskan di kepala surat rayuan itu, berapa banyak bilangan tandatangan kepada rayuan itu, dan hendaklah puashati iaitu surat rayuan itu tidak mengandungi bahasa yang kurang adab kepada Majlis Mesyuarat atau kepada Dewan Negara.

(3) Seseorang ahli yang membawa sesuatu rayuan ke dalam Majlis Mesyuarat bolehlah menyebutkan dengan ringkas dan tepat akan maksud rayuan itu.

(4) (a) Boleh bagi siapa-siapa ahli mencadangkan supaya rayuan itu dibacakan. Masa ia mengemukakan usulnya hendaklah diterangkannya dengan ringkas dan tepat akan sebab-sebabnya ia meminta rayuan itu dibacakan.

(b) Usul demikian ini tidak dibenarkan dibahas dan tidak dibenarkan siapa-siapa ahli lain bercakap berkenaan dengan rayuan itu melainkan jika hendak menyokong dengan secaranya.

(c) Setelah usul ini disokong maka hendaklah dikemuka bagi diputuskan oleh mesyuarat adakah rayuan itu hendak dibacakan.

Risalat-risalat  
Mesyuarat.

20. (1) Risalat-risalat mesyuarat hendaklah dibawa ke dalam mesyuarat hanya oleh Tuan Yang di-Pertua atau oleh seorang Menteri atau pengerusi Jawatankuasa dan hendaklah dihantar kepada Setiausaha.

(2) Tiap-tiap risalat mesyuarat yang telah diterima salinannya oleh Setiausaha, hendaklah disifatkan telah dibawa ke dalam Majlis Mesyuarat dan diperintahkan supaya terbentang di atas Meja Mesyuarat.

(3) Setelah risalat-risalat mesyuarat dibawa ke dalam mesyuarat maka hal itu hendaklah dimasukkan dalam buku Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat bagi hari risalat itu dibawa atau bagi hari mesyuarat yang akan datang jika Majlis Mesyuarat tidak bersidang.

Pertanyaan-  
pertanyaan.

21. (1) Pertanyaan-pertanyaan bolehlah diarahkan kepada Menteri-menteri berkenaan dengan:

(a) hal-hal yang dalam urusan jawatan mereka; atau

(b) Rang Undang-undang atau usul atau lain-lain perkara orangramai yang berkaitan dengan urusan Majlis Mesyuarat yang dalam tanggungan Menteri itu.

(2) Pertanyaan-pertanyaan boleh juga diarahkan kepada ahli-ahli, selain daripada Menteri-menteri, berkenaan dengan Rang Undang-undang, usul atau lain-lain perkara orangramai yang berkaitan dengan urusan Majlis Mesyuarat yang dalam tanggungan ahli-ahli yang tersebut itu.

(3) Tujuan yang sebenarnya mengeluarkan sesuatu pertanyaan ialah kerana mendapat penerangan berkenaan dengan sesuatu perkara hakikat yang dalam pengetahuan istimewa ahli yang diarahkan pertanyaan itu.

22. (1) Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikeluarkan dengan tidak dikeluarkan pemberitahu terlebih dahulu kecuali jika pada timbangan Tuan Yang di-Pertua pertanyaan itu hendak disegerakan dan ada kena-mengena dengan perkara kepentingan orangramai atau dengan Aturan Urusan Mesyuarat dan ahli itu telah mendapat kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua hendak mengeluarkan pertanyaan itu.

Pemberitahu  
berkenaan  
dengan  
Pertanyaan-  
pertanyaan.

(2) Pemberitahu bertulis berkenaan dengan tiap-tiap pertanyaan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha dalam waktu pejabat biasa oleh seseorang ahli tidak lewat daripada 14 hari bekerja sebelum mesyuarat dimulakan.

(3) Jika seseorang ahli itu berkehendakkan pertanyaannya diberi jawab mulut maka hendaklah ditandakannya pemberitahunya itu dengan perkataan "*Jawab Mulut*". Tidak lebih daripada tiga pertanyaan boleh ditandakan "*Jawab Mulut*" oleh seseorang ahli bagi satu hari mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, jika baik pada timbangannya, boleh memerintahkan apa-apa pertanyaan yang bertanda "*Jawab Mulut*" itu dijawab dengan bersurat.

(4) Seseorang ahli tidak boleh bertanya lebih daripada 20 pertanyaan bagi Jawapan Mulut dan tidak lebih daripada 5 pertanyaan bagi Jawapan Bertulis dalam mana-mana satu mesyuarat Majlis.

23. (1) Tiap-tiap pertanyaan itu hendaklah menepati peraturan-peraturan yang tersebut di bawah ini:

Isi-isi  
pertanyaan.

(a) dalam sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dimasukkan nama seseorang atau kata-kata yang sebenar-benarnya tidak mustahak bagi menerangkan maksud pertanyaan itu;

(b) jika sesuatu pertanyaan itu mengandungi sesuatu kata-kata, maka ahli yang bertanya itu hendaklah bertanggungjawab betul atau tidak kata-kata itu;

(c) sesuatu pertanyaan itu tidak boleh mengandungi apa-apa hujah, sangkaan, ataupun mengenai apa-apa perkara dangkal atau meminta penerangan mengenai perkara-perkara remeh;

(d) sesuatu pertanyaan itu tidak boleh menyebutkan perbahasan-perbahasan atau jawapan-jawapan pertanyaan-pertanyaan yang telah dikeluarkan dalam penggal Majlis sekarang ini;

(e) sesuatu pertanyaan itu tidak boleh menyebutkan perjalanan Jawatankuasa yang belum dimaklumkan kepada Majlis;



(b) Dalam sesuatu rayuan tidak boleh disebutkan apa-apa perbahasan dalam Majlis Mesyuarat atau dalam mesyuarat Dewan Negara atau apa-apa usul yang dicadangkan hendak dibawa ke dalam mesyuarat kecuali jika pemberitahu usul yang tersebut itu telah dimasukkan dalam Buku Mesyuarat.

(c) Seseorang ahli itu tidak boleh membawa rayuan daripada dirinya sendiri atau rayuan yang disertainya tetapi rayuan demikian bolehlah dibawa oleh siapa-siapa ahli lain.

(d) Tiap-tiap rayuan, sebelum dibawa ke dalam mesyuarat, hendaklah ditandatangani pada permulaannya oleh ahli yang menjaga rayuan itu dan hendaklah diserahkan sekurang-kurangnya satu hari terlebih dahulu kepada Setiausaha. Setiausaha, setelah disemaknya surat rayuan itu, hendaklah menyerahkannya kepada Tuan Yang di-Pertua minta diperkenankan. Surat rayuan tidak boleh dibawa ke dalam mesyuarat sehingga telah disahkan dengan ditulis perkataan-perkataan, "*Telah diluluskan oleh Tuan Yang di-Pertua*".

(e) Tiap-tiap ahli, sebelum membawa sesuatu rayuan, hendaklah mempasti dan menuliskan di kepala surat rayuan itu, berapa banyak bilangan tandatangan kepada rayuan itu, dan hendaklah puashati iaitu surat rayuan itu tidak mengandungi bahasa yang kurang adab kepada Majlis Mesyuarat atau kepada Dewan Negara.

(3) Seseorang ahli yang membawa sesuatu rayuan ke dalam Majlis Mesyuarat bolehlah menyebutkan dengan ringkas dan tepat akan maksud rayuan itu.

(4) (a) Boleh bagi siapa-siapa ahli mencadangkan supaya rayuan itu dibacakan. Masa ia mengemukakan usulnya hendaklah diterangkannya dengan ringkas dan tepat akan sebab-sebabnya ia meminta rayuan itu dibacakan.

(b) Usul demikian ini tidak dibenarkan dibahas dan tidak dibenarkan siapa-siapa ahli lain bercakap berkenaan dengan rayuan itu melainkan jika hendak menyokong dengan secaranya.

(c) Setelah usul ini disokong maka hendaklah dikemuka bagi diputuskan oleh mesyuarat adakah rayuan itu hendak dibacakan.

Risalat-risalat  
Mesyuarat.

20. (1) Risalat-risalat mesyuarat hendaklah dibawa ke dalam mesyuarat hanya oleh Tuan Yang di-Pertua atau oleh seorang Menteri atau pengerusi Jawatankuasa dan hendaklah dihantar kepada Setiausaha.

(2) Tiap-tiap risalat mesyuarat yang telah diterima salinannya oleh Setiausaha, hendaklah disifatkan telah dibawa ke dalam Majlis Mesyuarat dan diperintahkan supaya terbentang di atas Meja Mesyuarat.

(3) Setelah risalat-risalat mesyuarat dibawa ke dalam mesyuarat maka hal itu hendaklah dimasukkan dalam buku Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat bagi hari risalat itu dibawa atau bagi hari mesyuarat yang akan datang jika Majlis Mesyuarat tidak bersidang.

Pertanyaan-  
pertanyaan.

21. (1) Pertanyaan-pertanyaan bolehlah diarahkan kepada Menteri-menteri berkenaan dengan:

(a) hal-hal yang dalam urusan jawatan mereka; atau



⌞ ataupun mengenai apa-apa perkara dangkal atau meminta penerangan mengenai perkara-perkara remeh;

(b) Rang Undang-undang atau usul atau lain-lain perkara orangramai yang berkaitan dengan urusan Majlis Mesyuarat yang dalam tanggungan Menteri itu.

(2) Pertanyaan-pertanyaan boleh juga diarahkan kepada ahli-ahli, selain daripada Menteri-menteri, berkenaan dengan Rang Undang-undang, usul atau lain-lain perkara orangramai yang berkaitan dengan urusan Majlis Mesyuarat yang dalam tanggungan ahli-ahli yang tersebut itu.

(3) Tujuan yang sebenarnya mengeluarkan sesuatu pertanyaan ialah kerana mendapat penerangan berkenaan dengan sesuatu perkara hakikat yang dalam pengetahuan istimewa ahli yang diarahkan pertanyaan itu.

22. (1) Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikeluarkan dengan tidak dikeluarkan pemberitahu terlebih dahulu kecuali jika pada timbangan Tuan Yang di-Pertua pertanyaan itu hendak disegerakan dan ada kena-mengena dengan perkara kepentingan orangramai atau dengan Aturan Urusan Mesyuarat dan ahli itu telah mendapat kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua hendak mengeluarkan pertanyaan itu.

Pemberitahu  
berkenaan  
dengan  
Pertanyaan-  
pertanyaan.

(2) Pemberitahu bertulis berkenaan dengan tiap-tiap pertanyaan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha dalam waktu pejabat biasa oleh seseorang ahli tidak lewat daripada 14 hari bekerja sebelum mesyuarat dimulakan.

(3) Jika seseorang ahli itu berkehendakkan pertanyaannya diberi jawab mulut maka hendaklah ditandakannya pemberitahunya itu dengan perkataan "*Jawab Mulut*". Tidak lebih daripada tiga pertanyaan boleh ditandakan "*Jawab Mulut*" oleh seseorang ahli bagi satu hari mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, jika baik pada timbangannya, boleh memerintahkan apa-apa pertanyaan yang bertanda "*Jawab Mulut*" itu dijawab dengan bersurat.

(4) Seseorang ahli tidak boleh bertanya lebih daripada 20 pertanyaan bagi Jawapan Mulut dan tidak lebih daripada 5 pertanyaan bagi Jawapan Bertulis dalam mana-mana satu mesyuarat Majlis.

23. (1) Tiap-tiap pertanyaan itu hendaklah menepati peraturan-peraturan yang tersebut di bawah ini:

Isi-isi  
pertanyaan.

- (a) dalam sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dimasukkan nama seseorang atau kata-kata yang sebenar-benarnya tidak mustahak bagi menerangkan maksud pertanyaan itu;
- (b) jika sesuatu pertanyaan itu mengandungi sesuatu kata-kata, maka ahli yang bertanya itu hendaklah bertanggungjawab betul atau tidak kata-kata itu;
- (c) sesuatu pertanyaan itu tidak boleh mengandungi apa-apa hujah, sangkaan, fikiran, tohmah, puji atau keji atau mengandungi kalimah-kalimah mengelirukan, menyindir atau menyakitkan hati;
- (d) sesuatu pertanyaan itu tidak boleh menyebutkan perbahasan-perbahasan atau jawapan-jawapan pertanyaan-pertanyaan yang telah dikeluarkan dalam penggal Majlis sekarang ini;
- (e) sesuatu pertanyaan itu tidak boleh menyebutkan perjalanan Jawatankuasa yang belum dimaklumkan kepada Majlis;



- (f) sesuatu pertanyaan itu tidak boleh meminta keterangan berkenaan dengan apa-apa perkara rahsia;
- (g) sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikarangkan cakapnya sekira-kira harus menggelencungkan perkara yang sedang dibicarakan oleh Mahkamah dan tidak boleh ditanya berkenaan dengan apa-apa perkara yang dalam timbangan Mahkamah;
- (h) sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan dengan tujuan hendak mendapat buah fikiran atau hendak mendapat penyelesaian berkenaan dengan perkara undang-undang yang belum menjadi masaalah atau kerana hendak mendapat jawab dalam perkara yang dimisal-misalkan sahaja;
- (i) sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan betul atau tidaknya penerangan-penerangan dalam surat-surat khabar atau penerangan-penerangan yang dikeluarkan oleh seseorang bagi dirinya sendiri atau penerangan badan-badan kewangan;
- (j) sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan sifat atau kelakuan siapa-siapa melainkan sifat dan kelakuannya dalam menjalankan urusan-urusan jawatannya atau urusan-urusan pekerjaan berkhidmat kepada negeri;
- (k) sesuatu pertanyaan tidak boleh mengandungi apa-apa sebutan kurang adab berkenaan dengan sesebuah negeri asing yang baik perhubungannya dengan Malaysia;
- (l) sesuatu pertanyaan tidak boleh mengandungi perkara-perkara yang berkehendakkan penerangan berkenaan dengan hal ehwal dalam sesebuah negeri asing;
- (m) sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan, membayangkan sifat atau kelakuan seseorang jika kelakuannya itu hanya boleh disoal dengan mengeluarkan satu usul bersendirian dalam mesyuarat;
- (n) sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan, meminta keterangan yang ada dalam surat-surat yang boleh didapati atau yang ada dalam buku-buku huraian;
- (o) sesuatu pertanyaan yang menuduh atau yang membayangkan tuduhan terhadap sifat diri seseorang itu tidak dibenarkan;
- (p) sesuatu pertanyaan yang telah diberi jawapan penuh tidak boleh dikeluarkan sekali lagi dalam penggal majlis sekarang ini;
- (q) sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan berhubung dengan apa-apa perkara yang terkandung dalam peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 36 (8).

(2) Apa-apa pertanyaan yang telah diberitahu kepada Setiausaha atau yang telah diminta kebenaran hendak dikeluarkan dengan tidak didahulukan dengan pemberitahu, jika pada timbangan Tuan Yang di-Pertua menyalahi hak boleh mengeluarkan pertanyaan atau telah dikeluarkan dengan sengaja hendak menghalang atau merosakkan aturan perjalanan Majlis Mesyuarat, atau menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia, atau melanggar apa-apa syarat dalam Perlembagaan

atau Akta Hasutan, 1948 atau Peraturan ini, maka bolehlah Tuan Yang di-Pertua mengeluarkan perintah:

- (a) berkehendakkan pertanyaan itu dicap atau dikeluarkan dengan apa-apa pindaan yang diperintahkan oleh Tuan Yang di-Pertua; atau
- (b) berkehendakkan ahli yang mengeluarkan pertanyaan itu diberitahu iaitu pertanyaannya tidak dibenarkan.

(3) Jika sesuatu pertanyaan itu tidak dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua, maka ahli yang mengeluarkan pertanyaan itu hendaklah diberitahu dengan surat oleh Setiausaha dengan diterangkan sebab-sebabnya tidak dibenarkan itu.

(4) Walaupun jua syarat yang disebutkan dahulu daripada ini, seseorang Menteri yang diarahkan sesuatu pertanyaan kepada-nya, dengan diperkenankan oleh Tuan Yang di-Pertua, boleh enggan menjawab pertanyaan itu oleh sebab hendak memelihara faedah orang ramai, dan keengganannya menjawab itu tidak boleh dibahaskan atau disoal.

(5) Setiausaha adalah diberi kuasa menyunting pertanyaan-pertanyaan yang di-hantarkan.

24. (1) Jika sesuatu pertanyaan itu berkehendakkan jawab mulut dan Tuan Yang di-Pertua tidak memerintah supaya dikeluarkan jawab bertulis, maka Tuan Yang di-Pertua, apabila sampai kepada pertanyaan itu dalam Aturan Urusan Mesyuarat, hendaklah memanggil ahli yang tertulis namanya pada pertanyaan itu. Ahli yang dipanggil itu hendaklah berdiri pada tempatnya dan mengeluarkan pertanyaan itu dengan menyebutkan bilangan pertanyaannya dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan mana-mana Menteri bolehlah menjawabnya.

Cara  
mengeluarkan  
pertanyaan  
dan menjawab  
pertanyaan.

(2) Jika seseorang ahli yang hendak mengeluarkan pertanyaan meminta jawab mulut itu tidak bangun mengeluarkan pertanyaannya, maka siapa-siapa ahli lain bolehlah mengambil pertanyaan itu dijadikan pertanyaannya sendiri dan bolehlah ia berdiri ditempatnya dan mengeluarkan pertanyaan itu mengikut seperti yang ditetapkan di atas tadi; tetapi jika tiada siapa yang berdiri ditempatnya mengeluarkan pertanyaan itu, maka Menteri yang diarahkan pertanyaan itu bolehlah menghantar salinan jawapan pertanyaan itu kepada Setiausaha dan Setiausaha hendaklah menguruskan supaya jawapan itu dimasukkan dalam Penyata Rasmi Mesyuarat.

Tetapi disyaratkan, iaitu pada bila-bila masa jua sebelum Tuan Yang di-Pertua memanggil ahli, ahli itu boleh menyatakan maksudnya hendak menangguhkan pertanyaannya itu kepada persidangan hari lain dan boleh juga ditariknya balik pertanyaannya itu.

(3) Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan ahli-ahli mengeluarkan pertanyaan-pertanyaan tambahan, bagi maksud menerangkan apa-apa butir perkara yang telah diberi jawab mulut tetapi bolehlah ditahannya apa-apa pertanyaan demikian jika pada timbangannya pertanyaan itu mendatangkan perkara yang tidak berkait dengan pertanyaan asal atau yang melanggar apa-apa syarat Peraturan Mesyuarat 23.

(4) Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dijadikan helah hendak berbahas.

(5) Pertanyaan-pertanyaan itu, selain daripada pertanyaan-pertanyaan tambahan yang terbit daripada pertanyaan yang telah dikeluarkan dan yang dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dikeluarkan lagi lepas daripada satu jam daripada permulaan Waktu Pertanyaan-pertanyaan.

(6) Jika sesuatu pertanyaan itu tidak berkehendakkan jawab mulut atau jika jawab bertulis sudah diperintah dikeluarkan menurut perenggan (3) dalam Peraturan Mesyuarat 22, maka Menteri yang diarahkan pertanyaan itu hendaklah menghantar salinan jawapan itu kepada Setiausaha dan Setiausaha hendaklah menguruskan supaya jawapan itu dimasukkan dalam Penyata Rasmi Mesyuarat.

Penerangan  
sendiri.

25. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya dua jam sebelum mesyuarat dimulakan seseorang ahli bolehlah mengeluarkan penerangan sendiri pada waktu yang ditetapkan menurut Peraturan Mesyuarat 14 sungguhpun pada masa itu tidak ada pertanyaan dalam Majlis Mesyuarat; tetapi tidak boleh dikeluarkan perkara-perkara yang akan membangkitkan pertelingkahan dan tidak dibenarkan perbahasan berkenaan dengan penerangan itu. Isi penerangan yang dicadangkan itu hendaklah dihantar dengan sepenuh-penuhnya kepada Tuan Yang di-Pertua pada masa meminta izin hendak memberi penerangan itu.

Pemberitahu  
Usul.

26. (1) Kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, usul-usul yang hendak dibawa ke dalam mesyuarat hendaklah didahulukan dengan pemberitahu kecuali usul-usul yang tersebut di bawah ini:

- (a) usul hendak meminda cadangan yang telah dikemukakan kepada mesyuarat oleh Pengerusi;
- (b) usul yang dibawa dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Mesyuarat;
- (c) usul hendak menangguhkan Majlis Mesyuarat atau apa-apa perbahasan;
- (d) usul hendak mengambil apa-apa perkara dahulu daripada perkara lain dengan tidak mengikut susunan biasa;
- (e) usul daripada seorang Menteri menurut syarat-syarat perenggan (1) dalam Peraturan Mesyuarat 7;
- (f) usul mencadangkan supaya perjalanan mesyuarat berkenaan dengan apa-apa urusan yang tertentu dibebaskan daripada syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 12;
- (ff) sesuatu usul menurut perenggan (2) dalam Peraturan Mesyuarat 12 menangguhkan Majlis kepada lain hari;
- (g) usul hendak melantik Jawatankuasa Pilihan menurut perenggan (4) dalam Peraturan Mesyuarat 19;
- (h) usul hendak menggantung kerja seseorang sebagai ahli;
- (i) usul hendak membatalkan undi seseorang ahli menurut syarat-syarat di dalam perenggan (5) dalam Peraturan Mesyuarat 47;
- (j) usul hendak mengedarkan sesuatu Rang Undang-undang itu kepada Jawatankuasa Pilihan menurut Peraturan Mesyuarat 54;
- (k) usul hendak menghantarkan balik sesuatu Rang Undang-undang yang telah dimaklumkan kepada Majlis oleh Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Mesyuarat;

- (l) usul hendak menarik balik sesuatu Rang Undang-undang menurut Peraturan Mesyuarat 62;
  - (m) usul hendak menggantung kuatkuasa sesuatu Peraturan Mesyuarat yang dicadangkan menurut Peraturan Mesyuarat 90 setelah mendapat izin daripada Tuan Yang di-Pertua;
  - (n) usul hendak mengeluarkan orang-orang luar;
  - (o) usul hendak menutup perbahasan mengikut Peraturan Mesyuarat 40;
  - (p) usul berkenaan dengan hak dan kebebasan;
  - (q) usul supaya sesuatu rayuan itu dibacakan, dicapkan atau diedarkan kepada Jawatankuasa Pilihan;
  - (r) usul supaya sesuatu penyata Jawatankuasa Pilihan diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Mesyuarat;
  - (s) Sesuatu usul melanjutkan tempoh bagi mengesahkan perintah-perintah menurut seksyen-kecil (1) dalam seksyen 10 dalam Undang-undang Kastam, tahun 1952.
- (2) Sesuatu usul yang bertujuan hendak—
- (a) mendapat pemberian, sanggup atau perbelanjaan daripada wang negara, atau
  - (b) membatalkan hutang kepada Kerajaan, atau
  - (c) membebaskan cukai-cukai yang kena dibayar oleh siapa-siapa, atau
  - (d) membebaskan gantirugi kerana kehilangan wang hasil negeri, atau
  - (e) meminta dibatalkan, diubah atau dimansuhkan apa-apa cukai,

tidak boleh dijalankan kecuali jika telah mendapat sokongan Kerajaan dinyatakan oleh Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan hal ehwal kewangan.

(3) Sesuatu usul yang menyentuh, baik tepat atau tiada tepat, apa-apa pemberian, sanggup, perbelanjaan, pembatalan hutang kepada Kerajaan, membebaskan cukai-cukai atau gantirugi seperti yang disebutkan dalam perenggan kecil (a) sampai (d) dalam perenggan (2) hendaklah disifatkan sebagai bertujuan mendapat pemberian, sanggup, perbelanjaan, pembatalan hutang kepada Kerajaan, membebaskan cukai-cukai atau gantirugi kecuali jika Menteri yang disebutkan itu menyatakan iaitu usul itu tidak melebihi perkara kecil-kecil sahaja dan bukan suatu perkara besar, dengan memandang kepada tujuan-tujuan usul itu.

27. (1) Dalam Peraturan Mesyuarat (atau menurut kelaziman Majlis Mesyuarat) jika sesuatu perkara itu berkehendakkan pemberitahu, maka pemberitahu itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha dengan bertulis dalam waktu pejabat yang biasa.

Cara-cara  
mengeluarkan  
pemberitahu.

(2) Tiap-tiap pemberitahu itu hendaklah ditandatangani.

(3) Kecuali sebagaimana yang disyaratkan dalam Peraturan Mesyuarat 43 dan perenggan (5) dalam Peraturan Mesyuarat 86, apa-apa usul hendaklah dikeluarkan pemberitahu tidak kurang daripada empat belas hari terlebih dahulu tetapi jika usul itu dengan nama Menteri, maka memadai dengan dikeluarkan



pemberitahu tujuh hari sahaja terlebih dahulu, dan pula jika Tuan Yang di-Pertua puashati setelah diterangkan kepadanya oleh seseorang Menteri iaitu bagi faedah orang ramai sesuatu usul itu mustahak dibahaskan dengan seberapa segeranya maka memadailah dikeluarkan pemberitahu itu satu hari sahaja terlebih dahulu.

(4) Semua pemberitahu, sekiranya dapat, hendaklah dicap, saiklostail (*cyclostyle*) atau ditaip dan dihantar kepada ahli-ahli tidak lewat daripada hari sebelum hari persidangan mesyuarat yang hendak dibawa perkara-perkara yang telah dikeluarkan pemberitahu itu.

(5) Jika pada fikiran Tuan Yang di-Pertua, sesuatu pemberitahu yang diterima oleh Setiausaha itu melanggar apa-apa syarat Peraturan-peraturan Mesyuarat ini atau dengan cara mana jua menyalahi peraturan maka bolehlah Tuan Yang di-Pertua memerintahkan:

- (a) pemberitahu itu dicapkan dengan apa-apa pindaan yang diperintakkannya; atau
- (b) pemberitahu itu dikembalikan kepada ahli yang menandatangani dengan kerana pada fikiran Tuan Yang di-Pertua pemberitahu itu menyalahi peraturan.

(6) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat dalam perenggan (5), usul-usul atau pindaan-pindaan yang dihantar kepada Setiausaha, hendaklah dicap dan dihantar kepada ahli-ahli; dan berkenaan dengan pindaan kepada Rang Undang-undang, hendaklah diatur, seberapa yang bolehnya menurut susunan hendak dicadangkan pindaan-pindaan itu.

Mengubah  
isi-isi  
sesuatu usul.

**28.** Jika seseorang ahli hendak mengubah isi-isi sesuatu usul yang terdiri dengan namanya, maka bolehlah diubahnya dengan menghantarkan kepada Setiausaha, satu pemberitahu meminda usulnya itu tetapi disyaratkan iaitu pindaan itu, pada timbangan Tuan Yang di-Pertua, tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul itu pada perkara besar-besar. Pemberitahu meminda usul itu adalah mula berjalan daripada masa pemberitahu usul mula-mula.

Menarikbalik  
pemberitahu  
usul.

**29. (1)** Seseorang ahli, dengan menghantar pemberitahu bersurat kepada Setiausaha, bolehlah menarikbalik pemberitahu usul yang telah dikeluarkannya terlebih dahulu.

(2) Apabila pemberitahu usul ditarikbalik seperti yang disyaratkan itu selepas usul itu dimasukkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat, maka usul itu tidak boleh dicadangkan tetapi hendaklah dibiarkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan, apabila sampai masanya, Tuan Yang di-Pertua atau ahli yang mempengerusikan mesyuarat, hendaklah memasyhurkan iaitu usul itu adalah disifatkan telah ditarik-balek dan perkara ini hendaklah dimasukkan dalam buku Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat.

Meminda  
usul-usul.

**30. (1)** Pada masa sesuatu usul itu dalam timbangan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa Majlis Mesyuarat, bolehlah dicadangkan pindaan-pindaan jika pindaan itu berkaitan dengan usul itu.

(2) Pindaan ini pula boleh dicadangkan dipinda jika berkaitan dengan pindaan asal.

(3) Sesuatu pindaan itu tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang disyaratkan oleh Peraturan-peraturan Majlis hanya boleh dikeluarkan dengan usul tersendiri setelah dikeluarkan pemberitahu.

(4) Sesuatu masaalah, apabila dikemukakan oleh Pengerusi bolehlah dipinda menurut semua atau mana-mana jua cara yang tersebut di bawah ini:

- (a) dengan dipotong apa-apa perkataan supaya dapat dimasukkan perkataan-perkataan lain;
- (b) dengan dipotong apa-apa perkataan;
- (c) dengan dimasukkan atau ditambah perkataan-perkataan lain.

31. (1) Dalam Persidangan Majlis Mesyuarat, sesuatu usul atau pindaan itu tidak akan dikemukakan oleh Tuan Yang di-Pertua kecuali jika usul atau pindaan itu telah disokong.

Menyokong  
usul-usul  
dan pindaan-  
pindaan.

(2) Dalam Persidangan Jawatankuasa, tidak dikehendaki penyokong.

32. Sesuatu pindaan usul yang telah dikemukakan dalam Persidangan Majlis Mesyuarat atau dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Mesyuarat, hendaklah dibuat dengan surat oleh pencadangnya, dan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha, kecuali jika Pengerusi membenarkan tidak dengan bersurat.

Pindaan-  
pindaan usul  
hendaklah  
dengan surat.

33. (1) Apabila sesuatu usul itu telah dicadangkan dan disokong, jika berkehendakkan disokong, maka Pengerusi hendaklah mengemukakan masaalah itu kepada Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa Majlis Mesyuarat sebagaimana tersusun cakupnya dalam usul itu; setelah itu masaalah ini bolehlah dibahaskan dan, dengan tertakluk kepada syarat-syarat Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, perbahasan ini bolehlah dijalankan selagi ada ahli yang berhak boleh bercakap hendak bercakap.

Cara mem-  
bahaskan usul  
dan pindaan  
usul.

(2) Apabila tidak ada lagi ahli yang hendak bercakap, maka Pengerusi hendaklah meminta keputusan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa. Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa Majlis Mesyuarat hendaklah menyatakan keputusannya menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 45.

(3) Apa-apa pindaan usul yang hendak dicadangkan oleh seseorang ahli menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 30, bolehlah dicadangkan dan disokong jika berkehendakkan disokong, pada bila-bila masa selepas masaalah dikemukakan oleh Pengerusi dan sebelum Pengerusi meminta keputusan mesyuarat setelah habis perbahasan. Apabila tiap-tiap pindaan demikian itu telah diputuskan, maka Pengerusi hendaklah sekali lagi mengemukakan masaalah berkenaan dengan usul tadi atau masaalah berkenaan dengan usul yang telah dipinda, ikut mana yang dikehendaki, dan setelah dijalankan lagi apa-apa perbahasan yang berbangkitan, maka Pengerusi hendaklah mengemukakan masaalah itu kepada Majlis Mesyuarat atau kepada Jawatankuasa bagi diputuskan.

(4) (a) Jika sesuatu pindaan itu mencadangkan dipotong apa-apa perkataan dalam usul itu, maka masaaalah yang akan dikemukakan hendaklah "*Iaitu perkataan-perkataan yang dicadang hendak dipotong itu hendaklah dipotong daripada masaaalah itu.*"

(b) Jika sesuatu pindaan itu mencadang dimasukkan perkataan-perkataan atau ditambah perkataan-perkataan di hujung sesuatu usul, maka masaaalah yang akan dikemukakan hendaklah "*Iaitu perkataan-perkataan itu dimasukkan di situ*" atau "*ditambah*"—ikut mana yang dikehendaki.

(c) Jika sesuatu pindaan itu mencadangkan dipotong perkataan-perkataan dan dimasukkan atau ditambah perkataan-perkataan lain gantinya, maka mula-mula sekali hendaklah dikemukakan masaaalah "*Iaitu perkataan-perkataan yang dicadang hendak dipotong itu hendaklah dipotong daripada masaaalah itu,*" dan jika masaaalah itu disetujui oleh mesyuarat, maka hendaklah dikemukakan pula masaaalah "*Iaitu perkataan-perkataan itu dimasukkan di situ*" atau "*ditambah*",—ikut mana yang dikehendaki. Jika masaaalah yang pertama itu tidak disetujui, maka tidaklah boleh dicadangkan apa-apa pindaan lain kepada perkataan-perkataan yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat atau oleh Jawatankuasa tidak akan dipotong.

(d) Jika sebelum diminta keputusan mesyuarat hendak memotong apa-apa perkataan, Pengerusi diberitahu bahawa seorang ahli hendak mencadangkan suatu pindaan memotong sebahagian sahaja daripada perkataan-perkataan tadi, dan jika pada fikiran Pengerusi pindaan ini sebahagian besar daripadanya ialah pindaan baharu, maka Pengerusi, jika boleh, hendaklah meminta keputusan mesyuarat memotong sebanyak mana perkataan daripada pindaan asal yang tidak dikenai oleh pindaan yang kedua; tetapi jika pindaan asal itu disetujui oleh mesyuarat, maka semua sekali perkataan yang dicadangkan dipotong dalam pindaan asal itu adalah disifatkan diperintah telah terpotong.

(e) Apabila dua atau lebih daripada dua pindaan dicadangkan berkenaan dengan sesuatu usul, maka Pengerusi hendaklah memanggil pencadang-pencadang pindaan itu menurut dahulu kemudiannya kalimah usul itu disebutkan dalam pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh mereka itu, atau jika tiada tentu siapa yang hendak didahulu atau siapa yang hendak dikemudiankan, maka terpulanglah kepada Pengerusi memutuskan: tetapi disyaratkan iaitu tiada boleh dicadangkan apa-apa pindaan yang mengenai apa-apa perkataan yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa Majlis Mesyuarat tidak akan dipotong daripada usul itu.

(5) (a) Apa-apa pindaan ke atas sesuatu pindaan boleh dicadangkan dan disokong jika berkehendakkan disokong pada bila-bila masa selepas pindaan asal itu telah dikemukakan dan sebelum diminta keputusan mesyuarat setelah habis perbahasan berkenaan pindaan asal.

(b) Syarat-syarat perenggan (4) hendaklah dipakaikan kepada perbahasan berkenaan dengan pindaan atas pindaan sekadarkan perkataan "*masaaalah*" digantikan dengan perkataan-perkataan "*pindaan asal*" di tempat-tempat yang patut digantikan.

(c) Apabila tiap-tiap pindaan ke atas pindaan itu telah diputuskan, maka Pengerusi hendaklah mengemukakan pindaan asal atau pindaan asal yang telah dipinda itu, ikut mana yang dikehendaki.

34. (1) Sesuatu usul atau pindaan jika diminta oleh pencadangnya boleh ditarik-balik sebelum dikemuka bagi diputuskan oleh mesyuarat. Usul atau pindaan yang ditarik-balik demikian itu boleh dicadangkan semula tetapi disyaratkan jika usul, hendaklah dikeluarkan pemberitahu menurut peraturan-peraturan ini.

Menarik-balik  
usul-usul dan  
pindaan-  
pindaan.

(2) Apabila pindaan ke atas sesuatu usul atau pindaan ke atas pindaan telah dikemukakan kepada mesyuarat maka usul atau pindaan yang hendak dipinda itu tidak boleh ditarik-balik sehingga pindaan kepada usul atau pindaan ke atas pindaan itu telah diputuskan.

### PERATURAN-PERATURAN BERBAHAS

35. (1) Seseorang ahli yang hendak bercakap hendaklah bangun di tempatnya dan apabila dipanggil oleh Pengerusi maka hendaklah ia berdiri mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi. Seseorang ahli tidak boleh bercakap melainkan setelah dipanggil oleh Pengerusi.

Masa dan  
cara  
bercakap.

(2) Jika dua atau lebih daripada dua orang ahli bangun serempak, maka Pengerusi hendaklah memanggil ahli yang dahulu sekali terpanjang olehnya.

(3) Seseorang ahli tidak boleh bercakap lebih daripada sekali dalam sesuatu masaalah kecuali—

- (a) dalam presidangan Jawatankuasa; atau
- (b) bagi menerangkan sesuatu hal seperti yang ditetapkan dalam perenggan (4); atau
- (c) kerana menjawab kepada hujah-hujah yang dikeluarkan dalam perbahasan iaitu bagi pencadang sesuatu usul tersendiri.

Tetapi disyaratkan iaitu, dengan tidak hilang haknya boleh bercakap kemudian, siapa-siapa ahli boleh menyokong sesuatu usul atau pindaan dengan bangun di tempatnya dan menyatakan iaitu ia bercadang hendak menyokong usul atau pindaan itu.

(4) Seseorang ahli yang telah bercakap dalam satu-satu masaalah itu boleh bercakap menerangkan apa-apa perkara besar dalam ucapannya yang telah menerbitkan kesamaran faham; tetapi tidak boleh dikeluarkannya perkara-perkara baharu.

(5) Seseorang ahli yang telah bercakap boleh bercakap sekali lagi apabila suatu masaalah baharu dikemukakan oleh Tuan Yang di-Pertua, umpamanya cadangan hendak mendatangkan pindaan atau usul hendak menangguhkan perbahasan.

(6) Seseorang ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh dibacanya cabutan-cabutan daripada buku-buku atau surat-surat kerana hendak menyokong hujahnya dan boleh ditengoknya peringatan-peringatan bagi mengingatkan balik apa yang hendak dicakapkannya.



(7) Seseorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya (selain daripada perkara-perkara gaji menurut apa-apa syarat dalam Perlembagaan), jika tidak diterangkannya sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu.

(8) Tuan Yang di-Pertua atau Pengerusi boleh menghadkan masa bagi Ahli-ahli berucap, jika perlu.

Isi-isi ucapan.

36. (1) Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu.

(2) Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekira-kira pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu.

(3) Adalah salah pada peraturan mesyuarat jika dicuba menimbangkan semula apa-apa perkara tertentu yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat dalam penggal majlis yang ada sekarang, kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri bagi membatalkan keputusan Majlis Mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.

(4) Adalah salah pada peraturan mesyuarat bagi seseorang ahli menggunakan bahasa biadab.

(5) Seseorang ahli tidak dibenar menyebutkan nama ahli lain.

(6) Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain.

(7) Nama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau nama Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu atau ~~Yang Terutama Gabenor Pulau Pinang dan Melaka dan Gabenor Sarawak dan Yang di-Pertua Negara Sabah~~ tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi Majlis Mesyuarat.

(8) Kelakuan atau sifat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu atau ~~Yang Terutama Gabenor Pulau Pinang dan Melaka dan Gabenor Sarawak dan Yang di-Pertua Negara Sabah~~ atau Hakim-hakim dan lain-lain orang yang menjalankan keadilan mahkamah atau ahli-ahli Majlis Pasukan Bersenjata atau mana-mana Suruhanjaya Jawatan Kerajaan yang ditubuhkan menurut Bahagian X dalam Perlembagaan atau ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya atau siapa-siapa jua Ketua Negara negeri-negeri yang bersahabat dengan Malaysia, tidak boleh disebutkan kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri bagi maksud-maksud itu.

(9) Dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa ahli-ahli Parlimen atau siapa-siapa pegawai Kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai ahli Parlimen atau pegawai Kerajaan.

(10) Adalah salah pada peraturan menggunakan—

(a) perkataan-perkataan derhaka kepada negeri;

(b) perkataan-perkataan membangkitkan perasaan melawan kuasa Kerajaan;



└ Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri

└ Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri

- (c) perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan, 1948.

(11) Jika pada timbangan Tuan Yang di-Pertua bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan lagi di atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar Peraturan ini, maka Tuan Yang di-Pertua berkuasa boleh menolak usul atau pindaan itu ikut mana yang dikehendaki, atau memberhentikan perbahasan itu dan memerintahkan supaya usul atau pindaan itu tidak boleh dibahaskan lagi.

37. Seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap kecuali— Mengganggu.

- (a) jika hendak mengeluarkan teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu ahli yang sedang bercakap itu hendaklah duduk dan ahli yang mengganggu itu hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak dikeluarkannya buat pengetahuan mesyuarat dan diserahkannya perkara itu kepada Pengerusi memutuskannya; atau
- (b) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh ahli yang sedang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat ahli yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk dan ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi.

38. (1) Perbahasan atas apa-apa usul, selain daripada usul hendak menangguhkan Majlis Mesyuarat, dan perbahasan atas apa-apa Rang Undang-undang atau pindaan, hendaklah berkaitan dengan usul atau Rang Undang-undang atau pindaan itu. Had  
Perbahasan

(2) Perbahasan atas usul hendak menangguhkan Majlis Mesyuarat hendaklah berkaitan dengan perkara yang hendak dikeluarkan menurut Peraturan 17 atau 18.

(3) Dalam sesuatu pindaan mencadangkan hendak dipotong apa-apa perkataan dan dimasukkan perkataan-perkataan lain gantinya, maka perbahasan atas masalah "*Iaitu perkataan-perkataan yang dicadang hendak dipotong itu hendaklah dipotong*" boleh termasuk perkataan-perkataan yang dicadang hendak dipotong dan juga perkataan-perkataan yang hendak ditambah atau dimasukkan.

(4) Dalam sesuatu pindaan mencadangkan hendak hanya dipotong apa-apa perkataan atau ditambah perkataan-perkataan atau dimasukkan perkataan-perkataan, perbahasan berkenaan dengannya hendaklah dihadkan kepada perkara memotong perkataan-perkataan itu sahaja, atau menambah perkataan-perkataan sahaja atau memasukkan perkataan-perkataan sahaja.

(5) Perbahasan atas apa-apa usul "*Iaitu perbahasan ditangguhkan sekarang*" atau usul dalam Jawatankuasa "*Iaitu Pengerusi hendaklah memaklumkan sebanyak mana telah dijalankan perbahasan dan meminta izin hendak bersidang sekali lagi*" hendaklah dihadkan kepada perkara usul itu; dan seseorang ahli yang mengeluarkan usul itu atau yang menyokongnya tidak boleh lagi mencadangkan atau menyokong apa-apa usul yang seperti itu dalam perbahasan itu juga.

Mendahului  
perbahasan.

39. (1) Adalah salah pada peraturan mesyuarat mendahului perbahasan atas Rang Undang-undang yang ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat dengan membahaskan sesuatu usul tersendiri atau pindaan yang sama perkaranya dengan ini Rang Undang-undang itu atau dengan mengeluarkan perkara isi Rang Undang-undang itu masa dicadangkan usul menangguhkan Majlis Mesyuarat.

(2) Adalah salah pada peraturan mesyuarat mendahului perbahasan atas sesuatu usul yang telah dikeluarkan pemberitahu dengan membahaskan sesuatu pindaan atau dengan mengeluarkan perkara yang sama isinya dengan perkara usul itu masa dicadangkan usul menangguhkan Majlis Mesyuarat.

(3) Bagi memutuskan adakah sesuatu perbahasan itu salah atau tidak pada peraturan mesyuarat kerana mendahului perbahasan mesyuarat, maka Pengerusi hendaklah menimbang adakah perkara itu harus akan dibawa dalam Majlis Mesyuarat dalam tempoh yang menasabah.

Menutup  
perbahasan.

40. (1) Setelah sesuatu masaalah dikemukakan kepada mesyuarat maka seseorang ahli boleh bangun di tempatnya dan menuntut mencadangkan usul "*Iaitu masaalah ini diputuskan sekarang*" dan, jika pada fikiran Pengerusi usul itu tidak akan membawa peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat digunakan pada jalan yang salah atau melanggar hak-hak puak kecil maka masaalah "*Iaitu masaalah ini diputuskan sekarang*" hendaklah dikemukakan bagi diputuskan dengan sertamerta dan diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas walaupun pencadang usul yang mula itu atau pencadang pindaan ke atas usul itu tidak ada peluang menjawab.

(2) Apabila usul "*Iaitu masaalah ini diputuskan sekarang*" telah disetujui dan masaalah asal telah diputuskan, maka siapa-siapa ahli boleh menuntut supaya apa-apa masaalah lain yang telah dikemukakan oleh Pengerusi itu diputuskan sekarang dan jika Pengerusi bersetuju, masaalah-masaalah itu hendaklah diminta mesyuarat memutuskannya dengan sertamerta dan diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas.

(3) Masaalah hendak menutup perbahasan tidak boleh diputuskan dengan disetujui oleh mesyuarat walaupun dalam belahbahagian Majlis yang diadakan berkenaan dengannya ramai pihak yang bersetuju daripada pihak yang tidak bersetuju, kecuali jika nampak daripada bilangan pengundi-pengundi yang dimasyhurkan oleh Pengerusi, tidak kurang daripada dua puluh orang lebih ahli yang bersetuju daripada ahli-ahli yang tidak bersetuju.

Adab Ahli-  
ahli yang tidak  
bercakap.

41. Masa mesyuarat bersidang:

- (a) semua ahli-ahli hendaklah masuk ke Dewan atau keluar daripada Dewan atau membawa diri dalam Dewan dengan tertib adab;
- (b) seseorang ahli tidak boleh melintas ruangan di tengah Dewan dengan tidak ada hal;
- (c) ahli-ahli tidak boleh membaca suratkhobar-suratkhobar, buku-buku, surat-surat atau lain-lainnya kecuali apa-apa yang ada kenamengena tepat dengan urusan yang dibahas;
- (d) seseorang ahli tidak boleh merokok di dalam Dewan Mesyuarat;
- (e) masa seseorang ahli itu bercakap, semua ahli-ahli lain hendaklah diam dan tidak boleh mengganggu dengan cara kurang adab.



42. Bila-bila ahli-ahli ditegur oleh Pengerusi berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau bila-bila Pengerusi menyampuk masa dijalankan perbahasan, maka siapa-siapa ahli yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap, hendaklah duduk dan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa hendaklah diam supaya cakap Pengerusi boleh didengar dengan tidak terganggu.

Mesyuarat  
hendaklah  
diam bila  
Pengerusi  
bercakap.

43. Tuan Yang di-Pertua dalam Majlis Mesyuarat atau Pengerusi dalam Jawatankuasa adalah bertanggung ke atasnya menjaga supaya peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa diendahkan, dan keputusannya berkenaan dengan apa-apa perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta timbangan semula dan tidak boleh diulang-kaji oleh Majlis Mesyuarat kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri kerana itu. Usul demikian ini tidak berkehendak dikeluarkan pemberitahu lebih daripada dua hari terlebih dahulu.

Keputusan  
Pengerusi  
adalah  
muktamad.

44. (1) Pengerusi setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa kepada kelakuan seseorang ahli yang berdegil-degil menyebutkan perkara yang tidak ada kenamengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri atau hujah-hujah ahli lain dalam sesuatu perbahasan, boleh memerintahkan ahli itu suruh berhenti bercakap.

Teetib dalam  
Mesyuarat.

(2) Pengerusi hendaklah memerintahkan siapa-siapa ahli yang berkelakuan haru-biru, keluar dengan sertamerta daripada Majlis Mesyuarat hingga habis persidangan pada hari itu, dan Bentara Mesyuarat hendaklah menjalankan apa-apa perintah yang diterimanya daripada Pengerusi menurut Peraturan ini; tetapi jika ada masanya, difikirkan oleh Pengerusi kuasa-kuasanya menurut syarat-syarat tadi dalam Peraturan ini tiada cukup, maka boleh disebutkannya nama ahli atau ahli-ahli yang berkelakuan haru-biru itu. Kemudian aturan yang ditetapkan dalam perenggan (3), (4), (5) dan (6) hendaklah diikuti.

(3) Bila-bila seseorang ahli itu telah disebutkan namanya oleh Pengerusi sebaik-baik telah dilakukannya kesalahan tidak mengendahkan kuasa Pengerusi atau kesalahan berdegil-degil dan dengan sengaja mengganggu urusan mesyuarat dengan menggunakan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat pada jalan yang salah atau dengan apa-apa jalan lain, maka, jika kesalahan itu dilakukan oleh ahli itu dalam Majlis Mesyuarat, suatu usul "*Iaitu Encik atau Tuan..... digantung kerja sebagai ahli Majlis*" hendaklah dicadangkan dengan sertamerta dan disokong oleh dua orang Menteri yang hadir. Tuan Yang di-Pertua hendaklah dengan sertamerta mengemukakan usul itu bagi diputuskan oleh mesyuarat dengan tidak dibenarkan dipinda atau ditangguhkan mesyuarat atau dibahas; jika kesalahan itu dilakukan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Mesyuarat, maka Pengerusi hendaklah dengan sertamerta menempohkan perjalanan mesyuarat dan memaklumkan perkara itu kepada Majlis Mesyuarat; Tuan Yang di-Pertua setelah dikeluarkan usul dengan sertamerta, hendaklah mengemukakan masaaalah itu kepada Majlis Mesyuarat bagi diputuskan dengan tidak dibenarkan dipinda, ditangguhkan mesyuarat atau dibahas, seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan dalam Majlis Mesyuarat sendiri.

(4) Tidak lebih daripada seorang ahli yang boleh disebutkan namanya serempak, kecuali jika dua atau lebih daripada dua orang ahli yang hadir telah bersama-sama tidak mengendahkan kuasa Pengerusi.

(5) Jika seseorang ahli itu digantung kerja sebagai ahli Majlis menurut syarat-syarat Peraturan ini, maka ahli itu hendaklah diperintahkan oleh Tuan Yang di-Pertua keluar daripada Majlis Mesyuarat dan tidak dibenarkan masuk hingga tamat mesyuarat.

(6) Jika seseorang atau dua atau lebih daripada dua orang ahli yang sama-sama melakukan kesalahan dan yang telah digantung kerja menurut Peraturan ini, engkar mengikut perintah Tuan Yang di-Pertua menyuruh keluar, apabila tiap-tiap seorangnya disuruh keluar oleh Bentara Mesyuarat menurut perintah Tuan Yang di-Pertua, maka Tuan Yang di-Pertua hendaklah menarik perhatian Majlis Mesyuarat iaitu mustahak dijalankan langkah keras bagi memaksa ahli-ahli itu mengikut perintahnya. Apabila ahli atau ahli-ahli yang telah disebutkan namanya oleh Tuan Yang di-Pertua iaitu engkar menurut perintahnya telah dikeluarkan daripada Majlis Mesyuarat, maka dengan tidak dikemuka bagi diputuskan oleh mesyuarat, ahli-ahli itu hendaklah tergantung kerja sebagai ahli Majlis sehingga habis penggal Majlis.

(7) Ahli-ahli yang diperintahkan keluar menurut perenggan (2) atau yang telah digantung kerja sebagai ahli Majlis menurut perenggan (3) dan (6), dengan sertamerta hendaklah keluar daripada kawasan Dewan Mesyuarat dan tidak dibenarkan masuk sehingga habis persidangan mesyuarat atau selama tempoh mereka digantung kerja sebagai ahli Majlis, ikut mana yang dikehendaki.

(8) Jika sekiranya berlaku haru-biru yang besar dalam Majlis Mesyuarat maka Tuan Yang di-Pertua boleh menangguhkan mesyuarat jika pada fikirannya mustahak ditangguhkan, dengan tidak meminta keputusan mesyuarat; atau menempohkan persidangan mesyuarat selama yang ditetapkannya; jika sekiranya berlaku haru-biru yang besar dalam persidangan Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Mesyuarat maka Pengerusi boleh menempohkan perjalanan mesyuarat dan memaklumkan hal itu kepada Majlis Mesyuarat dan setelah itu Tuan Yang di-Pertua boleh menjalankan apa-apa langkah seolah-olah haru-biru itu telah berlaku dalam Majlis Mesyuarat.

(9) Tiada apa pun dalam Peraturan ini yang difaham menghilangkan kuasa Majlis Mesyuarat boleh menjalankan apa-apa langkah keatas siapa-siapa ahli menurut ketetapan Majlis Mesyuarat.

Memutuskan  
masalah-  
masalah.

45. (1) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat Fasal (1) Perkara 89 dalam Perlembagaan dan Fasal (3) Perkara 159 dalam Perlembagaan dan dengan tertakluk kepada Peraturan-peraturan ini, Majlis Mesyuarat, menurut syarat-syarat Fasal (3) Perkara 62 dalam Perlembagaan, hendaklah mengambil keputusan atas sesuatu perkara itu mengikut pihak mana yang mendapat undi lebih; dan jika sama banyak undi, maka Tuan Yang di-Pertua atau siapa-siapa yang mempengerusikan mesyuarat hendaklah mengeluarkan undi pemutus, tetapi ia tiada boleh mengundi jika tidak sama banyak undi dengan disyaratkan bahawa sekiranya Tuan Yang di-Pertua menjadi seorang ahli Majlis hanya menurut perenggan (b) Fasal (1A) Perkara 57 Perlembagaan, maka ia tidak mempunyai undi pemutus dalam Majlis Mesyuarat atau dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

(2) Menurut syarat-syarat Fasal (5) Perkara 62 dalam Perlembagaan, seseorang ahli yang tiada hadir dalam mesyuarat tidak dibenarkan mengundi.

46. (1) Seseorang ahli tidak boleh bercakap lagi atas sesuatu masaalah yang telah selesai dikemukakan oleh Pengerusi bagi diputuskan. Undi dengan suara.

(2) Sesuatu masaalah itu adalah selesai dikemuka bagi diputuskan apabila Pengerusi telah mengambil undi-undi yang bersetuju dan yang tidak bersetuju.

(3) Apabila masaalah itu telah dikemukakan oleh Pengerusi kepada mesyuarat bagi diputuskan setelah tamat perbahasan, maka keputusan hendaklah diambil dengan menurut suara *Ya* dan *Dak* dan (dengan syarat tidak ada ahli yang meminta diadakan belahbahagian) keputusan itu hendaklah dimasyhurkan oleh Pengerusi.

(4) Jika timbangan Tuan Pengerusi berkenaan dengan keputusan atas sesuatu masaalah itu dilawan oleh siapa-siapa ahli yang meminta diadakan belahbahagian, maka Pengerusi hendaklah meminta ahli-ahli yang hendakkan belahbahagian itu bangun ditempat masing-masing. Jika kurang daripada lima belas orang ahli yang bangun maka Pengerusi hendaklah memasyhurkan keputusan itu dengan sertamerta atau memerintah diadakan belahbahagian. Jika lima belas atau lebih daripada lima belas orang bangun kerana itu maka Pengerusi hendaklah memerintah diadakan belahbahagian dan, setelah dikeluarkannya apa-apa amaran sebagaimana yang mustahak pada timbangannya, maka hendaklah dilantiknya Penghitung undi.

47. (1) Apabila belahbahagian telah diperintahkan, maka Penghitung undi hendaklah bertanya pada tiap-tiap ahli pihak mana hendak diundinya. Setiausaha hendaklah memasukkan undi masing-masing ahli itu dan nama ahli-ahli yang tidak mengundi dalam buku Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat. Belah-bahagian.

(2) Apabila seseorang ahli itu ditanya pihak mana hendak diundinya dalam sesuatu belahbahagian, bolehlah dijawabnya mengatakan ia mengundi bagi pihak *Bersetuju* atau bagi pihak *Tidak* atau dengan menyatakan terang-terang iaitu ia tidak hendak mengundi. Seseorang ahli tidak boleh memberi jawab yang berlawanan dengan apa-apa ketetapannya yang dikeluarkannya pada masa diadakan undi dengan suara beramai-ramai.

(3) Apabila tiap-tiap ahli yang hadir telah ditanya pihak mana hendak diundinya, maka Pengerusi hendaklah menyebutkan berapa bilangan yang bersetuju dan berapa bilangan yang tidak bersetuju dan setelah itu hendaklah dimasyhurnya keputusan undi itu dan, jika dikehendaki, Pengerusi hendaklah mengeluarkan undi pemutus.

(4) Jika seseorang ahli mengatakan ia telah mengundi dengan tersilap atau undinya tiada betul dibilang, maka bolehlah dituntutnya minta diubah undinya itu dengan syarat permintaan itu dikeluarkan sebaik-baik lepas Pengerusi telah memasyhurkan berapa bilangan undi bagi masing-masing pihak dan sebelum Pengerusi memasyhurkan keputusan belahbahagian itu.

(5) Seseorang ahli tidak boleh mengundi dalam sebarang apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan tepat bagi dirinya (selain daripada perkara gaji menurut apa-apa syarat dalam Perlembagaan) tetapi sesuatu usul hendak membatalkan undi seseorang ahli itu kerana ini hanya boleh dikeluarkan dengan



serta-merta sebaik-baik telah dimasyhurkan bilangan undi ahli-ahli yang mengundi. Jika disetujukan usul ini oleh mesyuarat, maka Pengerusi hendaklah memerintahkan Setiausaha membetulkan bilangan undi-undi itu.

Peraturan berkenaan dengan Rang Undang-undang.

48. Seseorang Menteri, setelah mengeluarkan pemberitahu sekurang-kurang satu hari terlebih dahulu, boleh membawa Rang Undang-undang dalam mesyuarat dengan tidak berkehendakkan mendapat perintah Majlis dan apabila dibawa sesuatu Rang Undang-undang demikian ini, maka nama Rang Undang-undang itu akan dibacakan oleh Setiausaha di Meja Mesyuarat dan setelah itu Rang Undang-undang itu adalah disifatkan telah dibacakan kali yang pertama dan diterima bagi dibacakan kali yang kedua pada hari persidangan mesyuarat akan datang atau persidangan mesyuarat kemudian daripada itu:

Tetapi disyaratkan iaitu berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan, pemberitahu hendak dibacakan kali yang kedua boleh dikeluarkan pada hari dibawa Rang Undang-undang itu ke dalam mesyuarat.

Rang Undang-undang daripada ahli yang bukan ahli Kerajaan.

49. (1) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat dalam Perkara 67 dalam Perlembagaan siapa-siapa ahli yang bukan ahli Kerajaan yang hendak membawa Rang Undang-undang boleh meminta izin Majlis hendak berbuat demikian, ~~serta menyatakan tujuan dan perkara-perkara besar dalam Rang Undang-undang itu~~ pada masa membawa Rang Undang-undang itu.

(2) Tiap-tiap permohonan demikian itu hendaklah dengan cara dikeluarkan usul, dan ahli yang mengeluarkan permohonan itu hendaklah juga menyampaikan kepada Setiausaha suatu salinan usulnya mengandungi nama Rang Undang-undang yang dicadangkannya itu.

(3) Apabila diperkenankan permohonan itu setelah dikemukakan kepada mesyuarat dan disetujukan usul itu, maka Rang Undang-undang itu akan disifatkan telah dibacakan kali yang pertama dan diperintahkan dicap; dan satu salinan Rang Undang-undang itu hendaklah disampaikan kepada Setiausaha.

(4) Dengan tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 51, Rang Undang-undang itu hendaklah dicap dan dihantar kepada ahli-ahli dan, dengan tidak dibahaskan, terserahkan Rang Undang-undang ini kepada Menteri yang berkenaan dengan perkara-perkara atau tugas-tugas yang terkandung dalam Rang Undang-undang itu atau, jika tiada Menteri yang berkenaan, maka terserahkan Rang Undang-undang itu kepada Menteri atau ahli yang dilantik oleh Tuan Yang di-Pertua; tidak boleh dijalankan apa-apa langkah ke atas Rang Undang-undang ini sehingga Majlis menerima penyata daripada Menteri atau ahli itu.

(5) Setelah diterima penyata yang disebutkan dalam perenggan yang lalu itu, maka Rang Undang-undang itu akan ditetapkan bagi dibacakan kali yang kedua pada hari yang dikehendaki oleh ahli yang menjaga Rang Undang-undang itu.

Rang Undang-undang Private dan Rang Undang-undang Campuran.

50. (1) Manakala sesiapa ahli bercadang hendak membawa sesuatu Rang Undang-undang yang bertujuan menyentuh atau yang mendatangkan keuntungan kepada seseorang atau sesuatu persekutuan atau sesuatu perbadanan yang tertentu (Rang Undang-undang demikian ini disebutkan dalam Peraturan-peraturan ini



sebagai Rang Undang-undang *Private*), pemberitahu berkenaan dengan Rang Undang-undang itu akan dikeluarkan dengan jalan mengisytiharkan dalam *Warta Kerajaan* suatu kenyataan mengandungi isi secara am dan tujuan-tujuan Rang Undang-undang itu, dan diisytiharkan juga kenyataan itu sekurang-kurangnya dalam sebuah akhbar di Malaysia, dan perisytiharan-perisytiharan ini hendaklah dikeluarkan sekurang-kurangnya sebulan terlebih dahulu daripada hari hendak dicadangkan usul meminta izin hendak mengemukakan Rang Undang-undang itu. Apabila diperkenankan permohonan hendak membawa Rang Undang-undang itu setelah diminta keputusan mesyuarat dan disetujui usul itu, maka Rang Undang-undang itu akan disifatkan telah dibacakan kali yang pertama dan diperintahkan dicap, dan suatu salinan Rang Undang-undang itu hendaklah disampaikan kepada Setiausaha; dan kemudiannya, dengan tertakluk kepada Peraturan 51, Rang Undang-undang itu akan dicap dan dihantar kepada ahli-ahli.

(2) Tiap-tiap Rang Undang-undang *Private* hendaklah mengandungi suatu bahagian yang memelihara hak-hak Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan/~~Yang Terutama Gabenor-gabenor Pulau Pinang dan Melaka dan Sarawak dan Yang di-Pertua Negara Sabah~~, hak-hak semua badan-badan siasah dan perbadanan-perbadanan dan hak-hak yang lain-lain, kecuali yang tersebut dalam Rang Undang-undang itu, dan badan-badan yang menuntut hak menerusnya atau daripadanya atau dengan namanya.

(3) Tiap-tiap Rang Undang-undang *Private*, dan apa-apa Rang Undang-undang lain yang difikirkan oleh Tuan Yang di-Pertua ada menyentuh hak-hak atau kepentingan seseorang (disebutkan dalam Peraturan-peraturan ini sebagai “Rang Undang-undang Campuran”), setelah dibacakan kali yang kedua, hendaklah diserahkan kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan dan mana-mana pihak yang berkenaan yang telah terlebih dahulu menghantar rayuan kepada Majlis menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 19, bolehlah memberi keterangan kepada Jawatankuasa Pilihan ini, samaada dengan sendiri atau dengan diwakili oleh penasihatnya.

(4) Seseorang ahli tidak dibenarkan jadi ahli Jawatankuasa Pilihan demikian ini sehingga ia telah memberi akuan dan menurunkan tandatangan pada surat akuan itu menyatakan iaitu—

- (a) ia tidak ada faedah kewangan bagi dirinya berkenaan dengan Rang undang itu; dan
- (b) atas sebarang masaalah yang harus akan timbul dan diberi keterangan berkenaan dengannya, ia tidak akan mengundi sebelum mendengar dan menimbangkan keterangan berkenaan dengan masaalah itu.

(5) Tiap-tiap Jawatankuasa Pilihan yang akan menimbangkan Rang Undang-undang *Private* atau Rang Undang-undang Campuran adalah berkehendakkan keterangan hakikat-hakikat dan lain-lain hujah yang disebutkan dalam Rang Undang-undang itu menunjukkan baik diluluskan Rang Undang-undang itu, dan Jawatankuasa itu bolehlah menerima apa-apa keterangan mulut atau keterangan lain-lain yang difikirkannya perlu dan kemudian daripada itu jika didapati keterangan-keterangan dan hujah-hujah itu tidak terbukti benarnya. Jawatankuasa itu akan memaalumkan pendapatnya ini kepada Majlis.



dan ia hendaklah juga menyertakan bersama satu naskhah Rang Undang-undang beserta dengan huraian mengenai tujuan-tujuan dan sebab-sebabnya, tetapi tidak boleh mengandungi apa-apa hujah

/ Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri

(6) Jika Jawatankuasa ini dapati keterangan-keterangan dan hujah-hujah itu terbukti benarnya maka Jawatankuasa itu hendaklah meneruskan urusannya seperti yang disyaratkan dalam Peraturan Mesyuarat 58, dan berkenaan dengan semua pindaan yang diperbuatnya Jawatankuasa itu hendaklah menerangkan tujuannya dalam sebuah penyata khas kepada Majlis.

(7) Berkenaan dengan Rang Undang-undang *Private* Jawatankuasa itu tidak boleh membenarkan ditambah apa-apa fasal baharu yang terkeluar daripada isi kenyataan yang dikeluarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(8) Ahli yang menjaga Rang Undang-undang itu akan bertanggungjawab ke atasnya membayar semua perbelanjaan memajukan Rang Undang-undang itu.

Susunan isi  
Rang Undang-  
undang.

51. (1) Sebelum dicap sesuatu Rang Undang-undang, Setiausaha hendaklah puas-hati iaitu—

- (a) Rang Undang-undang itu ada terbahagi kepada fasal-fasal yang diberi nombor berturut-turut;
- (b) pada tepi tiap-tiap fasal itu ada perkataan ringkas menunjukkan isi fasal-fasal itu;
- (c) Rang Undang-undang itu tidak mengandungi perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan apa yang dimaksudkan oleh nama Rang Undang-undang itu;
- (d) Rang Undang-undang itu menepati syarat-syarat dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat.

(2) Jika Setiausaha tidak puas hati iaitu syarat-syarat perenggan (1) tidak ditepati dalam apa-apa jua perkara, maka ia hendaklah memberitahu Tuan Yang di-Pertua akan hal itu; dan jika Tuan Yang di-Pertua pun berpendapat demikian maka ia hendaklah memerintahkan Setiausaha memberitahu ahli yang menjaga Rang Undang-undang itu mengatakan Rang Undang-undang itu tidak boleh dicap sehingga syarat-syarat tersebut telah ditepati.

(3) Dengan seberapa segeranya setelah dicap sesuatu Rang Undang-undang itu, Setiausaha hendaklah menghantar satu salinan Rang Undang-undang itu kepada tiap-tiap ahli disertakan dengan suatu penerangan ringkas berkenaan dengan Rang Undang-undang itu. Jika Rang Undang-undang itu mengenai hal membelanjakan wang hasil negeri, maka dalam perenggan itu hendaklah disebutkan hal membelanjakan wang hasil negeri dan berapa banyaknya perbelanjaan itu (jika ada) sepanjang yang dapat dianggarkan, atau diterangkan tidak dapat dianggarkan berapa banyak perbelanjaan itu.

Pihak-pihak  
yang dikenai  
oleh Rang  
Undang-  
undang.

52. Bila-bila hak atau kepentingan-kepentingan seseorang disentuh oleh sesuatu Rang Undang-undang, maka semua pihak yang kena itu, jika mereka membuat rayuan, boleh didengar rayuannya oleh Jawatankuasa yang menimbangkan Rang Undang-undang itu dan mereka ini boleh hadir samada dengan sendiri atau diwakili oleh penasihatnya.

Bacaan kali  
yang kedua.

53. (1) Jika hendak dibincangkan Rang Undang-undang itu dalam persidangan atau mesyuarat yang akan datang, maka pemberitahu hendak dibacakan kali yang kedua mestilah dikeluarkan sebaik-baik sahaja selepas bacaan kali yang pertama.



(2) Rang Undang-undang tidak boleh dibacakan kali yang kedua sehingga telah dihantar kepada ahli-ahli.

(3) Apabila sampai kepada perkara membacakan Rang Undang-undang kali yang kedua dalam Aturan Urusan Mesyuarat maka suatu usul "*Iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang*", akan dikeluarkan dan bolehlah diadakan perbahasan meliputi asas dan burukbaiknya Rang Undang-undang itu pada amnya.

(4) Apabila sesuatu Rang Undang-undang itu dibacakan kali yang kedua, maka boleh dicadangkan pindaan yang mana telah diberi pemberitahu dengan bersurat sekurang-kurangnya satu hari kepada masaalah, "*Iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang*" itu dengan ditinggalkan perkataan "sekarang" dan tambah di hujung masaalah itu, "*enam bulan dari hari ini*", atau ganti daripada itu boleh dicadangkan suatu pindaan meninggalkan semua perkataan-perkataan selepas perkataan "*Iaitu*" kerana hendak ditambah perkataan-perkataan bagi menyatakan tujuan dan sebab-sebab dibangkang Rang Undang-undang itu, tetapi perkataan-perkataan yang hendak ditambah itu mestilah berkaitan betul-betul dengan asas Rang Undang-undang itu dan tidak mengenai butir-butirnya. Jika Majlis bersetuju dengan salah satu pindaan demikian ini, maka bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang itu akan disifatkan tidak disetujukan.

54. (1) Sesuatu Rang Undang-undang boleh diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan sebelum bacaan kali yang kedua.

Menyerahkan  
Rang Undang-  
undang  
kepada  
Jawatankuasa.

(2) Setelah dibacakan Rang Undang-undang kali yang kedua, maka Rang Undang-undang itu akan terserah kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, kecuali jika Majlis mengeluarkan usul menyerahkannya kepada Jawatankuasa Pilihan. Usul ini tidak berkehendak dikeluarkan pemberitahu tetapi mestilah dibuat sebaik-baik sahaja dibacakan Rang Undang-undang itu kali yang kedua, dan boleh dicadangkan oleh mana-mana ahli; masaalah atas usul ini hendaklah dikemukakan sertamerta kepada mesyuarat bagi diputuskan dan hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas.

55. (1) Sesebuah Jawatankuasa yang telah diserahkan kepadanya satu Rang Undang-undang sebelum bacaan kali yang kedua, boleh membincangkan butir-butir Rang Undang-undang tersebut dan juga baik-buruk dasar-dasarnya.

Tugas-tugas  
Jawatankuasa  
yang menim-  
bangkan Rang  
Undang-  
undang.

(2) Sesebuah Jawatankuasa yang telah diserahkan kepadanya satu Rang Undang-undang selepas bacaan kali yang kedua tidak boleh membahaskan dasar Rang Undang-undang tersebut tetapi hanya butir-butirnya sahaja.

(3) Dengan tertakluk kepada ceraian (1) dan kepada syarat-syarat Perkara 67 dalam Perlembagaan, Jawatankuasa demikian ini berkuasa membuat apa-apa pindaan kepada Rang Undang-undang itu yang difikirkannya patut, dengan syarat pindaan-pindaan itu (termasuk fasal-fasal baharu dan jadual-jadual baharu) kena-mengena dengan perkara isi Rang Undang-undang itu; tetapi jika apa-apa pindaan itu tidak seturut dengan nama Rang Undang-undang itu, Jawatankuasa itu hendaklah meminda nama Rang Undang-undang itu bagi mensesuaikannya, dan hendaklah memaklumkan hal itu kepada Majlis.

Jawatankuasa  
sebuah-buah  
Majlis.

56. Jika, sebelum tamat perbincangan atas sesuatu Rang Undang-undang dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, seseorang ahli mengeluarkan usul hendak memaklumkan kepada Majlis sebanyak mana urusan telah dijalankan dan usul demikian disetujukan, atau jika perjalanan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis belum tamat lagi pada pukul 6.30 petang, maka Tuan Yang di-Pertua hendaklah memaklumkan kepada Majlis sebanyak mana urusan telah dijalankan serta meminta izin Majlis bersidang sekali lagi, dan ahli yang menjaga Rang Undang-undang itu hendaklah menetapkan hari bagi disambung semula perbincangan itu.

Aturan dalam  
Jawatankuasa  
sebuah-buah  
Majlis yang  
menimbangkan  
Rang Undang-  
undang.

57. (1) Setiausaha hendaklah menyebutkan nombor tiap-tiap fasal atau beberapa fasal dalam Rang Undang-undang itu lepas satu fasal, satu fasal. Jika tidak ada pindaan dicadangkan kepada sesuatu fasal, atau setelah selesai segala pindaan yang dicadangkan, maka Pengerusi hendaklah mengemukakan kepada mesyuarat masaalah *"Iaitu fasal ini (seperti yang telah dipinda) jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang ini"* dan, apabila semua ahli yang hendak bercakap telah bercakap dalam perkara itu, maka Pengerusi hendaklah mengemukakan masaalah itu kepada Jawatankuasa bagi diputuskan.

(2) Apa-apa pindaan yang hendak dicadangkan hendaklah dikeluarkan pemberitahu sekurang-kurang satu hari terlebih dahulu. Pindaan demikian yang tidak dikeluarkan pemberitahu hendaklah diserahkan kepada Pengerusi dengan bertulis dan tiada boleh dicadangkan kecuali jika Pengerusi puashati bahawa tiada dapat dikeluarkan pemberitahu.

(3) Tidak boleh dicadangkan pindaan yang berlawanan maksudnya dengan sesuatu fasal yang telah disetujukan atau dengan apa-apa ketetapan yang telah diambil oleh Jawatankuasa itu, dan pada bila-bila masa dalam perbahasan atas sesuatu pindaan yang dicadangkan, Pengerusi boleh menarik balik semua pindaan itu daripada ditimbang oleh Jawatankuasa, jika pada fikirannya perbincangan itu telah menunjukkan iaitu pindaan itu melanggar syarat-syarat perenggan ini.

(4) Pengerusi boleh enggan mengemukakan sesuatu pindaan itu kepada mesyuarat jika pada fikirannya pindaan itu—

(a) akan menjadikan fasal atau jadual yang hendak dipinda itu tidak terang maknanya atau salah jalan bahasanya; atau

(b) sia-sia; atau

(c) jadi seakan-akan suatu cadangan hendak meninggalkan semua sekali isi sesuatu fasal dengan tujuan hendak memasukkan syarat-syarat lain.

(5) Syarat-syarat perenggan (4) dalam Peraturan Mesyuarat 33 hendaklah dipakaikan dalam perbahasan atas pindaan-pindaan kepada Rang Undang-undang dan di mana-mana jua dikehendaki, perkataan "usul" atau "masaalah" ditukarkan jadi "fasal"; dan apa-apa pindaan yang dicadangkan atas pindaan demikian itu hendaklah diselesaikan sebelum diambil keputusan atas pindaan asal itu.

(6) Sesuatu fasal itu boleh ditangguhkan kecuali jika apa-apa pindaan ke atasnya telah diputuskan. Fasal-fasal yang ditangguhkan itu hendaklah ditimbang setelah selesai ditimbang semua fasal-fasal yang tinggal lagi dalam Rang Undang-undang itu dan sebelum dibawa fasal-fasal baharu.

(7) Apa-apa fasal baharu yang dicadangkan hendaklah ditimbangkan setelah selesai fasal-fasal dalam Rang Undang-undang itu dan sebelum ditimbangkan apa-apa jadual Rang Undang-undang itu:

Tetapi disyaratkan iaitu sesuatu fasal baharu yang dicadangkan untuk mengganti sesuatu fasal yang tidak disetujui itu boleh ditimbangkan sebaik-baik sahaja ditolak fasal yang sedia ada itu.

(8) Apabila dibacakan nama fasal baharu itu oleh Setiausaha, maka fasal itu adalah disifatkan telah dibacakan kali yang pertama. Kemudian hendaklah dikemukakan kepada mesyuarat masalaah "*iaitu fasal ini dibacakan kali yang kedua*"; jika disetujui masalaah ini, maka bolehlah dicadangkan pindaan-pindaan ke atas fasal baharu itu. Masalaah akhir yang hendak dikemukakan kepada mesyuarat ialah masalaah "*iaitu fasal ini (seperti yang telah dipinda) dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini*".

(9) Jadual-jadual hendaklah diselesaikan sama seperti menimbangkan fasal-fasal dan apa-apa jadual baharu yang dicadangkan hendaklah ditimbangkan setelah selesai jadual-jadual Rang Undang-undang itu, dan cara menimbangkan jadual baharu itu hendaklah sama seperti menimbangkan sesuatu fasal baharu.

(10) *Dibatalkan.*

(11) Setelah selesai ditimbangkan tiap-tiap fasal dan jadual dan tiap-tiap fasal baharu dan jadual baharu, maka hendaklah ditimbangkan pula pendahuluan Rang Undang-undang itu, jika ada, dan diminta keputusan mesyuarat atas masalaah "*iaitu pendahuluan ini (seperti yang telah dipinda) jadi pendahuluan Rang Undang-undang itu*". Apa-apa pindaan atas pendahuluan itu, tidak boleh ditimbangkan jika tidak perlu diadakan oleh sebab pindaan ke atas Rang Undang-undang itu.

(12) Jika perlu dipinda nama Rang Undang-undang itu, maka hendaklah dibuat pindaan itu setelah selesai perbincangan-perbincangan yang dinyatakan di atas, tetapi masalaah iaitu nama Rang Undang-undang itu (seperti yang telah dipinda) jadi sebahagian Rang Undang-undang itu tidak boleh dikemukakan bagi diputuskan; dan ayat mengundang-undangan Rang Undang-undang itu tidak boleh juga dikemukakan bagi diputuskan.

(13) Apabila tamat perbincangan atas Rang Undang-undang itu dalam Jawatankuasa maka hendaklah ahli yang menjaga Rang Undang-undang itu mencadangkan "*iaitu Rang Undang-undang ini (seperti yang telah dipinda) dimaklumkan kepada Majlis*" dan masalaah berkenaan dengannya hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas.

(14) Sebaik-baik sahaja Jawatankuasa sebuah-buah Majlis itu bersetuju supaya Rang Undang-undang itu dimaklumkan kepada Majlis, maka Pengerusi akan meninggalkan Kerusi Jawatankuasa dan mesyuarat hendaklah bersidang sebagai Majlis, dan ahli yang menjaga Rang Undang-undang itu akan memaklumkan kepada Majlis dan Majlis bolehlah membacakan Rang Undang-undang itu kali yang ketiga.

Aturan dalam Jawatankuasa Pilihan yang menimbang-kan Rang Undang-undang.

58. (1) Jawatankuasa Pilihan yang menimbangkan Rang Undang-undang akan tertakluk kepada semua syarat-syarat dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat 83 dan 84, tetapi sebelum memaklumkan Rang Undang-undang itu kepada Majlis, Jawatankuasa itu hendaklah menimbangkan Rang Undang-undang itu sebagaimana yang disyaratkan dalam perenggan-perenggan (1) hingga (4) dalam Peraturan Mesyuarat 57.

(2) Apabila sesuatu Rang Undang-undang itu telah dipinda dalam Jawatankuasa Pilihan, maka semua sekali Rang Undang-undang itu, jika boleh, hendaklah dicap jadi sebahagian daripada penyata Jawatankuasa Pilihan itu; tetapi jika tidak dapat dibuat demikian, maka tiap-tiap fasal atau jadual yang telah dipinda dan tiap-tiap fasal baharu atau jadual baharu yang telah ditambah itu hendaklah dicap.

Menyerahkan sekali lagi Rang Undang-undang yang telah dimaklumkan oleh Jawatankuasa sebuah Majlis.

59. (1) Jika seseorang ahli hendak memotong atau meminda apa-apa syarat yang terkandung dalam sesuatu Rang Undang-undang yang dimaklumkan kepada Majlis oleh Jawatankuasa sebuah-buah Majlis atau hendak menambah apa-apa syarat baharu kepada Rang Undang-undang itu, maka bolehah ahli itu, bila-bila masa sebelum seorang ahli bangun mencadangkan supaya Rang Undang-undang itu dibacakan kali yang ketiga, mencadangkan iaitu Rang Undang-undang itu diserahkan sekali lagi kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis samada semua sekali ataupun berkenaan dengan bahagian atau bahagian-bahagian yang tertentu sahaja atau berkenaan dengan jadual atau fasal baharu yang dicadangkan; cadangan demikian itu tidak dikehendaki pemberitahu, dan jika disetujukan usul ini maka Rang Undang-undang itu akan terserah sekali lagi kepada Jawatankuasa. Maka Majlis pun akan bersidang sebagai Jawatankuasa menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 54, bagi menimbangkan perkara yang telah diserahkan balik kepadanya itu. Jika sesuatu usul hendak menyerahkan balik sesuatu Rang Undang-undang kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis dibangkang, maka Tuan Yang di-Pertua hendaklah membenarkan pencadang usul itu mengeluarkan penerangan ringkas menyatakan sebab-sebabnya hendak diserahkan balik Rang Undang-undang itu dan juga hendaklah membenarkan pembangkang usul itu mengeluarkan alasan-alasan dengan ringkas menyatakan sebab-sebabnya ia tidak bersetuju diserahkan balik; setelah itu hendaklah Tuan Yang di-Pertua mengemukakan masaalah itu bagi diputuskan dengan tidak boleh dibahas.

(2) Apabila semua sekali Rang Undang-undang itu diserahkan balik kepada Jawatankuasa, maka Jawatankuasa hendaklah menimbangkan Rang Undang-undang itu sebagaimana yang disyaratkan dalam Peraturan Mesyuarat 57.

(3) Apabila sebahagian atau bahagian-bahagian yang tertentu sahaja dalam Rang Undang-undang itu diserahkan balik kepada Jawatankuasa, ataupun berkenaan dengan fasal baharu atau jadual baharu, maka Jawatankuasa itu hendaklah menimbangkan perkara-perkara yang diserahkan balik itu sahaja dan juga apa-apa pindaan, jika ada, yang dicadangkan.

(4) Setelah selesai Jawatankuasa menimbangkan Rang Undang-undang yang diserahkan balik menurut syarat-syarat Peraturan ini, ahli yang menjaga Rang Undang-undang itu hendaklah mencadangkan "*Iaitu Rang Undang-undang ini*



(seperti yang telah dipinda setelah diserahkan balik) dimaklumkan kepada Majlis” dan masaalah berkenaan dengan usul ini hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas.

60. (1) Setelah sesuatu Rang Undang-undang itu dimaklumkan oleh sesebuah Jawatankuasa Pilihan, maka Majlis hendaklah menimbangkan Rang Undang-undang itu sebagaimana yang dimaklumkan oleh Jawatankuasa Pilihan setelah dikeluarkan usul “*Iaitu penyata Jawatankuasa Pilihan itu diperkenankan*”.

Perbincangan atas Rang Undang-undang yang dimaklumkan oleh Jawatankuasa Pilihan.

(2) Jika usul itu disetujui dengan tidak ada pindaan maka Majlis bolehlah meneruskan bacaan Rang Undang-undang itu kali yang ketiga sebagaimana yang dimaklumkan oleh Jawatankuasa pilihan itu.

(3) Apabila telah dikeluarkan usul hendak memperkenankan penyata sesebuah Jawatankuasa Pilihan berkenaan dengan sesuatu Rang Undang-undang, siapa-siapa ahli boleh mencadangkan suatu pindaan hendak menambah pada hujung usul itu perkataan-perkataan “*dengan tertakluk kepada syarat boleh diserahkan balik* (samada semua sekali ataupun sebahagian atau bahagian-bahagian yang tertentu sahaja atau apa-apa fasal baharu atau jadual baharu yang dicadangkan) *kepada sebuah Jawatankuasa sebuah-buah Majlis*”, dan jika usul itu disetujui dengan pindaan tersebut, maka Rang Undang-undang itu akan terserah sekali lagi kepada Jawatankuasa. Kemudian daripada itu, dengan dikeluarkan suatu usul menurut syarat-syarat dalam Peraturan Mesyuarat 54, maka mesyuarat bolehlah bersidang sebagai Jawatankuasa bagi menimbangkan urusan yang telah diserahkan balik kepadanya itu.

(4) Jawatankuasa sebuah-buah Majlis menimbangkan Rang Undang-undang yang diserahkan balik menurut syarat-syarat Peraturan ini hendaklah menimbangkan Rang Undang-undang itu menurut syarat-syarat perenggan (2) atau (3) dalam Peraturan Mesyuarat 59, dan aturan menamatkan perbincangan Jawatankuasa ini dan apa-apa perbincangan lagi atas Rang Undang-undang itu hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat perenggan (4) dalam Peraturan 59.

61. (1) Waktu hendak dibacakan Rang Undang-undang itu kali yang ketiga, maka bolehlah dicadangkan pindaan-pindaan kepada masaalah “*Iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga sekarang*”, sama seperti yang boleh dicadangkan pada masa hendak dibacakan Rang Undang-undang itu kali yang kedua; tetapi hendaklah dihadkan perbincangan itu kepada isi Rang Undang-undang itu, dan apa-apa pindaan yang berasas yang menimbulkan perkara-perkara yang tidak termasuk dalam Rang Undang-undang itu adalah salah pada peraturan.

Bacaan kali yang ketiga.

(2) Dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan kerana membetulkan kesilapan-kesilapan atau perkara-perkara yang tertinggal, bolehlah diadakan sebelum masaalah hendak dibacakan Rang Undang-undang itu kali yang ketiganya dikemukakan oleh Pengerusi bagi diputuskan, tetapi pindaan-pindaan atas perkara besar-besar tidak boleh dicadangkan.

62. Ahli yang menjaga sesuatu Rang Undang-undang dengan tidak dikehendaki mengeluarkan pemberitahu boleh mengeluarkan usul yang tidak boleh dipinda atau dibahas hendak menarik balik Rang Undang-undang itu, atau hendak

Menarik balik dan menangguhkan Rang Undang-undang.

menangguhkan peringkat satu lagi Rang Undang-undang itu samada sebelum dimulakan urusan mesyuarat atau apabila sampai pada perkara Rang Undang-undang itu dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

Rang Undang-undang yang mengandungi syarat-syarat yang hampir sama maksudnya.

63. Setelah sesuatu Rang Undang-undang itu disetujukan dibaca kali yang kedua atau tidak disetujukan maka masaaalah hendak dibacakan kali yang kedua atas apa-apa Rang Undang-undang lain yang mengandungi syarat-syarat yang hampir-hampir sama maksudnya, tidak boleh dicadangkan dalam penggal Majlis sekarang itu juga.

Rang Undang-undang akan mati.

63A. Sesuatu Rang Undang-undang yang dibawa ke dalam mesyuarat, setelah berjalan kuatkuasa Peraturan ini, tetapi belum disetujukan oleh dua-dua buah Majlis sebelum diberhentikan atau dibubarkan Parlimen selepas dikemukakan Rang Undang-undang itu, tidak boleh ditimbangkan lagi tetapi tidak tertegah dibawa sesuatu Rang Undang-undang yang seperti itu maksudnya, dalam Penggal Parlimen akan datang.

Melonggarkan syarat-syarat berkehendakan Rang Undang-undang itu dicap.

64. Walauapapun syarat dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, bila-bila jua Tuan Yang di-Pertua puashati iaitu tidak dapat sesuatu Rang Undang-undang dicap oleh kerana kesuntukan masa, maka bolehlah Tuan Yang di-Pertua mengisahkan demikian dan Rang Undang-undang itu sungguhpun tidak bercap, boleh ditimbangkan tetapi disyaratkan iaitu ada salinan-salinan yang bersaiklostail atau bertaip yang boleh diberikan bagi kegunaan ahli-ahli. Rang Undang-undang itu boleh ditimbangkan dalam semua peringkat dengan keadaan demikian itu.

Anggaran-anggaran Perbelanjaan Tahunan.

65. Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Malaysia bagi tahun akan datang hendaklah dibentangkan di Meja Mesyuarat sebelum dibawa Rang Undang-undang Perbekalan tahunan ke dalam Mesyuarat.

Anggaran Pembangunan Tambahan.

65A. Suatu penerangan berkenaan dengan perbelanjaan yang dicadangkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi mana-mana tahun kewangan menurut seksyen-kecil (1) dalam seksyen 4 dalam Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966, hendaklah dibentangkan dalam Mesyuarat sebelum mengemukakan kepada Majlis sesuatu ketetapan menurut seksyen-kecil (3) dalam seksyen 4 Akta itu.

Peraturan Membahas Rang Undang-undang Perbekalan dan Menimbang-anggaran Pembangunan Tahunan.

66. (1) Hendaklah dibawa ke dalam Majlis suatu Rang Undang-undang Perbekalan yang mengandungi anggaran belanja bagi semua kepala perbelanjaan yang dikehendaki dimasukkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan menurut Perkara 100 dalam Perlembagaan bagi tahun berkenaan. Butir perbelanjaan-perbelanjaan itu hendaklah dimasukkan dalam Anggaran-anggaran Perbelanjaan yang tersebut dalam Peraturan Mesyuarat 65.

(2) Sebaik sahaja Setelah Usul hendak dibacakan Rang Undang-undang Perbekalan itu kali yang kedua dicadangkan dan disokong dan sebelum perbahasan atasnya ditangguhkan selama tidak kurang daripada 2 hari, satu usul bagi dirujuk-kan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis ketetapan mengenai Anggaran Pembangunan bagi tahun berkenaan menurut seksyen-kecil 3 Seksyen 4 Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 bolehlah dikemukakan tanpa pemberitahu.

(3) Apabila usul hendak mengedarkan kepada Jawatankuasa seperti yang disebutkan dalam perenggan (2) telah dicadangkan dan disokong, perbahasan di atas usul-usul bagi bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang itu dan Anggaran Pembangunan hendaklah ditangguhkan selama tidak kurang daripada 2 hari, dan

apabila disambung semula perbahasan hendaklah dihadkan kepada dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan berhubung dengan Rang Undang-undang Perbekalan dan kedua-dua Anggaran-anggaran Biasa dan Pembangunan. Maka hendaklah diuntukkan selebih-lebihnya sebelas hari, dan daripada sebelas hari ini tidak kurang daripada dua hari hendaklah diuntukkan bagi jawapan-jawapan daripada Menteri-menteri, bagi sambungan perbahasan atas Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang-undang itu dan usul berhubung dengan Anggaran Pembangunan. Pada masa yang ditentukan pada hari penghabisan yang diuntukkan bagi perbahasan itu sebagaimana Tuan Yang di-Pertua menetapkan, maka Tuan Yang di-Pertua hendaklah mengemuka bagi diputuskan oleh mesyuarat apa-apa jua masaalah yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan yang bersangkutan dengannya.

(4) Setelah dibacakan Rang Undang-undang Perbekalan itu kali yang kedua dan usul mengenai Anggaran Pembangunan disetujui, Rang Undang-undang dan Ketetapan akan terserah kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

(5) Hendaklah diuntukkan 16 hari selebih-lebihnya bagi membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan dan kedua-dua Anggaran-anggaran Biasa dan Pembangunan dalam Jawatankuasa.

(6) (a) Tuan Yang di-Pertua boleh menguntukkan masa sehabis-habis lama yang boleh dibenarkan bagi tiap-tiap jadual dalam Rang Undang-undang itu, fasal-fasal dalam Rang Undang-undang itu dan bagi apa-apa Kepala dalam Anggaran Pembangunan. Jika telah habis masa yang diuntukkan bagi apa-apa jadual, fasal atau kepala sebelum tamat perbincangan atas jadual, fasal atau kepala itu, maka Pengerusi akan mengemukakan dengan sertamerta apa-apa masaalah yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan atas jadual, fasal atau kepala itu:

Tetapi disyaratkan iaitu Tuan Yang di-Pertua atau Pengerusi, jika baik pada timbangannya, boleh memanjangkan masa yang diuntukkan bagi sesuatu jadual atau fasal atau kepala, tetapi perbincangan dalam Jawatankuasa itu hendaklah tidak lebih daripada enam belas hari dan hendaklah jangan mengurangkan pula masa yang diuntukkan bagi jadual atau fasal atau kepala yang kemudian.

(b) Jika Tuan Yang di-Pertua tidak menguntukkan masa bagi semua atau apa-apa jadual atau fasal atau kepala itu, maka Pengerusi bolehlah menguntukkan masa sehabis lama yang dibenarkannya.

(7) Jadual-jadual dalam Rang Undang-undang itu hendaklah diselesaikan dahulu sebelum fasal-fasal.

(8) Masa menimbangan sesuatu jadual, Pengerusi hendaklah membacakan tajuk tiap-tiap kepala perbelanjaan itu mengikut giliran, dan kecuali jika ada cadangan memindanya dalam Kertas Pemberitahu, Pengerusi hendaklah mengemukakan kepada mesyuarat masaalah "Iaitu wang sejumlah \$.....untuk kepala.....jadi sebahagian daripada jadual."

(9) Siapa-siapa ahli boleh mengeluarkan usul hendak meminda jadual itu dengan mengurangkan sebanyak \$.....daripada belanja yang diuntukkan bagi apa-apa pecahan-kepala atau butir di bawah kepala itu, tetapi hendaklah dikeluarkan pemberitahu sekurang-kurangnya dua hari terlebih dahulu.



(10) Jika ada banyak cadangan hendak mengurangkan peruntukan daripada satu pecahan-kepala atau butir, maka hendaklah mula-mula sekali dicadangkan pindaan berkenaan dengan belanja yang sehabis sedikit sekali hendak dikurangkan itu dan pindaan hendak meninggalkan pecahan-kepala atau butir itu boleh dicadangkan hanya apabila semua usul-usul hendak mengurangkan peruntukan itu telah selesai diputuskan.

(11) Setelah selesai diputuskan semua pindaan-pindaan yang ada dalam Kertas Pemberitahu berkenaan dengan apa-apa kepala perbelanjaan, maka Pengerusi hendaklah mengemukakan kepada mesyuarat masalah “Iaitu wang sejumlah \$.....untuk kepala.....jadi sebahagian daripada jadual.”

(12) Berkenaan dengan masalah “Iaitu wang sejumlah \$.....untuk kepala.....jadi sebahagian daripada jadual” perbincangan hendaklah dihadkan kepada dasar khidmatan yang hendak diuntukkan wang itu dan tidak boleh mengenai butir-butir perbelanjaan, tetapi boleh menyebutkan butir-butir hasil atau kumpulan wang-kumpulan wang yang dalam tanggungjawab khidmatan itu.

(13) Apabila menimbang dalam jawatankuasa sesuatu usul yang disebutkan dalam perenggan (2) berkaitan dengan Anggaran Pembangunan bagi tahun berkenaan, Pengerusi hendaklah menyebutkan tajuk tiap-tiap kepala perbelanjaan lepas satu kepala, satu kepala dan hendaklah mencadangkan masalah atas usul-itu, “Bahawa perbelanjaan yang disebutkan dalam kepala.....dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun berkenaan hendaklah diluluskan.”

(14) Apabila masalah yang disebutkan dalam perenggan (13) telah dicadangkan, Menteri yang bertanggungjawab atas kepala perbelanjaan yang berkenaan, bolehlah bercakap menyokong kepala perbelanjaan itu dan selepas itu—

(a) jika telah dikeluarkan pemberitahu pindaan atas kepala perbelanjaan itu atau bahagian kepala perbelanjaan itu atau butir kepada perbelanjaan itu, maka pindaan-pindaan itu hendaklah diputuskan menurut perenggan-perenggan (15) dan (16);

(b) jika tidak dikeluarkan pemberitahu pindaan-pindaan atau apabila semua pindaan telah diputuskan maka bolehlah dibincangkan usul yang disebutkan dalam perenggan (13) atau sebagaimana usul yang telah dipinda, ikut mana yang dikehendaki, perbincangan atas usul itu hendaklah terhad kepada perkhidmatan yang berkaitan sahaja.

(15) Pindaan-pindaan yang dikehendaki pemberitahu sekurang-kurang dua hari terlebih dahulu, bolehlah dicadangkan atas usul yang disebutkan dalam perenggan (13) bagi meninggalkan apa-apa bahagian kepala perbelanjaan atau butir perbelanjaan atau bagi menambah di hujung usul itu “dengan syarat dikurangkan sebanyak.....” dengan ditentukan apa dia bahagian kepala perbelanjaan dan butir perbelanjaan (jika ada) yang hendak dikurangkan belanjanya itu.

(16) Apabila beberapa pindaan dicadangkan hendak mengurangkan peruntukan dalam sesuatu kepala perbelanjaan yang sama, pecahan-kepala perbelanjaan atau butir perbelanjaan, maka hendaklah mula-mula sekali dicadangkan pindaan berkenaan dengan belanja yang sehabis sedikit sekali hendak dikurangkan dan



pindaan hendak meninggalkan pecahan-kepala perbelanjaan atau butir perbelanjaan boleh dicadangkan hanya apabila semua usul-usul hendak mengurangkan peruntukan itu telah diputuskan.

(17) Apabila semua masalaah-masalaah atas semua kepala perbelanjaan dalam kedua-dua Anggaran Biasa dan Pembangunan telah diputuskan dan Rang Undang-undang telah diluluskan oleh Jawatankuasa, Pengerusi, dengan tidak membenarkan pindaan atau perbahasan, hendaklah mengemukakan bagi diputuskan, kepada Jawatankuasa masalaah mengenai ketetapan atas Anggaran Pembangunan bagi tahun berkenaan, atau jika perbelanjaan yang dicadangkan itu telah dikurangkan, Pengerusi hendaklah mengemukakan bagi diputuskan masalaah itu kepada Jawatankuasa dengan syarat ditinggalkan perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dikurangkan itu.

Apabila usul itu telah disetujui, ia hendaklah dimaklumkan kepada Majlis dengan sertamerta berikutan dengan laporan kepada Majlis bahawa Rang Undang-undang itu telah diluluskan oleh Jawatankuasa.

(18) Apabila Rang Undang-undang itu telah dimaklumkan kepada Majlis, suatu usul bagi bacaan kali yang ketiga akan dikemukakan oleh seorang Menteri. Usul yang demikian akan diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

(19) Setelah Rang Undang-undang itu dibacakan bagi kali yang ketiga maka seorang Menteri dengan sertamerta akan mengemukakan ketetapan yang tersebut dalam perenggan (2) yang dipinda jika dikehendaki, untuk memberi kesan kepada pengurangan-pengurangan yang telah disetujui oleh Jawatankuasa. Usul itu boleh dikemukakan tanpa pemberitahu, dan masalaah mengenainya akan diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

**67.** (1) Tiap-tiap Rang Undang-undang Perbekalan yang dibawa ke dalam mesyuarat kerana menepati perbelanjaan-perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih daripada yang telah dibenarkan sebagaimana yang tersebut dalam Perkara 101 dalam Perlembagaan, hendaklah disertakan dengan suatu anggaran belanja tambahan bagi tiap-tiap satu kepala yang hendak diminta kebenaran mengeluarkan belanja, dengan diterangkan—

Peraturan  
Memahas  
Rang Undang-  
undang  
Perbekalan  
Tambahan dan  
Menimbangkan  
Anggaran-  
anggaran  
Pembangunan  
Tambahan.

- (a) berapa jumlah belanja yang dibenarkan di bawah kepala itu;
- (b) berapa jumlah tambahan yang dikehendaki dalam apa-apa pecahan-kepala;
- (c) berapa belanja yang dapat diselamatkan daripada lain-lain pecahan-kepala di bawah sesuatu kepala itu yang boleh diguna bagi mengurangkan peruntukan tambahan bagi menepati perbelanjaan tambahan itu;
- (d) berapa jumlah peruntukan tambahan yang diminta bagi kepala itu.

(2) Tiap-tiap anggaran belanja tambahan hendaklah dibentangkan di atas Meja Mesyuarat sekurang-kurangnya tiga hari betul sebelum mesyuarat hendak dikeluarkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan itu.

(3) Setelah dicadangkan usul hendak dibacakan Rang Undang-undang ini kali yang kedua dan disokong, tetapi sebelum perbahasan mengenainya dijalankan, satu usul untuk mengambil ketetapan mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan menurut seksyen-kecil (3) Seksyen 4 Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966, hendaklah dicadangkan, tanpa pemberitahu, oleh seorang Menteri untuk diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

(4) Suatu penerangan berkenaan dengan perbelanjaan yang dicadangkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi sesuatu tahun kewangan menurut seksyen-kecil (2) Seksyen 4 dalam Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966, hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat sebelum dibawa ke dalam Majlis sesuatu ketetapan menurut seksyen-kecil (3) Seksyen 4 dalam Akta itu.

(5) Apabila usul hendak mengedarkan Rang Undang-undang kepada Jawatankuasa seperti yang tersebut dalam perenggan (3) telah dicadangkan dan disokong, perbincangan di atas usul-usul bagi bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan hendaklah diteruskan dan hendaklah dihadkan kepada dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam peruntukan-peruntukan tambahan yang dimaksudkan dalam Rang Undang-undang dan Anggaran Pembangunan Tambahan dan mengenai dasar-dasar am Kerajaan yang berkaitan dengan tujuan-tujuan yang Kumpulanwang Pembangunan itu boleh dipakai sebagaimana yang dinyatakan dalam penerangan di bawah seksyen-kecil (2) Seksyen 4 Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966. Selebih-lebihnya satu hari hendaklah diuntukkan bagi perbincangan demikian itu atas bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan usul untuk mengambil ketetapan hendak mengedarkan Anggaran Pembangunan Tambahan. Pada masa yang ditentukan pada hari yang diuntukkan bagi perbincangan itu sebagaimana Tuan Yang di-Pertua tetapkan, maka Tuan Yang di-Pertua hendaklah mengemukakan bagi diputuskan oleh Mesyuarat apa-apa jua masaalah yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan yang bersangkutan dengannya.

(6) Setelah dibacakan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan itu kali yang kedua dan Usul mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan disetujui, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan ketetapan akan terserah kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

(7) (a) Hendaklah diuntukkan selebih-lebihnya dua hari bagi membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan serta Anggaran Pembangunan Tambahan. Tuan Yang di-Pertua boleh menguntukkan masa yang sehabis-habis lama yang boleh dibenarkan bagi mana-mana kepala dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan. Jika telah habis masa yang diuntukkan bagi apa-apa kepala sebelum tamat perbincangan atas kepala itu, maka Pengerusi akan mengemukakan dengan sertamerta apa-apa masaalah yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan atas kepala itu:

Tetapi disyaratkan iaitu Pengerusi jika baik pada timbangannya, boleh memanjangkan masa yang diuntukkan bagi sesuatu kepala, tetapi perbincangan dalam Jawatankuasa hendaklah tidak lebih daripada jumlah dua hari dan hendaklah jangan mengurangkan pula masa yang telah diuntukkan terlebih dahulu bagi kepala yang kemudian.

(b) Jika Tuan Yang di-Pertua tidak menguntukkan masa bagi semua atau apa-apa kepala itu, maka Pengerusi bolehlah menguntukkan masa sehabis lama yang dibenarkan.

(8) (a) Peraturan yang ditetapkan dalam perenggan-perenggan (7), (8), (9), (10), (11) dan (12) dalam Peraturan Mesyuarat 66 dengan perubahan-perubahan yang

perlu hendaklah dipakai dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan.

(b) Peraturan yang ditetapkan dalam perenggan-perenggan (13), (14), (15) dan (16) dalam Peraturan Mesyuarat 66 dengan perubahan-perubahan yang perlu hendaklah dipakai dalam perbincangan mengenai ketetapan berkaitan dengan Anggaran-anggaran Pembangunan Tambahan.

(9) Perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dalam Jawatankuasa hendaklah terhad kepada butir-butir yang terkandung dalam anggaran belanja yang diminta diuntukkan belanja tambahan, perbahasan ini tidak boleh menyentuh dasar atau perbelanjaan dalam anggaran mengandungi peruntukan mula-mula yang telah dibenarkan, kecuali jika dasar atau perbelanjaan demikian itu zahir kepada Jawatankuasa itu dengan memandang kepada butir-butir yang terkandung dalam anggaran belanja tambahan itu.

(10) Apabila semua masalah atas semua kepala perbelanjaan dalam kedua-dua Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan telah diputuskan dan Rang Undang-undang telah diluluskan oleh Jawatankuasa, Pengerusi, dengan tidak boleh membenarkan pindaan atau perbahasan, hendaklah mengemuka bagi diputuskan, kepada jawatankuasa masalah mengenai ketetapan atas Anggaran Pembangunan Tambahan atau jika apa-apa pengurangan telah dibuat dalam perbelanjaan yang dicadangkan, hendaklah mengemukakan masalah itu kepada Jawatankuasa tertakluk kepada pengurangan itu. Apabila usul itu telah disetujui, ia hendaklah dimaklumkan kepada Majlis berikutan dengan laporan kepada Majlis atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan bacaan kali yang ketiganya.

(11) Apabila Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan telah dimaklumkan kepada Majlis, satu usul bagi bacaan kali yang ketiga hendaklah dicadangkan oleh seorang Menteri. Usul yang demikian hendaklah diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

(12) Apabila Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan telah dibacakan bagi kali yang ketiga, seorang Menteri dengan sertamerta akan memaklumkan kepada Majlis bahawa ketetapan yang dimaksudkan dalam perenggan (3) telahpun disetujui.

67A. Bagi maksud perjalanan mesyuarat ~~di bawah Peraturan Mesyuarat 66 atau~~ berkaitan dengan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan atau Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, Setiausaha Parlimen boleh mewakili dan berucap bagi pihak Menteri.

67B(1)

68. Pada tiap-tiap kali mesyuarat Majlis hendaklah dikeluarkan oleh seorang Menteri suatu pernyataan menerangkan apa-apa butir perbelanjaan segera dan yang tidak dapat diagakkan, yang telah dikeluarkan wang daripada Kumpulanwang luar-jangka kerana menepati perbelanjaan itu menurut seksyen-kecil (3) seksyen 11 dalam Undang-undang Peraturan Kewangan, tahun 1957, bagi tempoh sebelum mesyuarat itu.

Kumpulan-  
wang  
Luar-jangka.



67B. (1) Walau apa pun yang terkandung dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, seorang Menteri boleh dengan iktibaran Tuan Yang di-Pertua, tanpa pemberitahuan, mencadangkan satu usul yang tidak boleh dipinda atau dibincang bahawa satu ketetapan mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan menurut seksyen-kecil (3) seksyen 4 Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, dibuat tanpa mengemukakan sebarang Rangai Jang Undang Perbekalan Tambahan.

(2) Satu usul untuk mengambil ketetapan mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan menurut seksyen-kecil (3) seksyen 4 Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, hendaklah dicadangkan tanpa pemberitahuan, oleh seorang Menteri untuk diedarkan kepada sebuah Jawatankuasa seluruh Majlis.

(3) Walau apa pun yang terkandung dalam perenggan (1), perenggan (4) Peraturan Mesyuarat 67 hendaklah dipakai.

(4) Apabila usul hendak mengedarkan ketetapan kepada Jawatankuasa seperti yang tersebut dalam perenggan (2) telah dicadangkan dan disokong, perbincangan di atas usul bagi Anggaran Pembangunan Tambahan hendaklah diteruskan dan hendaklah dihadkan kepada dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam peruntukan-peruntukan tambahan yang dimasukkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan dan mengenai dasar-dasar am Kerajaan berkaitan dengan tujuan-tujuan yang Kumpulanwang Pembangunan itu boleh dipakai sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen-kecil (1) atau (2) seksyen 4 Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966. Tidak lebih dari sehari sahaja hendaklah diuntukkan bagi perbincangan mengenai usul untuk mengambil ketetapan hendak mengedarkan Anggaran Pembangunan Tambahan. Pada masa yang ditentukan pada hari yang diuntukkan bagi perbincangan itu sebagaimana Tuan Yang di-Pertua tetapkan, maka Tuan Yang di-Pertua hendaklah mengemukakan bagi diputuskan oleh Mesyuarat apa-apa jua masalah yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan yang bersangkutan dengannya.

(5) Apabila usul mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan disetujui, maka ketetapan akan terserah kepada sebuah Jawatankuasa seluruh Majlis.

(6) (a) Tidak lebih dari dua hari sahaja hendaklah diuntukkan bagi membincangkan Anggaran Pembangunan Tambahan. Tuan Yang di-Pertua boleh menguntukkan masa maksima yang boleh dibenarkan bagi mana-mana kepala dalam Anggaran Pembangunan Tambahan. Jika telah habis masa yang diuntukkan bagi apa-apa kepala sebelum tamat perbincangan atas kepala itu, maka Pengerusi akan mengemukakan dengan serta-merta apa-apa masalah yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan atas kepala itu.

(b) Jika Tuan Yang di-Pertua tidak menguntukkan masa bagi semua atau apa-apa kepala, maka Pengerusi bolehlah menguntukkan masa maksima yang dibenarkan.

(7) Walau apa pun yang terkandung dalam perenggan (1), peraturan yang ditetapkan dalam perenggan-perenggan (13), (14), (15) dan (16) dalam Peraturan Mesyuarat 66 dengan perubahan-perubahan yang perlu hendaklah dipakai dalam perbincangan mengenai ketetapan berkaitan dengan Anggaran Pembangunan Tambahan.

(8) Apabila semua masalah atas semua kepala perbelanjaan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan telah diputuskan, Pengerusi dengan tidak boleh membenarkan pindaan atau perbincangan, hendaklah mengemukakan bagi diputuskan oleh Jawatankuasa masalah mengenai ketetapan atas Anggaran Pembangunan Tambahan atau jika apa-apa pengurangan telah dibuat dalam perbelanjaan yang dicadangkan itu, hendaklah mengemukakan masalah itu kepada Jawatankuasa tertakluk kepada pengurangan itu.

(9) Seorang Menteri dengan serta-merta akan memaklumkan kepada Majlis bahawa ketetapan yang dimaksudkan dalam perenggan (2) telah pun disetujui."



Mendahulukan  
Perbelanjaan.

**68A.** (1) Apabila dibacakan kali yang kedua sesuatu Rang Undang-undang yang dibawa ke dalam Majlis (menurut perenggan (a) dalam Perkara 102 dalam Perlembagaan) bagi memberi kuasa membelanjakan wang bagi sebahagian daripada satu-satu tahun, perbincangan atas Rang Undang-undang ini tidak boleh termasuk perkara-perkara dasar dan tadbir Kerajaan atau tujuan-tujuan perbelanjaan itu.

(2) Pindaan kepada Rang Undang-undang demikian itu tidak boleh dicadangkan melainkan oleh seseorang Menteri.

(3) Masaalah atas apa-apa jua pindaan demikian itu hendaklah dikemukakan dengan sertamerta bagi diputuskan setelah pindaan itu dicadangkan dan disokong, dan masaalah iaitu sesuatu Fasal atau Jadual (seperti yang telah dipinda) jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang itu hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dibahas.

(4) Apabila Rang Undang-undang demikian itu telah disetujui oleh Jawatan-kuasa, maka hendaklah dimaklumkan dengan sertamerta kepada Majlis, dan setelah itu suatu usul mencadangkan dibacakan kali yang ketiga hendaklah dicadangkan oleh seseorang Menteri dan hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas.

Menghantar  
Rang Undang-  
undang  
Wang kepada  
Dewan  
Negara.

**69.** Jika pada timbangan Tuan Yang di-Pertua, sesuatu Rang Undang-undang hanya mengandungi syarat-syarat mengenai semua atau apa-apa perkara yang tersebut dalam perenggan-perenggan (a), (b) dan (c) Fasal (6) Perkara 68 dalam Perlembagaan, maka apabila dihantarkan Rang Undang-undang itu kepada Dewan Negara menurut syarat-syarat Fasal (3) Perkara 66 dalam Perlembagaan hendaklah Tuan Yang di-Pertua mengesahkannya dengan menurunkan tandatangan kepada suatu surat akuan yang akan dihantarkan bersama-sama Rang Undang-undang itu, menyatakan iaitu Rang Undang-undang itu ialah suatu Rang Undang-undang Wang, menurut maksud Perkara 68 dalam Perlembagaan.

Perutusan-  
perutusan  
kepada Dewan  
Negara.

**70.** (1) Setelah Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan oleh Majlis, maka Tuan Yang di-Pertua hendaklah menghantar kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara satu perutusan memaklumkan kepadanya iaitu—

(a) Majlis telah meluluskan Rang Undang-undang itu, atau

(b) jika Rang Undang-undang itu telah dibawa daripada Dewan Negara, Majlis telah setujui Rang Undang-undang itu dengan ada pindaan atau dengan tidak ada pindaan,

dan meminta Dewan Negara memersetujui Rang Undang-undang itu atau pindaan-pindaan yang telah dibuat oleh Dewan Rakyat ke atas Rang Undang-undang itu, ikut mana yang berkenaan.

(2) Setiausaha hendaklah menyampaikan perutusan tersebut itu kepada Dewan Negara bersama-sama dengan satu salinan bersih Rang Undang-undang itu yang telah ditandatanganinya, atau salinan Rang Undang-undang sebagaimana yang dibawa daripada Dewan Negara dengan ditandakan terang-terang pindaan-pindaan (jika ada) yang dibuat oleh Majlis. Salinan Rang Undang-undang ini hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha.

(3) Tidak ada apa-apa pun dalam Peraturan ini yang mengenai syarat-syarat Perkara 68 dalam Perlembagaan.

71. Sesuatu Perutusan daripada Dewan Negara hendaklah diterima oleh Setiausaha yang akan menyampaikan Perutusan itu kepada Tuan Yang di-Pertua; dan Tuan Yang di-Pertua boleh mengarahkan Setiausaha membacakan Perutusan tersebut pada persidangan Majlis itu juga atau pada bila-bila masa yang sesuai dalam persidangan Majlis yang akan datang.

Perutusan perutusan daripada Dewan Negara.

72. (1) Semua Rang Undang-undang yang dibawa daripada Dewan Negara hendaklah dibentangkan di atas Meja Mesyuarat hingga telah ditetapkan hari bagi dibacakan Rang Undang-undang itu kali yang kedua.

Bacaan kali yang pertama Rang Undang-undang yang dibawa daripada Dewan Negara.

(2) Pada bila-bila masa jua selepas dibacakan Perutusan daripada Dewan Negara menyatakan suatu Rang Undang-undang telah dibawa daripada Dewan Negara, maka seorang ahli bolehlah memberitahu Setiausaha di Meja Mesyuarat iaitu ia akan menjaga Rang Undang-undang itu dan menetapkan satu hari untuk bacaan kali yang kedua.

(3) Selepas itu Setiausaha hendaklah menuliskan di belakang Rang Undang-undang itu nama ahli itu, dan memasukkan dalam buku Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat bahawa Rang Undang-undang itu telah dibacakan kali yang pertama dan diperintahkan dibaca kali yang kedua pada hari yang ditetapkan itu dan dicap.

73. (1) Pada bila-bila masa jua selepas dibacakan Perutusan daripada Dewan Negara menyatakan persetujuannya atas sesuatu Rang Undang-undang dengan ada satu atau lebih daripada satu pindaan, ahli yang menjaga Rang Undang-undang dalam Majlis itu, dengan memberitahu kepada Setiausaha, bolehlah menetapkan satu hari (tidak kurang daripada lima hari penuh selepas dikeluarkan pemberitahu) bagi menimbang pindaan-pindaan Dewan Negara itu: tetapi disyaratkan iaitu jika Tuan Yang di-Pertua puashati mengatakan apa-apa pindaan yang dibuat oleh Dewan Negara ke atas sesuatu Rang Undang-undang itu ialah pindaan-pindaan membetulkan ayat atau menepati tujuan Majlis, dan tidak banyak, maka hendaklah Tuan Yang di-Pertua memaklumkan kepada Majlis akan hal itu, dan bolehlah Majlis memerintahkan supaya pindaan-pindaan itu terus ditimbang.

Menimbang pindaan-pindaan yang dibuat oleh Dewan Negara ke atas Rang Undang-undang dan lain-lainnya.

(2) Apabila ditetapkan satu hari bagi menimbang pindaan-pindaan Dewan Negara itu, maka perintah mengecap pindaan-pindaan itu adalah disifatkan telah dikeluarkan, dan perkara ini hendaklah dimasukkan dalam buku Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat.

(3) Aturan seperti ini juga hendaklah diikuti berkenaan dengan apa-apa Perutusan daripada Dewan Negara terhadap peringkat-peringkat kemudian bagi sesuatu Rang Undang-undang.

74. (1) Usul hendak membahagi-bahagikan sesuatu pindaan yang dibuat oleh Dewan Negara boleh dikeluarkan dan boleh dicadangkan pindaan-pindaan ke atas pindaan yang dibuat oleh Dewan Negara dengan syarat iaitu—

Aturan menimbang pindaan pindaan Dewan Negara ke atas Rang Undang-undang, Pindaan-pindaan dan lain-lainnya.

(a) telah dikeluarkan pemberitahu berkenaan dengan usul atau pindaan itu, dan

(b) masalalah "*Iaitu Majlis ini bersetuju (atau tidak bersetuju) dengan pindaan Dewan Negara*" belum dikemukakan oleh Pengerusi.

(2) Apabila sesuatu usul dan/atau pindaan itu telah diselesaikan maka ahli yang menjaga Rang Undang-undang itu hendaklah mencadangkan '*Iaitu Majlis ini bersetuju (atau tidak bersetuju) dengan pindaan Dewan Negara itu (seperti yang dipinda)*'.

(3) Pindaan-pindaan yang boleh dicadangkan ke atas Rang Undang-undang itu ialah hanya pindaan-pindaan yang terjadi dengan sebab pindaan-pindaan yang dibuat oleh Dewan Negara atau yang terjadi dengan sebab pindaan yang dibuat oleh Majlis ke atas pindaan Dewan Negara atau pindaan sebagai ganti pindaan yang telah dibuat oleh Dewan Negara tetapi tidak disetujukan oleh Majlis.

(4) Apabila satu atau lebih daripada satu pindaan Dewan Negara ke atas sesuatu Rang Undang-undang tidak disetujukan, maka sebaik-baik sahaja selesai ditimbang pindaan-pindaan Dewan Negara ke atas Rang Undang-undang itu, Tuan Yang di-Pertua hendaklah melantik tiga orang ahli (seorang daripadanya hendaklah ahli yang menjaga Rang Undang-undang itu) jadi sebuah Jawatankuasa kerana mengarahkan apa yang hendak dimaklumkan kepada Dewan Negara akan Sebab (atau sebab-sebabnya) ditolak pindaan (atau pindaan-pindaan) itu; cukupbilang Jawatankuasa itu ialah dua orang. Mereka hendaklah keluar dari Majlis dan membuat penyatannya dengan seberapa segeranya. Penolong Setiausaha atau pegawai lain yang telah diberi kuasa oleh Setiausaha hendaklah jadi Setiausaha Jawatankuasa itu, dan penyata Jawatankuasa itu hendaklah dibawa kepada Majlis dengan diberikan kepada Setiausaha di Meja Mesyuarat dan setelah dibawa ke dalam mesyuarat, maka penyata itu adalah disifatkan telah disetujukan oleh Majlis, dan perkara ini hendaklah dimasukkan dengan penuh dalam buku Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat dan dituliskan persetujuan itu dalam buku itu. Sebab atau Sebab-sebab ditolak pindaan Dewan Negara hendaklah dimasukkan oleh Setiausaha dalam suatu Perutusan kepada Dewan Negara dan hendaklah dihantar kepada Dewan Negara bersama dengan Rang Undang-undang itu dan Rang Undang-undang itu hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha.

(5) Aturan demikian ini hendaklah diikuti berkenaan dengan apa-apa pindaan Dewan Negara ke atas pindaan-pindaan yang dibuat oleh Majlis.

(6) Tidak ada apa-apa pun dalam Peraturan ini atau dalam Peraturan 75 yang akan disifatkan akan mengenai kuasa-kuasa Majlis ini di bawah Perkara 68 dalam Perlembagaan.

Aturan  
menimbang-  
kan Rang  
Undang-  
undang dalam  
peringkat-  
peringkatnya  
kemudian.

75. (1) Masa menimbangkan Sebab yang diberi oleh Dewan Negara bagi menolak pindaan yang dibuat oleh Majlis, boleh dikeluarkan usul "*Iaitu Majlis ini berkuat hendakkan diterima pindaan yang tidak disetujukan oleh Dewan Negara*" atau "*Iaitu Majlis ini tidak berkuat hendakkan diterima pindaan yang tidak disetujukan oleh Dewan Negara,*" dan jika usul yang kedua itu disetujukan maka boleh dicadangkan pindaan-pindaan ke atas pindaan yang disetujukan oleh Dewan Negara itu, ataupun dicadangkan suatu pindaan ke atas Rang Undang-undang itu; dan apabila selesai perjalanan mesyuarat demikian, maka Setiausaha hendaklah menandatangani Rang Undang-undang itu dan menghantarkannya kepada Dewan Negara bersama dengan Perutusan yang berkenaan.



(2) Jika Majlis berkuat hendakkan pindaan yang tidak disetujukan oleh Dewan Negara, maka hendaklah diikuti aturan yang tersebut dalam perenggan (4) dalam Peraturan Mesyuarat 74.

(3) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat Perkara 68 dalam Perlembagaan, masa menimbang pindaan yang tidak disetujukan oleh Majlis tetapi Dewan Negara berkuat hendakkan diterima pindaan itu, maka boleh dikeluarkan usul "*Iaitu Rang Undang-undang ini diketepikan*" dan jika usul ini disetujukan maka tidak boleh diadakan perbincangan lagi atas Rang Undang-undang itu, dan tidak akan dihantar apa-apa Perutusan kepada Dewan Negara; atau dikeluarkan usul "*Iaitu Majlis ini tidak berkuat hendakkan diterima keputusannya tidak bersetuju dengan Dewan Negara berkaitan dengan pindaan yang Dewan Negara hendakkan diterima*" dan, jika usul yang kedua ini disetujukan maka boleh dicadangkan pindaan-pindaan ke atas pindaan Dewan Negara itu, ataupun dicadangkan suatu pindaan atas Rang Undang-undang itu dan apabila selesai perjalanan mesyuarat demikian Setiausaha hendaklah menandatangani Rang Undang-undang itu dan menghantarkan kepada Dewan Negara bersama dengan Perutusan yang berkenaan.

#### JAWATANKUASA PILIHAN

76. (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Pemilih, dilantik awal tiap-tiap Parlimen kerana menjalankan kewajipan-kewajipan yang diuntukkan baginya oleh Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, dan kerana menjalankan apa-apa perkara lain yang diserahkan kepadanya oleh Majlis dari satu masa ke satu masa.

Jawatankuasa  
Pemilih.

(2) Jawatankuasa Pemilih itu hendaklah mengandungi Tuan Yang di-Pertua sebagai Pengerusi, dan enam orang ahli Majlis yang dipilih oleh Majlis. Jawatankuasa ini hendaklah memaklumkan kepada Majlis dengan mengeluarkan satu penyata apabila seseorang ahli Majlis telah dilantik jadi ahli sesebuah Jawatankuasa. Jawatankuasa Pemilih tidak berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat kecuali jika Majlis membuat ketetapan memberi kuasa berkenaan dengan ini.

77. (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dilantik pada awal tiap-tiap Parlimen kerana memeriksa:

Jawatankuasa  
Kira-kira  
Wang Negara.

- (a) Kira-kira Kerajaan Malaysia dan peruntukan wang yang dibenarkan oleh Parlimen kerana menepati perbelanjaan negeri;
- (b) apa-apa kira-kira badan-badan pentadbiran raya dan pertubuhan-pertubuhan lain yang menguruskan wang negeri yang dibentangkan dalam Majlis;
- (c) penyata-penyata Pemeriksa Kira-kira Negara yang dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat menurut Perkara 107 dalam Perlembagaan;
- (d) apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Jawatankuasa itu patut diperiksa, atau apa-apa perkara yang diserahkan oleh Majlis kepada Jawatankuasa itu.

(2) Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi seorang Pengerusi dan Naib-Pengerusi yang akan dilantik oleh Majlis dan tidak kurang daripada enam dan tidak lebih daripada dua belas orang ahli yang akan dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih dengan seberapa segeranya selepas dimulakan tiap-tiap Parlimen.

(3) Semasa ketiadaan Pengerusi atau Naib-Pengerusi oleh kerana keuzuran atau lain-lain sebab, Jawatankuasa hendaklah memilih salah seorang daripada mereka untuk menjadi seorang Pengerusi yang akan mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa itu.



(4) Seseorang ahli Majlis tidak boleh diangkat atau dilantik memegang atau memegang jawatan Pengerusi atau jadi Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara semasa ia jadi seorang Menteri.

(5) Jawatankuasa ini berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat dan rekod-rekod dan mengeluarkan penyata kepada Majlis dari satu masa ke satu masa.

Jawatankuasa  
Peraturan-  
peraturan  
Mesyuarat.

**78.** (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat mengandungi Tuan Yang di-Pertua sebagai Pengerusi dan enam orang ahli lain yang akan dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih dengan seberapa segeranya yang boleh selepas dimulakan tiap-tiap Parlimen. Adalah kewajipan Jawatankuasa ini menimbangkan dari satu masa ke satu masa dan mengeluarkan penyata kepada Majlis berkenaan dengan perkara-perkara berkaitan dengan Peraturan-peraturan Mesyuarat yang diserahkan oleh Majlis kepadanya bagi ditimbangkan. Jawatankuasa ini tidak berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat kecuali jika Majlis membuat ketetapan memberi kuasa berkenaan dengan ini.

(2) Jika pemberitahu usul mengandungi apa-apa cadangan hendak meminda Peraturan-peraturan Mesyuarat, maka pemberitahu itu hendaklah disertakan dengan satu rang pindaan yang dicadangkan itu, dan usul itu apabila dicadangkan dan disokong, adalah disifatkan telah diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat dengan tidak dikemukakan masalahan kepada mesyuarat, dan tidak boleh dibincangkan lagi usul ini sehingga Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat telah mengeluarkan penyata kepada Majlis berkenaan dengan cadangan itu.

Jawatankuasa  
Dewan.

**79.** (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Dewan mengandungi Tuan Yang di-Pertua sebagai Pengerusi dan enam orang ahli, dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih dengan seberapa segeranya yang boleh selepas dimulakan tiap-tiap Parlimen kerana menimbangkan dan menasihatkan Tuan Yang di-Pertua atas segala perkara berkaitan dengan kesenangan dan kemudahan serta khidmat-khidmat dan kenikmatan-kenikmatan yang terdapat bagi ahli-ahli Majlis. Jawatankuasa ini tidak berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat kecuali jika Majlis membuat ketetapan memberi kuasa berkenaan dengan ini.

(2) Minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Dewan hendaklah dihantar kepada semua ahli Majlis.

(3) Jawatankuasa ini diberi kuasa bersidang atau bermesyuarat sebagai Jawatankuasa Bersama dengan Jawatankuasa Dewan, Majlis Dewan Negara.

Jawatankuasa  
Hak dan  
Kebebasan.

**80.** (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, mengandungi Tuan Yang di-Pertua sebagai Pengerusi dan enam orang ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih dengan seberapa segeranya yang boleh selepas dimulakan tiap-tiap Parlimen. Kepada Jawatankuasa ini hendaklah diserahkan apa-apa perkara yang nampaknya menyentuh kuasa-kuasa, hak-hak dan kebebasan Majlis. Adalah jadi kewajipan atas Jawatankuasa ini menimbangkan apa-apa perkara demikian itu yang diserahkan padanya, dan mengeluarkan penyata di atas perkara-perkara itu kepada Majlis.

(2) Bila-bila Majlis tidak bersidang, seseorang ahli boleh memberitahu Tuan Yang di-Pertua jika ada dikatakan telah berlaku kesalahan melanggar peraturan hak-hak dan kebebasan Majlis. Tuan Yang di-Pertua, jika puashati iaitu pada zahirnya telah dilakukan kesalahan itu, bolehlah menyerahkannya perkara itu kepada Jawatankuasa ini dan Jawatankuasa ini hendaklah mengeluarkan penyata kepada Majlis berkenaan dengan ini.

(3) Jawatankuasa ini berkuasa boleh memanggil orang hadir di hadapannya dan meminta dikeluarkan surat-surat dan boleh mengeluarkan penyata kepada Majlis dari satu masa ke satu masa.

**81.** (1) Sesebuah Jawatankuasa Pilihan yang lain daripada Jawatankuasa Pemilih, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat, Jawatankuasa Dewan dan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan akan dikenal dengan nama Jawatankuasa Pilihan Khas. Jawatankuasa ini hendaklah dilantik dengan perintah Majlis dan, dengan tertakluk kepada perintah Majlis, Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi siapa-siapa ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih.

Jawatankuasa  
Pilihan Khas.

(2) Dengan tertakluk kepada perintah Majlis, sesebuah Jawatankuasa Pilihan Khas berkuasa memilih Pengerusinya sendiri. Jika ahli yang dipilih jadi Pengerusi itu tidak dapat hadir dalam sesuatu mesyuarat, Jawatankuasa itu hendaklah memilih seorang Pengerusi yang akan memegang jawatannya hanya pada hari ia dipilih itu sahaja.

**82.** (1) Seberapa bolehnya tiap-tiap Jawatankuasa Pilihan hendaklah ditubuhkan supaya terbayang di dalamnya kadar parti masing-masing dalam Majlis.

Menubuhkan  
Jawatankuasa  
Pilihan.

(2) Jika seseorang ahli Jawatankuasa itu mati, atau jika jawatannya sebagai ahli itu telah menjadi kosong oleh kerana apa-apa sebab yang lain, maka Majlis atau Jawatankuasa Pemilih—ikut mana yang dikehendaki, hendaklah melantik seorang ahli lain jadi gantinya dan lantikan ini hendaklah menurut syarat-syarat dalam perenggan (1).

**83.** (1) Aturan ini adalah dipakaikan kepada semua Jawatankuasa Pilihan, kecuali yang disyaratkan dalam Peraturan Mesyuarat 76 sampai 80.

Aturan dalam  
Jawatankuasa  
Pilihan.

(2) Sesebuah Jawatankuasa Pilihan berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat dan boleh mengeluarkan penyata kepada Majlis mengandungi fikiran dan pandangannya serta dengan butir-butir keterangan yang telah diberi di hadapannya.

(3) Cukupbilang sesebuah Jawatankuasa Pilihan itu hendaklah tiga orang ahli termasuk Pengerusi kecuali jika Majlis memerintahkan boleh lebih atau kurang daripada itu.

(4) Perbincangan Jawatankuasa Pilihan itu hendaklah dihadkan kepada perkara yang diserahkan oleh Majlis kepadanya dan juga kepada apa-apa yang berkenaan dengan perkara itu seperti yang ditambah atau dihadkan oleh Majlis. Berkenaan dengan Jawatankuasa Pilihan yang menimbangkan Rang Undang-undang, perbincangan Jawatankuasa itu hendaklah dihadkan kepada Rang Undang-undang itu dan kepada pindaan-pindaan yang berkaitan dengan Rang Undang-undang itu.

(5) Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pilihan hendaklah diadakan pada masa dan di tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi, jika Jawatankuasa Pilihan, atau oleh Tuan Yang di-Pertua jika Jawatankuasa Pilihan Khas. Mesyuarat-mesyuarat yang kemudian hendaklah diadakan pada masa dan di tempat menurut sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa itu:

Tetapi disyaratkan jika Jawatankuasa ini tidak menetapkan masa dan tempatnya, maka Pengerusi hendaklah menetapkan setelah berunding dengan Setiausaha.

(6) Sesebuah Jawatankuasa Pilihan tidak boleh mengadakan mesyuarat pada masa Majlis bersidang kecuali jika telah mendapat izin daripada Majlis.

(6A) Sesebuah Jawatankuasa Pilihan yang tidak dihadkan tempoh perkhidmatannya pada masa ia dilantik, akan terus ujud sehingga selesai tugas yang diserahkan kepadanya atau sehingga pembubaran Majlis.

(7) Sesebuah Jawatankuasa Pilihan boleh meneruskan penyiasatan-penyiasatannya sungguhpun Majlis telah ditangguhkan; dan Jawatankuasa Pemilih jika ada di antara ahli-ahlinya mati atau tidak dapat hadir oleh kerana sebab-sebab yang tak dapat dielakkan, maka Jawatankuasa Pemilih boleh melantik seorang ahli Majlis bagi menggantikan ahli Jawatankuasa yang mati atau tidak dapat hadir itu. Tiap-tiap lantikan menurut Peraturan ini hendaklah dimaklumkan kepada Majlis dalam mesyuaratnya yang akan datang.

(8) Setiausaha atau Setiausaha yang ditetapkan olehnya hendaklah jadi Setiausaha kepada tiap-tiap Jawatankuasa Pilihan.

(9) Apabila hendak disoal siapa-siapa saksi, maka ahli Majlis yang hendakkan saksi-saksi itu hendaklah menghantar kepada Setiausaha suatu senarai mengandungi nama, alamat dan pekerjaan tiap-tiap saksi itu sekurang-kurangnya dua hari sebelum hari yang ditetapkan hendak disoal saksi-saksi itu. Jika yang berkenaan itu ialah Jawatankuasa yang menimbangkan sesuatu Rang Undang-undang *Private* atau Rang Undang-undang campuran, maka yang dikehendakkan menghantar senarai ini ialah orang yang menghantar rayuan yang hendakkan saksi-saksi itu. Setelah itu Setiausaha, bagi pihak Majlis, hendaklah memanggil saksi-saksi itu hadir.

Tetapi disyaratkan iaitu, kecuali saksi-saksi yang dikehendaki disoal oleh sesebuah Jawatankuasa Pilihan yang menimbangkan sesuatu Rang Undang-undang, dan dikehendaki oleh ahli yang menjaga Rang Undang-undang itu atau oleh seseorang yang menghantar rayuan, Setiausaha tidak boleh memanggil seseorang saksi melainkan kalau Pengerusi, bagi pihak Jawatankuasa itu, telah mengeluarkan perintah (yang hendak diberikan kepada Setiausaha sekurang-kurang empat hari sebelum hari ditetapkan untuk menyoal saksi) bagi memanggil saksi itu.

(10) Kecuali jika Pengerusi mengeluarkan perintah lain, maka butir-butir keterangan tiap-tiap saksi itu hendaklah dituliskan sebagaimana yang dicakapkannya dan keterangan itu hendaklah dihantar kepada saksi itu supaya disemaknanya. Dalam tempoh tujuh hari daripada hari Setiausaha menghantar keterangan itu, maka boleh saksi itu mengesyurkan supaya dibetulkan apa-apa yang tidak betul dituliskan dan keterangan ini hendaklah dicap dengan apa-apa pindaan yang dibenarkan oleh Pengerusi.



(11) Jawatankuasa itu, jika baik pada timbangannya, boleh enggan mendengar apa-apa keterangan yang tidak berkaitan atau mendengar cakap saksi yang degil.

(12) (a) Seseorang ahli Jawatankuasa Pilihan boleh membawa satu penyata bagi ditimbang oleh Jawatankuasa itu dan semua penyata demikian itu hendaklah dituliskan dengan penuhnya dalam peringatan-peringatan mesyuarat Jawatankuasa itu. Apabila semua penyata itu telah dibawa ke hadapan Jawatankuasa itu, Pengerusi akan mencadangkan penyata-penyata itu mengikut susunannya dimulakan dengan penyatanya sendiri dan diteruskan dengan penyata lain-lain mengikut dahulu kemudiannya dibawa ke hadapan Jawatankuasa itu hingga satu daripadanya telah diterima sebagai asas perbincangan. Masaalah yang akan dikemukakan oleh Pengerusi di atas sesuatu penyata itu ialah, *"Iaitu Penyata Pengerusi (atau Tuan.....) dibacakan kali yang kedua lepas satu perenggan satu perenggan"*. Apabila masaalah ini telah disetujui, maka tidak boleh masaalah dikemukakan atas apa-apa penyata lain, tetapi apa-apa bahagian daripada penyata-penyata lain itu boleh ditawarkan sebagai pindaan keatas penyata yang sedang dibincangkan, jika berkaitan dengan penyata itu.

(b) Setelah itu Jawatankuasa ini hendaklah menimbang penyata itu lepas satu perenggan satu perenggan, dan syarat-syarat dalam perenggan (1) hingga (8) dan perenggan (10) dalam Peraturan Mesyuarat 57 hendaklah dipakaikan seolah-olah penyata itu suatu Rang Undang-undang dan perenggan-perenggan penyata itu seolah-olah fasal-fasal dalam Rang Undang-undang.

(c) Apabila selesai ditimbang penyata itu lepas satu perenggan, satu perenggan dan apabila semua perenggan-perenggan baharu yang dicadangkan telah ditimbang, maka masaalah iaitu penyata ini jadi penyata Jawatankuasa kepada Majlis hendaklah dikemukakan oleh Pengerusi bagi diputuskan.

(13) Syarat perenggan (7) dalam Peraturan Mesyuarat 35, hendaklah dipakaikan kepada perbincangan sesuatu Jawatankuasa Pilihan.

**84.** (1) Tiap-tiap belahbahagian dalam Jawatankuasa Pilihan hendaklah dijalankan oleh Setiausaha Jawatankuasa Pilihan itu dengan bertanya kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa itu seorang seorang bagaimana ia hendak mengundi, dan apa-apa undi mereka itu hendaklah dituliskan.

Belahbahagian  
dalam  
Jawatankuasa  
Pilihan.

(2) Masa dijalankan belahbahagian itu, nama-nama semua ahli Jawatankuasa yang hadir hendaklah dipanggil mengikut susunan huruf.

(3) Apabila diminta diadakan belahbahagian dalam sesuatu Jawatankuasa Pilihan, tiap-tiap ahli yang hadir hendaklah menyatakan samada Ya, atau Dak, kecuali jika ia menyatakan ia tidak hendak mengundi. Setiausaha Jawatankuasa ini hendaklah memasukkan undi tiap-tiap ahli dalam Peringatan Perjalanan Mesyuarat dan hendaklah juga menuliskan nama ahli-ahli yang tidak mengundi. Seseorang ahli mestilah mengundi mengikut bagaimana ia mengundi masa dijalankan undi dengan suara.

(4) Setelah selesai Setiausaha memungut undi, maka Pengerusi hendaklah mengumumkan bilangan ahli yang mengundi "Ya" dan bilangan ahli yang mengundi "Dak" dan setelah itu hendaklah ia mengisytiharkan keputusan belahbahagian itu Pengerusi tidak boleh mengundi, tetapi jika bilangan undi kedua-dua



pihak itu sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mengeluarkan undi pemutus tetapi jika Pengerusi adalah Tuan Yang di-Pertua yang menjadi ahli Majlis hanya mengikut perenggan (b) Fasal (1A) Perkara 57 Perlembagaan, maka ia tidak mempunyai undi pemutus.

(5) Jika seseorang ahli Jawatankuasa itu menyatakan ia tersalah mengundi, atau undinya telah salah dibilang, maka boleh ia menuntut supaya undinya ditukar, tetapi disyaratkan tuntutan hendaklah dibuat selepas sahaja Pengerusi mengumumkan bilangan undi-undi dan sebelum diisytiharkan keputusan belah-bahagian itu.

(6) Syarat-syarat perenggan (5) dalam Peraturan Mesyuarat 47 hendaklah dipakaikan kepada belahbahagian dalam sesuatu Jawatankuasa Pilihan.

Menyiarkan  
keterangan  
sebelum  
masanya.

**85.** Keterangan yang diambil di hadapan sesebuah Jawatankuasa Pilihan dan apa-apa surat yang dikeluarkan kepadanya tidak boleh disiarkan oleh siap-siapa ahli Jawatankuasa itu, atau oleh siapa-siapa jua, sebelum Jawatankuasa itu membawa penyata itu kepada Majlis.

Penyata-  
penyata  
daripada  
Jawatankuasa  
Pilihan.

**86. (1)** Tiap-tiap Jawatankuasa Pilihan hendaklah membuat satu penyata kepada Majlis berkenaan dengan perkara-perkara yang diedarkan kepadanya dengan seberapa segeranya.

(2) Sesebuah Jawatankuasa Pilihan adalah dibenarkan membuat penyata khas berkenaan dengan kuasa-kuasa, tugas-tugas dan perjalanan mesyuarat Jawatankuasa itu atas apa-apa jua yang difikirkannya patut dibawa kepada perhatian Majlis.

(3) Sesuatu penyata atau penyata khas Jawatankuasa Pilihan bersama-sama dengan peringatan perjalanan mesyuarat dan peringatan apa-apa keterangan yang diambil di hadapan Jawatankuasa hendaklah di bawa ke dalam mesyuarat oleh Pengerusi atau ahli lain yang diwakili oleh Jawatankuasa itu dan hendaklah diperintahkan terbentang di Meja Majlis dan dicap dengan tidak dikemuka bagi diputuskan oleh mesyuarat.

(4) Dalam Peringatan perjalanan mesyuarat sesebuah Jawatankuasa hendaklah dituliskan perjalanan mesyuarat atas perbincangan menimbangkan berkenaan dengan sesuatu penyata Rang Undang-undang dalam Jawatankuasa itu, dan juga atas tiap-tiap pindaan yang dicadangkan ke atas penyata atau Rang Undang-undang itu bersama-sama dengan peringatan berkenaan dengan apa-apa belah-bahagian yang telah dijalankan dalam Jawatankuasa itu, dan nama-nama ahli yang mengundi dan yang tidak mengundi dalam belahbahagian itu.

(5) Siapa-siapa ahli selepas mengeluarkan pemberitahu sekurang-kurangnya dua hari terlebih dahulu boleh mencadangkan dalam Majlis supaya Penyata Jawatankuasa Pilihan itu diterima.

(6) Apabila sesuatu Rang Undang-undang itu telah dimaklumkan kepada Majlis daripada Jawatankuasa Pilihan, maka penyata Jawatankuasa itu hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat dalam Peraturan Mesyuarat 60.

**87.** Bila-bila Majlis memutuskan hendak melantik sebuah Jawatankuasa Pilihan bagi mengkaji dan membuat penyata atas apa-apa perkara yang perlu ditanya fikiran Dewan Negara atau memutuskan hendak melantik sebuah Jawatankuasa Bersama Tetap bagi mengkaji dan membuat penyata atas perkara-perkara mengenai kebajikan perjalanan urusan halehwal dalam kedua-dua Majlis, maka hendaklah diikuti aturan di bawah ini:

Rundingan  
Bersama  
di antara  
Jawatankuasa  
Pilihan  
Dewan Rakyat  
dengan  
Jawatankuasa  
Pilihan  
Dewan Negara.

- (a) Majlis hendaklah mengambil keputusan iaitu mustahak ditubuhkan sebuah Jawatankuasa kedua-dua Majlis bagi menimbangkan suatu perkara tertentu atau keputusan iaitu mustahak diserahkan sesuatu Rang Undang-undang kepada Jawatankuasa kedua-dua Majlis Mesyuarat;
- (b) kemudian daripada itu Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menghantar-kan salinan keputusan itu kepada Setiausaha Dewan Negara;
- (c) apabila diterima perutusan setuju daripada Dewan Negara, maka Majlis hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Pilihan mengandungi siapa-siapa ahli yang diperintahkan oleh Majlis kerana bersatu dengan Jawatan-kuasa Pilihan yang akan dilantik oleh Dewan Negara; dan Jawatankuasa ini berkuasa (terkecuali jika Majlis mengeluarkan perintah lain) memanggil orang hadir di hadapannya, atau meminta surat-surat atau risalat-risalat;
- (d) kemudian daripada itu Setiausaha hendaklah memberitahu Setiausaha Dewan Negara iaitu Jawatankuasa itu sudah dilantik dan Setiausaha bagi pihak Majlis, hendaklah meminta kepada Dewan Negara melantik ahli-ahli yang sama bilangannya bersatu dengan Jawatankuasa Pilihan Majlis;
- (e) apabila diterima perutusan daripada Dewan Negara menyatakan iaitu Dewan Negara telah mengangkat dan melantik Jawatankuasanya dengan diberi kuasa yang serupa dengan kuasa Jawatankuasa Pilihan Majlis, dan apabila diterima apa-apa perutusan mencadangkan masa dan tempat hendak diadakan mesyuarat Jawatankuasa Bersama itu, maka Tuan Yang di-Pertua, jika cadangan itu tidak jadi keberatan, hendaklah memerintahkan Jawatankuasa Pilihan Majlis bermesyuarat dengan Jawatankuasa Dewan Negara.

**88.** (1) Dalam apa-apa Jawatankuasa Bersama yang dilantik menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 87, maka aturan yang hendak diikuti ialah aturan yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan ini; tetapi disyaratkan iaitu Pengerusi Jawatankuasa Bersama itu hendaklah dipilih atau dilantik oleh Jawatankuasa itu sendiri.

Aturan  
Jawatankuasa  
Pilihan  
Bersama dan  
Penyata-  
penyatanya.

(2) Syarat-syarat Peraturan-peraturan ini yang berkenaan dengan penyata-penyata Jawatankuasa Pilihan hendaklah dipakaikan kepada Penyata sesebuah Jawatan-kuasa Bersama: tetapi disyaratkan iaitu jika Pengerusi Jawatankuasa Bersama itu bukan seorang ahli Majlis, maka Penyata itu hendaklah dibawa ke dalam mesyuarat oleh siapa-siapa ahli Majlis yang dilantik oleh Jawatankuasa Pilihan yang tersebut dalam perenggan (c) dalam Peraturan Mesyuarat 87.

**89. (1)** Menurut syarat-syarat dalam Perkara 67 dalam Perlembagaan, sesuatu Rang Undang-undang atau pindaan yang mengandungi syarat-syarat baik dengan tepat atau tidak tepat bagi perkara-perkara yang tersebut di bawah ini tidak boleh dibawa ke dalam mesyuarat atau dicadangkan melainkan oleh seorang Menteri :

- (a) mengenakan atau menaikkan apa-apa cukai atau menghapuskan, mengurangkan atau memaafkan apa-apa cukai yang ada sekarang; atau
- (b) meminjam wang, atau memberi apa-apa jaminan oleh Malaysia, atau meminda undang-undang berkenaan dengan kewajipan kewangan Malaysia;
- (c) menyimpan Kumpulanwang Negara, memberi tanggapan bayaran daripada Kumpulanwang Negara atau menghapuskan atau mengubah apa-apa tanggapan bayaran itu;
- (d) memasukkan wang dalam Kumpulanwang Negara atau membayar, mengeluarkan atau menarik balik daripada Kumpulanwang Negara apa-apa wang yang tidak disanggupkan ke atasnya, atau menambah wang yang hendak dibayar atau dikeluarkan atau ditarik balik daripada Kumpulanwang Negara;
- (e) berpakat menyelesaikan atau memaafkan apa-apa piutang Malaysia;
- (f) menguntukkan pendapatan daripada sesuatu cukai atau bayaran kepada sesebuah Negeri dalam Malaysia atau memberi wang kepada Negeri itu;
- (g) menerima wang untuk Kumpulanwang Negara atau menyimpan atau mengeluarkan wang itu atau memeriksa kira-kira wang Malaysia atau kira-kira Negeri dalam Malaysia, iaitu peruntukan-peruntukan mana yang dinyatakan oleh Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan kewangan iaitu melebihi perkara kecil-kecil sahaja dan bukan suatu perkara besar, dengan memandang kepada tujuan-tujuan Rang Undang-undang atau pindaan itu.

**(2)** Sesuatu Rang Undang-undang atau pindaan tidak disifatkan sebagai Rang Undang-undang atau pindaan yang mengandungi syarat-syarat bagi perkara-perkara yang tersebut di atas tadi jika Rang Undang-undang atau pindaan itu hanya mengandungi syarat-syarat :

- (a) bagi mengenakan atau mengubah sebarang apa denda wang atau hukuman kena bayar wang, atau membayar atau meminta bayaran lesen atau apa-apa bayaran atau upah kerana apa-apa kerja yang telah dijalankan; atau
- (b) bagi mengenakan atau mengubah atau mengatur apa-apa cukai atau bayaran yang dikenakan oleh badan pentadbiran tempatan atau lain-lain badan bagi kegunaan tempatan.

**90. (1)** Kecuali dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, Majlis tidak boleh membincangkan apa-apa Rang Undang-undang, pindaan, usul, atau rayuan yang difikirkan oleh Tuan Yang di-Pertua akan merentikan kuatkuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat atau mana-mana jua daripadanya.

**(2)** Sesuatu masaalah yang bertujuan hendak merentikan kuatkuasa mana-mana Peraturan Mesyuarat atau harus menyebabkan boleh terhenti kuatkuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat, boleh dicadangkan hanya selepas dikeluarkan pemberitahu atau dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua.

91. Dengan tidak menyentuh perjalanan Perkara 52 dalam Perlembagaan seseorang ahli itu hendaklah memberitahu Setiausaha dengan seberapa segeranya jika ia tidak dapat menghadiri sesuatu mesyuarat Majlis.

Ahli-ahli yang tiada dapat hadir

92. Seseorang ahli tidak dibenarkan hadir di hadapan Majlis atau di hadapan mesyuarat apa-apa Jawatankuasa Majlis sebagai sifatnya akan menerima bayaran atau upah, atau sebagai peguam bagi mana-mana pihak.

Memakai Ahli sebagai profesyenal.

93. (1) Orang-orang luar dibenarkan hadir menyaksikan mesyuarat dalam Dewan Majlis mengikut apa-apa peraturan yang dikeluarkan oleh Tuan Yang di-Pertua dari satu masa ke satu masa.

Orang-orang luar.

(2) Jika siapa-siapa ahli memberitahu ada orang-orang luar hadir, maka Pengerusi dengan sertamerta hendaklah mengemukakan masaalah "*Iaitu orang-orang luar hendaklah keluar*" bagi diputuskan dengan tidak dibenarkan dibahas atau dipinda.

(3) Pengerusi, bila-bila baik pada fikirannya, bolehlah memerintahkan orang-orang luar keluar daripada Dewan Mesyuarat itu sama sekali atau daripada mana-mana bahagian Dewan Mesyuarat.

(4) Bentara Mesyuarat hendaklah menahan siapa-siapa orang luar yang nampak olehnya masuk dengan tidak mendapat kebenaran atau yang diberitahu kepadanya mengatakan ada dalam mana-mana bahagian Dewan Majlis atau tempat pemerhati dan juga siapa-siapa orang luar yang telah dibenarkan masuk tetapi berkelakuan tidak baik, atau yang enggan keluar apabila diperintahkan keluar pada masa Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Mesyuarat bersidang.

94. Tuan Yang di-Pertua boleh mengeluarkan kebenaran am kepada wakil apa-apa akhbar kerana menghadiri persidangan Majlis mengikut apa-apa peraturan yang dikeluarkannya dari satu masa ke satu masa. Jika wakil itu melanggar peraturan-peraturan itu, maka kebenaran itu harus akan ditarikbalik.

Wakil-wakil akhbar.

95. Ayat mengundang-undangan semua Rang Undang-undang hendaklah seperti berikut, "*Bahawasanya diperbuat Undang-undang ini oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa kedua-dua Dewan itu, seperti berikut:*"

Ayat mengundang-undangan Rang Undang-undang

Tetapi disyaratkan iaitu berkenaan dengan apa-apa undang-undang yang berjalan kuatkuasanya menurut Perkara 68 dalam Perlembagaan, maka ayat mengundang-undangan Rang Undang-undang itu hendaklah seperti berikut—"*Bahawasanya diperbuat Undang-undang ini oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, menurut syarat-syarat Perkara 68 dalam Perlembagaan, dan dengan kuasa Dewan Rakyat, seperti berikut:*".



**96. (1)** Tiap-tiap Undang-undang selepas disahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, hendaklah dikeluarkan dengan seberapa segeranya dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Pada bila-bila masa jua sebelum dikeluarkan Undang-undang itu, Setiausaha, dengan berunding dengan Setiausaha Dewan Negara, boleh membetulkan kesalahan-kesalahan tentang nahu dan kesalahan-kesalahan cap dalam Undang-undang itu, atau sebutan yang berulang-ulang isinya atau dalam sebutan-sebutan didalamnya, atau tanda-tanda berhenti atau peringatan-peringatan diruang muka surat, dan pada membetulkannya itu bolehlah ditambahnya apa-apa perkataan, atau dipotong atau diganti dengan perkataan lain.

Belanja saksi-saksi.

**97.** Belanja yang akan dibayar atau ditawarkan untuk perbelanjaan seseorang saksi yang dipanggil hadir atau dipanggil mengeluarkan apa-apa surat, hendaklah sama banyak dengan belanja yang boleh dibayar kepadanya jika sekiranya ia dipanggil jadi saksi dimahkamah mengikut aturan-aturan yang berjalan kuatkuasanya di bawah undang-undang berkenaan dengan peraturan kesalahan jenayah :

L.N. 658/54.

Tetapi disyaratkan iaitu masa menjalankan aturan-aturan itu, bila-bila disebut Hakim hendaklah difahamkan maksudnya Tuan Yang di-Pertua dan bila-bila disebut Pendaftar Mahkamah Tertinggi difahamkan maksudnya Setiausaha.

Tafsir.

**98.** Dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, perkataan-perkataan atau kalimah yang disebutkan di bawah ini adalah mengandungi makna yang diterangkan itu kecuali jika karinah ayatnya berkehendakkan pengertian yang lain—

perkataan “Menteri” hendaklah difahamkan termasuk Timbalan Menteri;

kalimah “Jawatankuasa Pilihan” hendaklah difahamkan termasuk “Jawatankuasa Pilihan Khas”;

“persidangan” ertinya ialah tempoh dijalankan mesyuarat Majlis dengan tidak berhenti-henti (termasuk masa ditempokkan mesyuarat) dan termasuklah tempoh Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa;

“mesyuarat” ertinya ialah persidangan atau persidangan-persidangan Majlis mula daripada permulaan Majlis bermesyuarat selepas dipanggil mesyuarat pada bila-bila masa jua, dan habisnya apabila Majlis ditangguhkan selama lebih daripada empat belas hari atau dengan tidak ditentukan haribulan mesyuarat akan datang, atau setelah tamat sesuatu penggal Parlimen;

“penggal Parlimen” ertinya ialah persidangan-persidangan Majlis mula daripada permulaan Majlis bermesyuarat selepas ditubuhkan Majlis atau selepas diberhentikan atau dibubarkan Parlimen pada bila-bila masa jua; dan habisnya apabila Parlimen diberhentikan atau dibubarkan dengan tidak diberhentikan terlebih dahulu.

“ahli Kerajaan” hendaklah difahamkan sebagai termasuk Menteri-menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen.

**99.** Keputusan Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan sebarang perkara tafsir dalam mana-mana jua Peraturan Mesyuarat ini atau berkenaan dengan kelaziman adalah muktamad kecuali jika ada usul bersendiria menentang keputusan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dari satu masa ke satu masa, boleh mengeluarkan petua-petua berkenaan dengan perkara-perkara ini.

Petua-petua  
Tuan Yang  
di-Pertua.

**100.** Semua perkara yang tidak disyaratkan terang-terang dalam Peraturan-peraturan ini dan semua perkara berkenaan dengan menjalankan Peraturan-peraturan ini pada perkara satu persatunya, hendaklah diaturkan menurut cara yang tidak berlawanan dengan Peraturan-peraturan ini, sebagaimana yang diperintahkan oleh Tuan Yang di-Pertua dari satu masa ke satu masa; dan masa hendak mengeluarkan perintah demikian itu, Tuan Yang di-Pertua hendaklah memandang kepada adat kelaziman Majlis Parlimen dalam Negeri-negeri Commonwealth sepanjang yang boleh dipakaikan kepada perjalanan Majlis.

Kuasa-kuasa  
dalam perkara  
perkara lain.



## FAHRASAT

(Angka-angka itu menunjukkan bilangan Peraturan Mesyuarat)

### Ahli-ahli

- Apabila tiada dapat hadir, 91
- Ditegur oleh Pengerusi, 42
- Disebutkan nama oleh Pengerusi, 44 (2), (3), (4)
- Digantung kerja sebagai ahli, 44 (5)
- Faedah kewangan, 35 (7), 47 (5), 50 (4)
- Kedatangan, dimasukkan dalam Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat, 9 (4)
- Kelakuan tiada senonoh, 44
- Kerusi, menguntukkan bagi ahli-ahli, 2
- Menengok rekod-rekod dan surat-surat yang dibentangkan dalam Majlis, 9 (5), (6)
- Mengangkat sumpah, 1 (c), 5 (2), (3)
- Memakai orang sebagai profesyenal, 92
- Mengeluarkan rayuan, tanggungannya, 19 (1) (a), 19 (2) (c)
- Mengundi dalam belahbahagi, dimasukkan dalam Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat, 9 (4)
- Penerangan sendiri, 25
- Salinan ucapan—
  - Boleh dibetulkan, 10 (3), (4)
  - Diberikan kepada ahli-ahli, 10 (2)

### Anggaran Belanja Pembangunan

#### Tahunan—

Menimbangkan Kepala-kepala dalam jawatankuasa, 67B (4), masa yang diuntukkan baginya, 67B (4) (a) (b); Pengerusi hendaklah mencadangkan tiap-tiap Kepala, 67B (5); pindaan kepada Kepala-kepala, 67B (6) (7) (8); penyata 67B (9); menerima cadangan yang dibawa, 67B (10)

#### Tahunan—

Ketetapan hendaklah diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, 67B (1); had perbahasan, 67B (2); masa yang diuntukkan bagi usul hendak membawa kepada Jawatankuasa, 67B (3)

Penerangan hendak dibentangkan di Meja Mesyuarat 67A

#### Tambahan—

Menimbangkan Kepala-kepala dalam Jawatankuasa, 67C (5); masa yang diuntukkan baginya, 67C (5) (a) (b); syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 67B yang boleh dipakaikan, 67C (6) Ketetapan hendaklah diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, 67C (1); had perbahasan, 67C (3); masa yang diuntukkan bagi usul hendak membawa kepada Jawatankuasa, 67C (4)

Penerangan hendaklah dibentangkan di atas Meja Mesyuarat, 67C (2)

### Anggaran Perbelanjaan, Tahunan

- Dihantar kepada Jawatankuasa Perbekalan, 66 (3)
- Hendaklah dibentangkan di Meja sebelum mesyuarat, 65
- Perbelanjaan yang dikehendaki hendaklah diterangkan satu-persatu, 66 (1)
- Tambahan, 67 (1)—
  - Hal-halnya hendaklah diterangkan, 67 (1), (a)—(b)
  - Hendaklah dibentangkan di atas Meja, 67 (2)

### Aturan Urusan Mesyuarat

- Menghantar kepada ahli-ahli, 9 (2)

### Bahasa, 8

- Bahasa rasmi, 8
- Bahasa biadab, 36 (4)

### Belahbahagi

- Ahli-ahli yang meminta diadakan belahbahagi, 46 (4)
- Cara menjalankannya, 47 (1) (2) (3)
- Dimasukkan dalam Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat, 9 (4), 47 (1)
- Kesilapan undi, 47 (4)
- Penghitung undi, melantik penghitung undi, 46 (4)
- Suara, bersetuju, 47 (2)
- Tidak sah jika tidak cukupbilang, 13 (5)
- Undi pemutus, 47 (3)

### Bentara Mesyuarat

- Kewajipannya, 44 (2), 93 (4)

### Buku Mesyuarat

- Boleh ditengok oleh ahli-ahli 9 (5)
- Hal-hal yang hendak dimasukkan di dalamnya, 9 (5)
- Menyediakannya, 9 (5)

### Cukup bilangan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, 13

- Aturan membilang ahli-ahli 13 (3), (4)
- Dalam belah-bahagi, 13 (5)
- Jika tidak cukupbilang, 13 (3)
- Tidak termasuk Pengerusi, 13 (1)

### Commonwealth

- Kelaziman Majlis Parlimen, 100

### Dewan Negara

- Perutusan daripada Dewan Negara—
  - Apabila Majlis bersidang, 71 (1)
  - Diterima oleh Bentara Mesyuarat, 71 (1)
  - Membacanya, 71 (3)
  - Menyampaikan kepada Tuan Yang di-Pertua, 71 (2)
- Perutusan kepada Dewan Negara, 70 (1), (2)

**Dewan Negara Rang Undang-undang daripadanya**

Bacaan Kali Yang Pertama, dimasukkan dalam Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat, 72 (1)  
Bacaan Kali Yang Kedua, pemberitahu, 72 (2)  
Dijaga oleh ahli, 72 (2)  
Dibentangkan di atas Meja, 72 (1)  
Menuliskan nama ahli, 72 (3)  
Perutusan berkenaan dengannya, 70 (1) (b), 70 (2)

**Had Perbahasan**

Berkenaan dengan pindaan, 38 (1), (3), (4)  
Berkenaan dengan Rang Undang-undang, 38 (1), 55 (1), 61 (1)  
Berkenaan dengan usul, 38 (1); menangguhkan mesyuarat, 38 (1), (2); menangguhkan perbahasan, 38 (5); dalam Jawatankuasa, 38 (5)  
Perkara yang berkaitan, 38 (1) (2)

**Jawatankuasa Pemilih (lihat juga Jawatankuasa Pilihan)**

Ahli-ahlinya 76 (2)  
Kuasanya, 76 (2)  
Melantiknya, 76 (2)

**Jawatankuasa Hak dan Kebebasan (lihat juga Jawatankuasa Pilihan)**

Ahli-ahlinya, 80 (1)  
Aturan dalam mesyuaratnya, 80 (2)  
Kewajipannya, 80 (1)  
Kuasanya, 80 (3)

**Jawatankuasa sebuah-buah Majlis**

Cukup bilang 13 (1), (4)  
Pengerusinya, 7 (4)  
Penyata rasmi mesyuarat, 10 (1)  
Waktunya direntikan perjalanan mesyuarat, 16 (2)

**Jawatankuasa Perbekalan**

Pengerusinya, 7 (4) (lihat juga Rang Undang-undang Perbekalan)

**Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara**

Ahli-ahlinya, 77 (2)  
Kewajipannya, 77 (1)  
Kuasa-kuasanya, 77 (4)  
Melantiknya, 77 (1)  
Menteri tidak boleh jadi ahli, 77 (3)

**Jawatankuasa Pilihan**

Ahli-ahlinya—  
Memilihnya, 82 (1)  
Melantiknya, 81 (1), 83 (7)  
Belahbahagi, 84  
Cukup bilang, 83 (3)  
Kebenaran memaklumkan fikiran dan perca-  
kapan, 83 (2)  
Kebenaran memaklumkan butir-butir kete-  
rangan, 83 (2)  
Kebenaran hendak mengeluarkan penyata khas, 86 (2)

**Jawatankuasa Pilihan—(sambungan)**

Keterangan yang dikeluarkan kepadanya—

Menyarkannya, 85  
Menghantar kepada saksi, 83 (10)  
Yang tidak berkaitan, boleh enggan men-  
dengar, 83 (11)

Kuasa memanggil orang dan meminta keluaran surat, 83 (2)

**Mesyuarat-mesyuaratnya**

Bila masanya bersidang, 83 (6)  
Masa dan tempatnya, 83 (5)

Peraturan yang dipakaikan kepada semua Jawatankuasa Pilihan, kecuali jika ada syarat lain dalam Peraturan Mesyuarat 76 sampai 80, 83 (1)

Peringatan Perjalanan Mesyuarat; halnya hendaklah dituliskan, 86 (4)

Perjalanan mesyuarat, tidak boleh disebutkan dalam pertanyaan, 23 (1) (e)

**Penyatanya—**

Dibentangkan di Meja Majlis, 86 (3)  
Membawa ke dalam mesyuarat, 86 (3)  
Mengecapnya, 86 (3)  
Menimbangkan, 83 (12)  
Penyata Khas, 86 (2)

**Saksi—**

Memanggilnya, 83 (9)  
Yang berdegil, boleh enggan didengar cakap-  
nya, 83 (11)

**Jawatankuasa Pilihan Khas**

Menubuhkannya, 81 (1)  
Menggantikan ahli-ahli, 82 (2)  
Pengerusi—  
Memilihnya, 81 (2)  
Undi pemutus, 84 (4)  
Persidangannya, 83 (5)

**Jawatankuasa Pilihan Bersama**

Kuasa-kuasanya, 87 (c)  
Melantiknya, 87  
Pengerusi dipilih atau dilantik, 88 (1)  
Penyatanya—  
Dibawa ke dalam mesyuarat, 88 (2)  
Syarat-syarat Peraturan Mesyuarat berkenaan dengannya, 88 (2)  
Peraturan mesyuaratnya, 88 (1)  
Usul-usul hendak menubuhkan, 87 (a)

**Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat**

Ahli-ahlinya, 78 (1)  
Kewajipannya, 78 (1)  
Melantiknya, 78 (1)  
Pindaan kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat, aturannya, 78 (2)

**Jawatankuasa Dewan**

Ahli-ahlinya, 79 (1)  
Kewajipan-kewajipannya, 79 (1)  
Peringatan mesyuarat dihantar kepada semua ahli Majlis, 79 (2)



## **Keputusan atas Masaalah**

Pihak mana yang banyak ahli-ahli mengundi, 45

## **Keputusan Majlis**

Dimasukkan dalam Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat, 9 (4)

## **Kerusi-kerusi**

Menguntukkannya, 2

Penerangan sendiri oleh ahli-ahli 25

Masanya hendak dikeluarkan, 14 (1) (f)

Penerangan yang disediakan terlebih dahulu, hendaklah diberikan kepada Tuan Yang di-Pertua, 25

## **Kumpulanwang Pendahuluan**

Keterangan wang yang dikeluarkan daripadanya, dibawa oleh Menteri, 68 (1)

Keterangan diminta berkenaan dengan butir-butir perbelanjaan, pemberitahu yang dikehendaki, 68 (2)

## **Majlis Menangguhkan Majlis menurut Peraturan Mesyuarat, 18**

Usul kerananya—

Lucut cadangan pada masa diganggu, 18 (3)

Masanya mencadangkan, 18 (3)

Masa dan caranya meminta izin mencadangkan, 14 (1) (h), 18 (1)

menghadkan berapa usul dalam satu persidangan, 18 (5)

Pemberitahu bersurat berkenaan dengan perkara yang hendak dibincangkan, 18 (2)

Urusan yang ditangguhkan, dimulakan lepas pukul 4.30 petang, 18 (4)

## **Menangguhkan Majlis**

Dengan tidak dikemukakan, 17 (4), 18 (4)

Dengan tidak ditentukan hari mesyuarat akan datang, 11 (2)

Hingga hari lain, 12 (2)

Hingga hari esok, 12 (2)

Jika berbangkit huru-hara besar, 44 (8)

Kerana tidak cukupbilang, 13 (3)

Usul menangguhkan Majlis—

Dicadangkan oleh ahli Kerajaan, 16 (3)

Masanya mengeluarkan usul, 12 (2), 16 (1), (3)

Masaalah dikemukakan, 17 (4)

Menghadkan bilangan ahli yang boleh bercakap dan lamanya dibenarkan tiap-tiap seseorang itu boleh bercakap, 17 (2), (3)

Pemberitahu hendak menangguhkan mesyuarat, 17 (2)

Perkara-perkara yang boleh dikeluarkan, 17 (1)

## **Masaalah, memutuskannya, 45**

## **Masaalah daripada Pengerusi**

Cara mencadangkan, 33 (4)

Cadangan, berkenaan dengan usul, 33 (1)

Keputusan dimasyurkan oleh Pengerusi, 46 (3)

Mengemukakan, 33 (2), (3)

Pindaan kepadanya, 30 (4), 33, 57 (5)

Yang telah dikemukakan semua sekali—

Apabila telah dipungut undi, 46 (2)

Tiada siapa boleh bercakap lagi lepas itu, 46 (2)

## **Mesyuarat**

Mula-mula lepas Pilihanraya—

Aturan Urusan Mesyuarat, 1

Mengaturtan kerusi ahli-ahli, 2 (1)

Pemasyhuran, membacaknya, 1

Pemberitahu, 9 (1)

## **Orang-orang Luar**

Apabila ada ahli pemberitahu mengatakan ada orang luar, 93 (2); kewajipan Pengerusi, 93 (2)

Bentara Majlis, kewajibannya berkenaan dengan orang luar, 93 (4)

Membenarkan hadir menyaksikan mesyuarat, 93 (1)

## **Pemberitahu**

Aturan Urusan Mesyuarat, 9 (2)

Berkenaan dengan perkara yang hendak dikeluarkan apabila ditangguhkan mesyuarat, 17 (2)

Berkenaan dengan pindaan kepada Rang Undang-undang, 27

Berkenaan dengan mesyuarat-mesyuarat dan penggal-penggal mesyuarat, 9 (1), 11 (2), (3)

Berkenaan dengan usul—

Cara mengeluarkannya, 27 (1)

Dimasukkan dalam Buku Mesyuarat, 9 (5)

Mengubah susunan cakap, 28

Mengecap dan menghantar kepada ahli-ahli 27 (4), (6)

Melonggarkan syarat mengecap, 26 (a)-(r)

Menarikbalik, 29

Mesti dikeluarkan, 26

Penggal baharu, 9 (1)

Tandatangan, 27 (2)

Tempohnya, 27 (3)

Yang tidak betul atau tidak menurut peraturan, 27 (5)

Pertanyaan kepada Menteri, 22 (1), (2)

## **Pemasyhuran Memanggil Parlimen**

Dibacakan oleh Setiausaha, 1

Memberitahu ahli-ahli, 9 (1)

## **Pengerusi**

Cukupbilangan tidak termasuk pengerusi, 13 (1)

Keputusannya muktamad berkenaan dengan peraturan, 43

Makna "Pengerusi", 7 (5)

